

2013

LAPORAN TAHUNAN



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh:
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
Sri Layang
69000 Genting Highlands
Tel: 03-61056100/Faks: 03-61056299
<http://www.iab.edu.my>
emel: iab@iab.edu.my

Urusan penerbitan oleh:
Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
Institut Aminudin Baki

Cetakan 2013

© Institut Aminuddin Baki 2013

© Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam bentuk atau sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Baki terlebih dahulu.

Pengurus Penerbitan

Ramli bin Yaacob

ISSN: 1985-5346

Reka bentuk dan cetakan oleh:

PERCETAKAN SALAM SDN BHD
18 & 20 Jalan 34/10A, Taman Perindustrian IKS,
Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur
Tel : 03-6186 9469 Faks : 03-6187 5436
Email : cetak.salam@gmail.com

PENGHARGAAN

Jawatankuasa penerbitan Buku Laporan Tahunan Institut Aminuddin Baki 2013
merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada:

Dato' Haji Khairil bin Haji Awang

Pengarah Institut Aminuddin Baki

Dr. Zainab binti Hussin

Timbalan Pengarah Khidmat Profesional

Mazlan bin Samsuddin

Timbalan Pengarah Khidmat Latihan

Mohd Zanal bin Dirin

Pengarah IAB Cawangan Utara

Syed Mohamad Al Adros bin Tuan Muning

Pendaftar

Abdul Razak bin Abdul Rahim

Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

Dr. Sulaiman bin Hashim

Ketua Pusat Pengurusan Teknologi

Dr. Mohamed Yusof bin Mohd Nor

Ketua Pusat Pembangunan Organisasi

Abdul Razak bin Manaf

Ketua Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan

Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim

Ketua Pusat Konsultasi dan Mentoring

Dr. Zaiton binti Ismail

Ketua Pusat Penyelidikan Penilaian dan ICT

Abdul Mu'ti bin Ahmad

Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan

Dr. Marzita binti Abu Bakar

Ketua Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan

dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak
langsung dalam menyediakan laporan ini.

JAWATANKUASA PENERBITAN

PENAUNG

Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang
Pengarah IAB

Dr. Zainab binti Hussin
Timbalan Pengarah Khidmat Profesional

Mazlan bin Samsuddin
Timbalan Pengarah Khidmat Latihan

Mohd Zanal bin Dirin
Pengarah IAB Cawangan Utara

Syed Mohamad Al Adros bin Tuan Muning
Pendaftar

Abdul Razak bin Abdul Rahim
Ketua Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

Dr. Sulaiman bin Hashim
Ketua Pusat Pengurusan Teknologi

Dr. Mohamed Yusof bin Mohd Nor
Ketua Pusat Pembangunan Organisasi

Abdul Razak bin Manaf
Ketua Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan

Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim
Ketua Pusat Konsultasi dan Mentoring

Dr. Zaiton binti Ismail
Ketua Pusat Penyelidikan Penilaian dan ICT

Abdul Mu'ti bin Ahmad
Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan

Dr. Marzita binti Abu Bakar
Ketua Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan

Ketua Editor

Nor Ishsan binti Ab Razak
Ketua Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi

Editor

Ramli bin Yaacob
Aziah binti Samichan
Raja Ibrahim bin Raja Midin

Sidang Pengarang

Nik Marini binti Nik Abdul Malik
Rashidah binti Mohd Said
Ashfahani binti Zakaria
Sathiyabama Supramaniam
Yusnida binti Yusoff
Gu Saw Lan
Kamran bin Mohamad
Minhad bin Mohtah
Norita binti Ismail
Hjh Nor Hasimah binti Hashim
Som binti Sharif
Samihah binti Abdul Rahman
Mohd Khairil Ikqwan Bin Husin

Norazana binti Mohd Nor
Noor Azimah binti Abdul Aziz
Wong Kwai Cheng
Mahadzir bin Abdul Rahman
Suriati binti Suhaimi
Noor Zamimi binti Mohd Zahari
Hamizi bin Osman
Che Lokman bin Abdullah
Raja Ibrahim bin Raja Midin
Ramli bin Yaacob
Faridah binti Mahmood
Aniza Eryani binti Mohammad Razi
Suzana binti Zakaria

Urus Setia

Basri bin Othman
Hasbarani bin Chin

ISI KANDUNGAN

Penghargaan

Kandungan

Ringkasan Eksekutif

BAB 1 : MAKLUMAT ORGANISASI	11
1.1 Perutusan Pengarah	13
1.2 Pengurusan Tertinggi	14
1.3 Carta Organisasi	16
1.4 Majlis Penasihat Pendidikan Latihan (MPPL)	18
1.5 Misi dan Visi	20
1.6 Piagam Pelanggan	21
1.7 Dasar Kualiti	22
1.8 Fungsi IAB	23
1.9 Fungsi Pusat	23
1.10 Jejak Kepimpinan IAB	25
BAB 2 : Laporan Eksekutif MPPL	27
2.1 Laporan Eksekutif Majlis Penasihat Pendidikan dan Latihan (MPPL)	29
BAB 3 : AKTIVITI TAHUNAN IAB	33
3.1 Perhimpunan Bulanan	35
3.2 Hari Profesional	38
3.3 Majlis Sambutan Hari Guru	40
3.4 Bulan Kemerdekaan	43
3.5 Bulan Bahasa Kebangsaan	46
3.6 Hari Inovasi dan Kualiti	47
3.7 Bulan Galakan Membaca	51
BAB 4 : PROGRAM-PROGRAM TAHUN 2013	53
4.1 Lanskap <i>Premier Centre</i>	55
4.2 Ringkasan Program IAB 2013	57
4.3 Program Latihan	58
4.4 Program Pembangunan Individu (PI)	68
4.5 Program Pembangunan Organisasi (PO)	82
4.6 Program <i>Master Trainer</i>	94
4.7 Program Penyelidikan dan Pembangunan	100
4.8 Program Jaringan dan Kolaboratif	105
4.9 Program Pengurusan Pengetahuan	112

BAB 5 : PROGRAM KHAS	131
5.1 Program <i>Teach For Malaysia</i>	133
5.2 Program i-Think	134
5.3 VLE dan 1Bestari Net	140
5.4 Program Penataran	142
BAB 6 : LAPORAN PENCAPAIAN	173
6.1 Piagam Pelanggan IAB	175
6.2 Laporan <i>PREMIER CENTRE</i>	176
6.3 Pencapaian KPI <i>PREMIER CENTRE</i>	180
BAB 7 : LAPORAN PENGUPAYA	187
7.1 Laporan Kewangan	189
7.2 Perkhidmatan & Sumber Manusia	192
7.3 Infrastruktur & Infostruktur	199
BAB 8 : INOVASI DAN PENGIKTIRAFAN	211
8.1 Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK)	213
8.2 Amalan 5S	216
BAB 9 : IAB MARA KEHADAPAN	219
9.1 Program Kedoktoran untuk Pensyarah SJQ	221
9.2 Konsep Pengurusan Bersepadu SJQ	223
9.3 Program Khas Pensiswazahan Guru Besar	230
BAB 10 : CABARAN PPPM	233
10.1 <i>Executive Enhancement Course</i> (EEC)	235
10.2 SELTRiP	236
10.3 PRIme	237
10.4 Fellow Kanan	242
10.5 Kepimpinan Berkeperluan Khusus	246
10.6 Kepimpinan Berprestasi Tinggi	251
10.7 Kepimpinan <i>Difficult People</i>	252
10.8 Kepimpinan Berprestasi Rendah	253
BAB 11 : LAMPIRAN	255
Senarai Nama Graduan NPQEL	257

RINGKASAN EKSEKUTIF

Buku Laporan Tahunan IAB merupakan buku yang memuatkan pelbagai program dan kegiatan di Institut Aminuddin Baki secara tahunan. Laporan tahunan ini diterbitkan sekali dalam setahun dan disampaikan dalam bahasa Malaysia. Melalui laporan ini, segala pencapaian dan aktiviti IAB dapat diketahui.

Buku Laporan Tahunan IAB 2013 ini mengandungi sepuluh bab. Setiap bab akan memaparkan segala kegiatan dan pencapaian Institut Aminuddin Baki sepanjang tahun 2013. Laporan Tahunan ini juga disusun berdasarkan Lanskap *Premier Centre*. Segala kegiatan dan pencapaian yang dimuatkan dalam buku laporan ini dipersembahkan bersama-sama jadual, graf, carta, gambar-gambar serta grafik yang sesuai dan menarik. Buku Laporan Tahunan IAB 2013 ini diharap dapat dijadikan sumber rujukan kepada semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bab 1 memaparkan maklumat tentang organisasi, iaitu dimuatkan Perutusan Pengarah, maklumat mengenai pengurusan tertinggi, carta organisasi, fungsi Majlis Penasihat Pendidikan Latihan (MPPL), misi dan visi, piagam pelanggan, dasar kualiti, fungsi IAB, di samping fungsi semua pusat yang terdapat di IAB dan akhirnya dimuatkan mengenai jejak kepimpinan IAB.

Bab 2 memperkatakan perihal Majlis Penasihat dan Latihan (MPPL). MPPL yang ditubuhkan bertujuan mendapatkan pandangan, nasihat dan maklum balas tentang program-program yang dilaksanakan oleh IAB. Turut dimuatkan ialah laporan ringkas kursus-kursus yang dilaksanakan dan pencapaian-pencapaian IAB.

Bab 3 melaporkan tentang aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun ini, iaitu Perhimpunan Bulanan, Hari Profesioal, Perayaan Hari Guru, Sambutan Bulan Kemerdekaan, Bulan Bahasa Kebangsaan, Hari Inovasi dan kualiti serta Bulan Galakan Membaca.

Bab 4 pula melaporkan tentang program-program tahunan IAB yang melibatkan Lanskap *Premier Centre*. Turut dimuatkan tentang ringkasan program IAB bagi tahun 2013, Program Pembangunan Individu (PI), Program Pembangunan Organisasi (PO), Program *Master Trainer*, Program penyelidikan dan pembangunan, Program jaringan dan kolaboratif, Program pengurusan pengetahuan, dan sebagainya.

Bab 5 melaporkan tentang program khas. Program-program yang dilaporkan dalam bab ini ialah Program Teach For Malaysia, Program *i-Think*, VLE

dan 1Bestari Net. Juga dilaporkan mengenai Program Penataran iaitu, Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-20, Kolokium Pengurusan Sekolah Terintang, Kolokium Kajian Tindakan, Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional, Komensmen IAB 2013, Persidangan Bos, Seminar Pengurusan LINUS, Mesyuarat Bersama Pelanggan, Kolokium ICT dalam Pengurusan dan Kepimpinan 2013, Kolokium *Master Trainer*, Kolokium PrOD, RCELAM dan Bengkel Pemantapan Pengurusan Tertinggi KPM dan sebagainya.

Bab 6 memuatkan laporan mengenai pencapaian Piagam Pelanggan IAB. Pencapaian piagam pelanggan IAB mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Pencapaian ini diukur berdasarkan prestasi pencapaian pada 31 Disember 2013. Selain itu, bab ini juga melaporkan mengenai pencapaian KPI *Lanskap Premier Centre* yang dicapai sehingga 31 Disember 2013 berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama (KRA), seperti pembelajaran dan pembangunan, *Master Trainer* dan Pusat Rujukan.

Bab 7 melaporkan tentang kewangan, Perkhidmatan & Sumber Manusia yang melibatkan perjawatan di IAB, pergerakan pensyarah sama ada yang bertukar atau bersara, Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2012. Turut dimuatkan dalam bab ini ialah laporan mengenai Infrastruktur & Infostruktur yang terdapat IAB Induk dan di semua cawangan IAB.

Bab 8 melaporkan tentang inovasi dan pengiktirafan yang diterima oleh IAB sepanjang tahun 2013. Pada tahun ini, Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) yang telah menyertai beberapa pertandingan telah memenangi beberapa anugerah. Di samping laporan tentang penganugerahan Amalan 5S kepada IAB.

Bab 9 melaporkan tentang segala usaha IAB untuk terus mara ke hadapan bagi mendepani cabaran pendidikan di negara ini. Dalam hal ini, IAB telah melaksanakan program-program seperti Program Kedoktoran Pensyarah, SJ-Q, Program Pengsiswazahan Guru Besar (PKPGB) dan sebagainya.

Bab 10 melaporkan tentang cabaran-cabaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). IAB telah terlibat dalam menjayakan PPPM melalui pelaksanaan program-program seperti *Executive Enhancement Course (EEC)*, *SELTRIP*, Fellow Kanan, PRIme, Kepimpinan Berprestasi Rendah, Kepimpinan Berkeperluan Khusus, Kepimpinan Berprestasi Tinggi, Kepimpinan *Difficult People* dan sebagainya.

Editor
Ramli bin Yaacob

Maklumat Organisasi

BAB 1

Perutusan Pengarah
Pengurusan Tertinggi
Carta Organisasi
Majlis Penasihat Pendidikan Latihan (MPPL)
Misi dan Visi
Piagam Pelanggan
Dasar Kualiti
Fungsi IAB
Fungsi Pusat
Jejak Kepimpinan



I.I PERUTUSAN PENGARAH IAB



Bismillahirrahmannirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga IAB atas usaha dan kerjasama serta komitmen yang telah diberikan untuk memacu kecemerlangan IAB ke arah yang lebih mampan. Segala tugas dan tanggungjawab yang dipikul secara bersama-sama dengan penuh komitmen, dedikasi dan amanah sangat bermakna dalam mencapai visi IAB iaitu “Pusat pembangunan kepimpinan pendidikan yang terbilang”.

Pendidikan merupakan perkara asas yang berupaya mempengaruhi pembangunan diri individu dan menyediakan peluang ke arah mencorakkan kecemerlangan masa hadapan negara. Pendidikan juga mendasari pembangunan modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi yang merupakan faktor kritikal bagi menyokong pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi sesebuah negara. Komitmen dan usaha meningkatkan kualiti pendidikan merupakan sebahagian daripada pelaburan utama Kementerian Pendidikan ke arah kesejahteraan rakyat Malaysia.

Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM 2013-2025) telah dilancarkan pada tahun 2013. Dalam pelan ini, IAB memainkan peranan penting dalam menjayakan 11 Anjakan yang terdapat dalam PPPM. Antara

tanggungjawab terbesar IAB dalam melaksanakan PPPM ialah memastikan semua pemimpin sekolah yang dilantik adalah pemimpin berprestasi tinggi. Pemimpin sekolah berprestasi tinggi diharap dapat memacu kejayaan murid dan seterusnya menjayakan pendidikan negara iaitu untuk melahirkan warga Malaysia yang berilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi serta mempunyai akhlak yang mulia. Bagi menjayakan tujuan tersebut, semua pemimpin sekolah diharap memiliki kompetensi, ilmu dan kemahiran yang tinggi untuk membangunkan sekolah dan seterusnya sama-sama membina warga masa depan yang kita inginkan.

Pihak IAB juga amat berbangga kerana telah berjaya menganjurkan pelbagai program sepanjang tahun 2013. Sesungguhnya program-program yang dianjurkan oleh IAB bukan sahaja pada peringkat dalam negeri, malahan ia melibatkan peringkat antarabangsa. Harapan saya, agar IAB akan terus unggul sebagai sebuah institusi latihan yang mempunyai pengkhususan kepada Kepimpinan Pendidikan. Buku Laporan Tahunan IAB merupakan buku yang memuatkan pelbagai program dan kegiatan di Institut Aminuddin Baki secara tahunan yang diterbitkan sekali dalam setahun. Melalui laporan ini juga, segala pencapaian dan aktiviti IAB dapat diketahui oleh para pembaca.

Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak terutama wakil-wakil Jabatan dan Pusat di IAB serta Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan yang terlibat dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan IAB 2013. Buku ini menunjukkan kesungguhan IAB dalam melaporkan segala program serta pencapaian IAB sepanjang tahun 2013. Diharap dengan terbitnya buku ini, akan memberikan makluman kepada semua pembaca tentang aktiviti dan pencapaian IAB sepanjang tahun 2013. Semoga kerjasama dan komitmen antara warga IAB akan terus harmoni dan berkekalan.


Sekian. Terima kasih.

DATO' HJ KHAIRIL BIN HJ AWANG
Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia

I.2 CARTA ORGANISASI

PENGURUSAN TERTINGGI

INSTITUT AMINUDDIN BAKI



PENGARAH
Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang



PENGARAH IAB Cawangan Utara
Mohd Zanal bin Dirin



TIMB. PENGARAH KHIDMAT PROFESIONAL
Dr. Zainab binti Hussin



K.P PUSAT PENGURUSAN
TEKNOLOGI
Dr. Sulaiman bin Hashim



K.P PUSAT PENGURUSAN
ORGANISASI
Dr. Mohd Yusoff
bin Mohd Nor



K.P PUSAT PENTAKSIRAN
KEPIMPINAN
PENDIDIKAN
Abdul Razak bin Manaf



K.P PUSAT
DOKUMENTASI &
SUMBER PENDIDIKAN
Abdul Razak bin Abdul
Rahim



TIMB. PENGARAH KHIDMAT LATIHAN
Mazlan bin Samsuddin



PENDAFTAR
Syed Mohamad Al Adrus bin Tuan Muning



**K.P PUSAT
PENYELIDIKAN
PENILAIAN & ICT**
Dr. Zaiton binti Ismail



**K.P PUSAT
PEMBANGUNAN
PENGURUSAN
PENDIDIKAN**
Abdul Mu'ti bin Ahmad




**K.P PUSAT
PEMBANGUNAN
PENGURUSAN
PENDIDIKAN**
Dr. Marzita binti Abu Bakar



**K.P PUSAT KONSULTASI
& MENTORING**
Dr. Ahmad Rafee
bin Che Kassim

CARTA ORGANISASI



**TIMBALAN PENGARAH
KHIDMAT LATIHAN
(DG54)**
Mazlan bin Samsudin

**KETUA PUSAT
PENYELIDIKAN, PENILAIAN
& ICT (GRED DG52)**
**JABATAN PENYELIDIKAN
&
PENILAIAN**
**JABATAN APLIKASI
KOMPUTER
DALAM PENDIDIKAN**
**JABATAN PENGURUSAN
ICT & MULTIMEDIA**

**KETUA PUSAT
PEMBANGUNAN PENGURUSAN
PENDIDIKAN (GRED)**
**JABATAN ASAS
PENGURUSAN &
KEPIMPINAN PENDIDIKAN**
**JABATAN PENGURUSAN
KURIKULUM
& KOKURIKULUM**
**JABATAN PENGURUSAN
HAL EHWAH MURID
& KAUNSELING**
**JABATAN
PENDIDIKAN ASAS &**

**KETUA PUSAT
KEPIMPINAN & KOMUNIKASI
PENDIDIKAN (GRED DG52)**
**JABATAN PENGURUSAN
KLUSTER JABATAN
PEMBANGUNAN PENGURUS,
PEMIMPIN &
EKSEKUTIF PENDIDIKAN**
**JABATAN PENGURUSAN
KEWANGAN &
PENTADBIRAN PEJABAT**
**JABATAN BAHASA
& KOMUNIKASI**

**KETUA PUSAT
KONSULTASI &
MENTORING (GRED DG52)**
KECEMERLANGAN
**JABATAN
MEMPERKASA SEKOLAH**
**JABATAN MENTORING
& COACHING**
**JABATAN PENGAJIAN
KOMPARATIF**

**PENDAFTAR
(GRED M52)**

**PEGAWAI
PERHUBUNGAN**
**PENYELARAS
PROGRAM**
**PENTADBIRAN
&
PERKHIDMATAN**

**PEGAWAI
PEMBANGUNAN
DG44**
KEWANGAN & AKAUN
**UNIT
PENGURUSAN & STOR**
**PENGURUSAN
DOMESTIK**
**UNIT
PERCETAKAN &
PROMOSI**

I.4 MAJLIS PENASIHAT PENDIDIKAN DAN LATIHAN (MPPL)

Y.Bhg. Datuk Dr. Hj Khair bin Mohamad Yusof
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,

Y.Bhg. Dato' Hj. Sufaát bin Tumin
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
Sektor Operasi Pendidikan

(Y.Bhg Dato' Misrah bin Ibrahim –menjalankan tugas)
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Pembangunan Profesionalisma Keguruan

Y.Bhg. Datuk Dr. Amin bin Senin
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Sektor Dasar dan
Pembangunan Pendidikan

Y.Bhg. Dato' Wan Khazanah binti Ismail
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pelajaran Malaysia

YH Dato' Hj Khairil bin Hj. Awang
Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia

Y.Bhg. Dato' Hj Mohd Ghazali bin Ab. Rahman
Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

Y.Bhg. Dato' Dr. Halim bin Man
Pengarah
INTAN Bukit Kiara

Y.Bhg. Datuk Dr. Mohd. Tap bin Salleh
Presiden
Institut Integriti Malaysia

Y.Bhg. Prof Dato' Dr. Zakaria bin Kasa(D.S.D.K)
Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris (USPI)

Y.Bhg. Dato' Dr. Syed Ahmad bin Hussein
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Y.Bhg. Datuk Jame Alip
Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri Sabah

YBrs. En. Abdullah bin Mad Yunus
Pengarah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan

Y.Bhg. Prof Dato'. Dr. Hussein bin Hj. Ahmad
Fellow Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya

Y.Bhg. Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid
Timbalan Naib Canselor
INTI International Universiti

Y.Bhg. Prof Dato' Dr. Hj. Rahim bin Selamat
Ahli Panel Bebas PPPM 2013-2025

Dr Ishak bin Sin
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
UUM College of Arts and Science

Dr. Zainab binti Hussin
Timbalan Pengarah Khidmat Profesional
Institut Aminuddin Baki

En. Mazlan Bin Samsudin
Timbalan Pengarah Khidmat Latihan

En. Mohd Zanal bin Dirin
Pengarah IAB Cawangan Utara

Tuan Syed Mohamad Al Adros Tuan Muning
Pendaftar

En. Abdul Mu'ti bin Ahmad
Ketua Pusat

En. Abd. Razak bin Manaf
Ketua Pusat

Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim
Ketua Pusat

Dr Marzita binti Abu Bakar
Ketua Pusat

En. Abdul Razak bin Abdul Rahim
Ketua Pusat

Dr. Zaiton binti Ismail
Ketua Pusat

Dr. Yusoff bin Mohd Noor
Ketua Pusat

Dr. Sulaiman bin Hashim
Ketua Pusat

En. Kamaruddin bin Abu Bakar
Urus setia MPPL

Pn. Samsiah binti Si Rajab
Urus setia MPPL

En. Ahmad Salihin bin Mat Saat
Urus setia MPPL

Dr. Rohana binti Ab. Rahim
Urus setia MPPL

En. Wan Mohd Farid bin Wan Yusof
Urus setia MPPL

Dr Zarina bt Md Yasin
Urus setia MPPL

1.4.1 FUNGSI MAJLIS PENASIHAT PENDIDIKAN DAN LATIHAN (MPPL)

Tujuan Majlis Penasihat Pendidikan dan Latihan (MPPL) ini diadakan untuk mendapatkan pandangan, nasihat dan maklum balas tentang program-program yang telah dijalankan oleh IAB. Khidmat nasihat dan pendapat untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan IAB juga turut dibincangkan. Pandangan dan pendapat para ahli mesyuarat diambil kira dalam usaha IAB untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada para pesertanya.

Ahli-ahli mesyuarat Majlis Penasihat Pendidikan dan Latihan (MPPL) ini terdiri dari Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, mantan-mantan Pengarah IAB, Pengarah-pengarah pelajaran negeri yang terpilih serta Pengarah Intan, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Pengarah Institut Integriti Malaysia dan CEO Majlis Akreditasi Malaysia.



Misi

Membangun kepemimpinan pendidikan bagi menghasilkan organisasi berkualitas

Visi

Pusat pembangunan kepemimpinan pendidikan yang terbilang

Nilai

Integriti (*Integrity*)

Profesionalisme

Budaya Permuafakatan (*Team Work Culture*)

Organisasi Pembelajaran (*Learning Organisation*)

Prestasi Tinggi

Inovasi

1.6 PIAGAM PELANGGAN

IAB komited untuk memberi kepuasan kepada *stakeholders dan pelanggan* berdasarkan Piagam Pelanggan seperti berikut dan akan memastikan:

1. Melaksanakan sekurang-kurangnya 98% program latihan yang didaftarkan dalam dokumen Program Latihan IAB pada tahun berkenaan;
2. Memastikan sekurang-kurangnya 82% peserta kursus berpuas hati dengan pengendalian program latihan IAB;
3. Memastikan sekurang-kurangnya 82% peserta yang mengikuti program latihan berpuas dengan pengendalian sesi latihan oleh Pensyarah IAB dan Pensyarah Jemputan;
4. Memaklumkan pelanggan tentang kelulusan sesuatu kursus yang dipohon sekurang-kurangnya empat minggu (4) sebelum kursus bermula;
5. Memastikan prasarana latihan dan semua keperluan serta peralatan latihan berfungsi dengan baik dan dalam keadaan siap sedia untuk digunakan dalam tempoh satu (1) hari sebelum kursus bermula;
6. Menjalankan sekurang-kurangnya sembilan (9) penyelidikan dan pembangunan sistem maklumat setahun;
7. Menghasilkan sekurang-kurangnya sepuluh (10) penerbitan setahun ;
8. Menjalankan sekurang-kurangnya enam (6) program konsultasi termasuk khidmat pasukan pemikir setahun;



9. Menghasilkan indeks keperluan latihan dan pembangunan profesional pemimpin sekolah bagi setiap negeri setiap tahun ;
10. Memastikan sekurang-kurangnya 80% peserta kursus berpuas hati dengan perkhidmatan sajian dan penginapan;
11. Menyediakan perkhidmatan perpustakaan pada setiap hari bekerja mulai 8.30 pagi hingga 4.45 petang;
12. Memastikan semua staf IAB mendapat peluang untuk mengikuti latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun;
13. Memastikan maklum balas kepada semua pertanyaan dan aduan pelanggan mengenai pengurusan perkhidmatan di IAB adalah menepati tempoh-tempoh berikut:
 - (a) akuan penerimaan dalam tempoh 1 hari
 - (b) maklum balas awal dalam tempoh 15 hari

1.7 DASAR KUALITI IAB

IAB komited untuk menyediakan program latihan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan.

Warga IAB komited untuk mematuhi keperluan-keperluan Sistem Pengurusan Kualiti dan meningkatkan keberkesanannya secara berterusan.

Oleh itu:

- (a) Dasar Kualiti ini disebar, dimaklum dan dihayati melalui pelbagai media, latihan dan taklimat pengurusan.
- (b) Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti disemak semula dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan untuk memastikan kesesuaiannya.

1.8 FUNGSI IAB

Sebagai satu bahagian KPM yang membangunkan keupayaan pengurus dan pemimpin pendidikan di semua peringkat KPM, IAB memenuhi tanggungjawabnya melalui 6 fungsi utama iaitu:

- Latihan
- Penyelidikan
- Pentaksiran
- Penerbitan
- Konsultasi
- Pasukan pemikir

1.9 FUNGSI PUSAT

Semua fungsi pusat ini akan dijalankan oleh lapan (8) pusat dalam organisasi IAB iaitu:

1. PUSAT PEMBANGUNAN ORGANISASI

- Menggubal dan mengurus dasar pembangunan program latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan organisasi
- Merancang, merangka dan mewujudkan pelan kecemerlangan IAB.
- Menjalankan kajian keperluan dan keberkesanan program latihan pembangunan kompetensi staf
- Merancang dan menyelarar program pembangunan kompetensi staf IAB
- Memastikan pembangunan dan pelaksanaan standard latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan
- Membangun dan memantapkan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti IAB
- Mewujudkan hubungan dan kerjasama peringkat nasional dan antarabangsa dalam pelaksanaan program latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan
- Menyelarar pengurusan pembangunan instrument dan keputusan peperiksaan
- Menyelarar Pengurusan Risiko IAB

2. PUSAT PENTAKSIRAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN

- Merancang, menyedia dan mengkaji keperluan pembangunan kepimpinan pendidikan sekolah dan sistem.
- Merancang, menyedia dan mengkaji pembangunan pemilihan pemimpin pelapis kepimpinan pendidikan beserta dengan sistem

pemilihan pengetua.

- Merancang, menyedia dan menilai program *Master Trainer* dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

3. PUSAT PENGURUSAN TEKNOLOGI

- Mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar ICT KPM.
- Merancang, membangun dan melaksanakan sistem maklumat, e-Pembelajaran dan infrastruktur ICT IAB untuk menyokong pelaksanaan program latihan IAB.
- Merancang, membangun dan melaksanakan sistem maklumat e-Pembelajaran dan infrastruktur ICT IAB untuk menyokong pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran IAB.
- Menyelarar sistem maklumat, e-Pembelajaran dan rangkaian IAB serta mengawal sumber-sumber berkaitan ICT.
- Merancang keperluan peralatan ICT, menyenggara infrastruktur ICT, dan memberi khidmat sokongan teknikal bagi urusan perolehan dan pelupusan peralatan ICT.

4. PUSAT DOKUMENTASI DAN SUMBER PENDIDIKAN

- Merancang, mengurus memantau dan melaksana program penerbitan dan dokumentasi IAB dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mengurus dan mengumpul bahan penulisan, penilaian dan penterjemahan bahan terbitan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.

- Mengurus hal-hal berkaitan dengan penyuntingan, reka bentuk bahan penerbitan dan percetakan bahan penerbitan berkualiti dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mengurus pendokumentasian bahan bercetak dan digital dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mengurus latihan dan khidmat konsultasi serta membuat penyelidikan berkaitan dengan aktiviti penulisan dan penerbitan serta perkhidmatan Pusat Sumber Pendidikan.
- Mengurus perkhidmatan Pusat Sumber dan penyebaran maklumat dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mengurus pembangunan koleksi bahan bercetak dan digital dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- Mempromosi perkhidmatan dan penerbitan Institut Aminuddin Baki.
- Merancang, mengurus, melaksanakan majlis dan program khas IAB yang diarahkan dari semasa ke semasa.

5. PUSAT PEMBANGUNAN PENGURUSAN PENDIDIKAN

- Melaksanakan dasar-dasar latihan pembangunan pengurusan pendidikan.
- Memastikan perancangan, pelaksanaan serta menyelia program latihan dalam bidang pengurusan pendidikan, konsultasi, penyelidikan dan penerbitan untuk meningkatkan kompetensi pengurus dan pemimpin pendidikan.
- Membangunkan model pembangunan pengurusan pendidikan yang berkesan sebagai rujukan kepada organisasi latihan di dalam dan luar negeri.
- Menyediakan kumpulan pemikir dalam bidang pembangunan pengurusan pendidikan.
- Bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain di KPM serta agensi luar bagi meningkatkan kualiti pengurusan dan kepimpinan pemimpin pendidikan.

6. PUSAT PENYELIDIKAN, PENILAIAN DAN ICT

- Merancang, menyelaras dan melaksana program latihan dalam bidang penyelidikan, penilaian dan ICT untuk pemimpin pendidikan.
- Menggubal kurikulum dan modul latihan dalam bidang penyelidikan, penilaian dan ICT untuk pemimpin pendidikan.
- Mengkaji dan menilai keberkesanan serta keperluan program latihan dalam bidang penyelidikan, penilaian dan ICT untuk pemimpin pendidikan.
- Merancang dan mengawal selia aktiviti penyelidikan Institut Aminuddin Baki.

- Membangunkan kompetensi penyelidikan dalam kalangan pensyarah IAB

7. PUSAT KEPIMPINAN, KOMUNIKASI DAN PENGURUSAN PEJABAT

- Merancang dan melaksanakan latihan bagi pengurus dan kepimpinan pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui jabatan:
- Jabatan Pembangunan Pemimpin Pelapis Pendidikan (JPPPP)
- Jabatan Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran Pejabat (JKPP)
- Jabatan Bahasa dan Komunikasi (JBK)
- Menyelaras dan mengurus program-program latihan berkaitan dengan kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Memantau pelaksanaan program penyelidikan berkaitan dengan kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Merancang dan khidmat konsultasi berkaitan bidang kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Melaksanakan pentaksiran berkaitan bidang kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Membuat penulisan dan penerbitan berkaitan bidang kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.
- Memberi khidmat “*think tank*” berkaitan bidang kepimpinan, komunikasi dan pengurusan pejabat.

8. PUSAT KONSULTASI DAN MENTORING

- Merancang, menggubal dan melaksanakan program latihan berkaitan dengan konsultasi dan pembangunan organisasi pendidikan melalui:
 - i. Jabatan Pembangunan dan Kelestarian Institusi Cemerlang
 - ii. Jabatan Memperkasa Institusi Pendidikan
 - iii. Jabatan *Coaching* dan *Mentoring*
 - iv. Jabatan Pengajian Komparatif Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan
- Merancang, mentadbir dan melapor penyelidikan yang berkaitan dengan konsultasi dan pembangunan organisasi.
- Merancang dan melaksanakan pentaksiran berkaitan dengan konsultasi dan pembangunan organisasi pendidikan.
- Merancang dan menghasilkan penulisan berkaitan konsultasi dan pembangunan organisasi untuk diterbitkan.
- Menyumbang idea dan menjadi kumpulan pemikir berkaitan konsultasi dan pembangunan organisasi pendidikan.
- Menyumbang khidmat sokongan kepada bahagian-bahagian lain di KPM dan agensi luar.



JEJAK KEPIMPINAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Institut Aminuddin Baki ditubuhkan pada Mac 1979, dengan nama *Malaysian Educational Staff Training Institute* (MESTI). Pada ketika itu, MESTI yang diterajui oleh Dr. Chew Tow Yow (Pengetua) dan Dr. Mohd. Yaacob Haji Mat Nong (Naib Pengetua) beroperasi di Bahagian Pendidikan Guru telah berpindah ke kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pada bulan Ogos 1979 sehingga September 1980, dan kemudiannya berpindah pula ke Blok 1, Kompleks Pantai Puri, Jalan Pantai Baru, Kuala Lumpur sebelum berpindah ke kampus rasminya di Sri Layang, Genting Highlands, Pahang Darul Makmur pada bulan Mac 1985 dan dikenali sebagai Institut Pengurusan Pendidikan Negara (IPPN).

Pada 14 Mac 1988, nama Institut Pengurusan Pendidikan Negara (IPPN) telah ditukar kepada Institut Aminuddin Baki (IAB). Nama Aminuddin Baki dipilih sebagai mengenang jasa Allahyarham Aminuddin Baki (Penasihat Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu) dalam bidang pendidikan.

IAB terus mengorak langkah dan memainkan peranan sebagai sebuah institusi latihan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang berwibawa selaras dengan tuntutan Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Sepanjang tempoh tersebut IAB telah diterajui beberapa orang pengarah iaitu :



Laporan Eksekutif MPPL

BAB 2

Laporan Eksekutif Majlis Penasihat
Pendidikan dan Latihan (MPPL)



*Berpadu ialah
satu permulaan,
terus berpadu
ialah kemajuan
dan bekerja secara
berpadu
ialah kejayaan
(Henry Ford).*

2.1 LAPORAN EKSEKUTIF MAJLIS PENASIHAT
PENDIDIKAN DAN LATIHAN(MPPL)

Mesyuarat Majlis Penasihat dan Latihan (MPLL) IAB diadakan sebanyak dua kali pada tahun 2013. Mesyuarat yang pertama telah diadakan pada 8hb Julai 2013 di Bilik Mesyuarat Melati, Kementerian Pendidikan, Putrajaya. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr Hj Khair bin Mohamad Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Pembangunan Profesionalisme Keguruan). Dalam mesyuarat tersebut IAB telah membentangkan pencapaian IAB dari segi prestasi kewangan dan prestasi latihan serta pencapaian-pencapaian yang telah dicapai sehingga bulan Jun 2013. Antara agenda utama yang telah dibentangkan ialah tentang cadangan pengantarabangsaan IAB Genting Highlands. Ringkasannya adalah seperti berikut:

- **Nama:**
International Institute/Centre of Educational Leadership and Management
- **Kenapa ianya perlu diwujudkan :**
 - i. Memperluaskan fungsi dan peranan IAB sebagai Premier Center dalam ELM
 - ii. Menyahut saranan dan cadangan daripada ahli MPPL agar IAB menarik lebih ramai peserta antarabangsa dalam program latihan yang ditawarkan

Bagaimana kewujudannya:

- Melaksana program pengantarabangsaan IAB secara terancang dan berterusan

Kerangka Konsepnya adalah sebagaimana dalam gambarajah di bawah.



*Semulia-mulia
manusia ialah
orang yang
mempunyai adab
yang merendah
diri ketika
berkedudukan
tinggi, memaaf
ketika berdaya
membalas dan
bersikap adil ketika
kuat
(Khalifah Abdul
Malik Marwan).*

Mesyuarat MPPL Bil 1/2013 juga mencadangkan agar satu bengkel kursus diadakan untuk membincangkan tentang konsep pengantarabangsaaan IAB Gentign Highlands ini. Justeru bagi menyambut saranan tersebut, satu bengkel telah diadakan pada 31 Oktober 2013 di IAB Bandar Enstek, Nilai. Selain dari wakil ketua pusat dan pensyarah Jabatan Dasar dan Perancangan, bengkel tersebut turut disertai oleh tiga orang mantan pengarah IAB iaitu, Dato' Dr Ibrahim bin Ahmad Bajunid, Dato' Dr Rahim bin Selamat dan Dato' Dr Hussein bin Ahmad. Mereka telah mengutarakan beberapa perkara dan isu yang perlu diberi perhatian dalam proses untuk mengantarabangsakan IAB Gentign Highlands. Antaranya tentang isu kompetetensi pensyarah IAB, kewangan dan kursus-kursus yang hendak ditawarkan. Mereka juga turut berkongsi pengalaman mereka dalam melaksanakan universiti swasta dan cabaran-cabaran yang telah dilalui. Semua input dan pandangan mereka itu amat bermakna bagi IAB untuk bergerak ke arah pengantarabangsaaan.


Mesyuarat MPPL IAB Bil 2 /2013 telah diadakan pada 31hb Disember 2013 di Bilik Mesyuarat Melati, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Misrah bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Pembangunan Profesionalisme Keguruan) dan kedatangan ahli mesyuarat amat membanggakan. Wakil dari MQA (*Malaysia Qualification Agency*), (UPSI) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Institut Integriti Malaysia, INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara), Pengarah Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, Timbalan Pengarah Jabatan Pelajaran Sabah turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

Mesyuarat dimaklumkan tentang pencapaian IAB dari segi kewangan, prestasi kehadiran kursus dan status perjawatan sehingga Disember 2013. Hala tuju dan perancangan IAB di masa hadapan juga turut dibentangkan untuk makluman ahli mesyuarat. Prestasi kewangan IAB yang dilaporkan sehingga 20 Disember 2013 ialah sebanyak 95.65 % manakala kehadiran peserta kursus pula adalah seramai 26634 orang. Bilangan kursus yang telah dilaksanakan ialah sebanyak 1215 kursus dan ianya melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 1071 kursus sahaja. Kursus yang dilaksanakan melebihi dari yang dirancang berlaku kerana IAB juga turut diminta untuk melaksanakan kursus selain dari yang telah ditakwinkan.

Mesyuarat juga dimaklumkan tentang kejayaan-kejayaan IAB sepanjang 2013, antaranya kewujudan repositori IAB dan hasil-hasil penerbitan yang telah IAB keluarkan. Beberapa kajian tindakan telah dibuat untuk tujuan mendapatkan maklum balas dan penambahbaikan program sedia ada IAB. Antara kajian tindakan yang telah dibuat ialah berkaitan LINUS, KKPP dan e-Pembelajaran. Pelaporan tentang pencapaian KPI IAB juga turut dibentangkan dalam mesyuarat tersebut. Empat KPI telah melepasi sasaran dan sebanyak 16 KPI lagi telah mencapai sasaran daripada 20 KPI yang telah ditetapkan. Begitu juga dari segi pemantapan kompetensi para pensyarah IAB dan pegawai dari Jabatan Pelajaran dan Bahagian KPM yang dibangunkan melalui Master Trainer yang terdiri daripada empat kategori iaitu, *Certified Trainer, Certified Coach, Certified Master Coach* dan *Certified Master Trainer*.

Ahli mesyuarat di juga turut dimaklumkan berkaitan struktur organisasi IAB yang baharu juga dan waran perjawatan IAB yang diluluskan oleh pihak JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam). Sistem bersepadu IAB dimaklumkan kepada ahli mesyuarat untuk makluman dan pendedahan kepada mereka. Kaedah *single sign on* untuk mengakses semua sistem yang diguna pakai oleh IAB (INSYST). Maklumat lanjut dinyatakan dalam gambarajah berikut.

Komunikasi adalah sesuatu yang mudah, susahnyalah apabila kita tidak menyebutnya dengan perkataan yang mudah (T.S Matthews).



Turut dibentangkan juga ialah pencapaian Kumpulan Inovatif Kreatif IAB antaranya:

Kumpulan Inno-Vision

- 2012 - Johan Kategori Pengurusan Konvensyen KIK KPM 2012
- Anugerah 3 Bintang - *East Regional Convention ICC MPC 2013*
- Anugerah Emas - *National Convention ICC MPC 2013*

Kumpulan I-Peak

- Anugerah Emas Konvensyen KIK KPM 2013

Rumusan

Secara keseluruhannya mesyuarat MPPL telah menjana banyak idea dan maklumat baharu bagi meningkatkan kualiti latihan yang dijalankan oleh Institut Aminuddin Baki.

Aktiviti Tahunan

BAB 3

Perhimpunan Bulanan
Hari Profesional
Majlis Sambutan Hari Guru
Sambutan Bulan Kemerdekaan
Bulan Bahasa Kebangsaan
Hari Inovasi dan Kualiti
Bulan Galakan Membaca



*...bertujuan
menyemai nilai-
nilai murni, dan
memupuk semangat
bergerak ke arah
satu haluan bagi
mencapai matlamat
dan aspirasi
Pengurusan IAB
serta Kementerian
Pendidikan
Malaysia.*

3.1 PERHIMPUNAN BULANAN IAB

Tujuan

Pejabat Pendaftar adalah sebagai pengelola bersama-sama Pusat (mengikut giliran) untuk menguruskan pelaksanaan perhimpunan bulanan Institut Aminuddin Baki sepanjang tahun 2013. Perhimpunan Bulanan diadakan pada setiap bulan mulai pada Januari 2013 dan berakhir pada bulan Disember 2013. Tujuan perhimpunan bulanan diadakan adalah untuk berkongsi bersama-sama mengenai perkembangan semasa aktiviti-aktiviti IAB yang sedang dilaksanakan, disamping untuk memupuk semangat berpasukan dikalangan semua warga Ikhtisas dan sokongan IAB. Perhimpunan Bulanan juga bertujuan untuk menyemai nilai-nilai murni, dan memupuk semangat bergerak ke arah satu haluan bagi mencapai matlamat dan aspirasi Pengurusan IAB serta Kementerian Pendidikan Malaysia kalangan semua anggota IAB.

Kehadiran

Perhimpunan Bulanan diadakan di Auditorium Dato' Razali Ismail IAB dan Auditorium IAB Bandar Enstek dengan diketuai oleh YH Dato' Pengarah Institut Aminuddin Baki serta dihadiri oleh Timbalan Pengarah Khidmat Profesional, Timbalan Pengarah Khidmat Latihan, Pendaftar, semua Ketua-Ketua Pusat dan Ketua-ketua Jabatan IAB, Pegawai-Pegawai Kanan, serta semua Pegawai Ikhtisas dan Staf sokongan yang lain. Kehadiran adalah diwajibkan. Perhimpunan Bulanan ini diadakan secara tetap tanpa pengecualian walaupun terdapat keadaan di mana YH Dato' Pengarah IAB tidak dapat menghadirinya. Dalam keadaan ini perhimpunan yang diadakan diketuai oleh Timbalan Pengarah IAB.

Aturcara

Aturcara tetap Perhimpunan Bulanan adalah seperti perkara-perkara berikut:

- (a) Nyanyian lagu Negara Ku, Lagu IAB, Lagu "Bahasa Jiwa Bangsa"
- (b) Bacaan Doa
- (c) Pembacaan Ikrar Perkhidmatan Awam
- (d) Pengenalan Staf Baru
- (e) Ucapan Perpisahan Staf Bertukar/Berpencen (Sekiranya ada)
- (f) Penyampaian Hadiah Hari Jadi Bulanan
- (g) Ucapan Ketua Pusat/Jabatan (Sekiranya ada)
- (h) Pelancaran Aktiviti IAB (sekiranya ada)
- (i) Ucapan Ringkas/Amanat Pengarah IAB
- (j) Pengumuman-Pengumuman penting
- (k) Bersurai



Perhimpunan Bulanan Institut Aminuddin Baki 2013

BAB 3

AKTIVITI TAHUNAN IAB

BIL	BULAN	TARIKH	TEMPAT
1	JANUARI	16 Januari 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
2	FEBRUARI	18 Februari 2013	Auditorium IAB Bandar Enstek
3	MAC	19 Mac 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
4	APRIL	12 April 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
5	MEI	14 Mei 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
6	JUN	14 Jun 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
7	JULAI	19 Julai 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
8	OGOS	TIADA	TIADA
9	SEPTEMBER	04 September 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
10	OKTOBER	11 Oktober 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
11	NOVEMBER	12 November 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail
12	DISEMBER	13 Disember 2013	Auditorium Dato' Razali Ismail

Aturcara Tambahan

Bulan Januari

- Penyampaian Surat Pengesahan Kenaikan Pangkat
- Penyampaian Penganugerahan Master Trainer Kohort 4/2012
- Penyampaian Hadiah bagi Karnival Sukan Mesca KPM

Bulan Februari

- Perasmian Gotong-royong di IAB Bandar Enstek
- Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Y.Bhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof
- Upacara Menanam pokok oleh Y.Bhg. Datuk TKPPM (SPPK) bersama-sama Staf IAB di IAB Bandar Enstek

Bulan Mac

- Penyampaian Sijil dan Cenderamata Sayembara Penulisan Tazkirah Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Maulidur Rasul KPM 1434H/2013
- Penyampaian Sijil ERT
- Penyampaian Sijil Penghargaan Sempena Pembentangan SIP oleh Dato' Pengarah di Shanghai
- Penyampaian Sijil Kenaikan Pangkat

Bulan April

- Taklimat Wakil Aqsa Syarif
- Penyampaian Sumbangan Tabung GAZA

Bulan Mei

- Penyampaian Sijil 5S kepada Pendaftar dan Ketua-Ketua Pusat
- Penyampaian Sijil Penghargaan kepada AJK 5S
- Penyampaian Sijil Intel Teach Elements: Educational Leadership in the 21st Century
- Penyampaian Sijil Penghargaan NPQEL sesi 2013

*Pergaulan
mempengaruhi
didikan otak.
Oleh itu, untuk
kebersihan jiwa
hendaklah bergaul
dengan orang-
orang beradab
dan berbudi mulia
yang dapat kita
kutip manfaatnya.
(Hamka).*

Bulan Jun

(Majlis Penutupan Hari Guru Peringkat IAB 2013) – Bersama-sama Pusat PDSP

- Penyampaian Hadiah Pemenang Aktiviti Pertandaingan Hari Guru Peringkat IAB
- Persembahan Multimedia
- Bual Bicara – Tajuk: Guru Malaysia: 1 Aspirasi, 1 Agenda (oleh Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seng dan Dr. Ishak bin Sin)
- Persembahan Hari Guru
 - Tarian dari murid-murid SK Sri Layang
 - Persembahan daripada pensyarah-pensyarah baharu IAB

Bulan Julai

- Penyampaian Surat Kenaikan Pangkat
- Penyerahan Surau Perumahan Staf IAB

Bulan September

- Taklimat Residency and Immersion Programme
- Pembentangan i-Penilaian

Bulan Oktober

- Penyampaian Hadiah Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan 2013
- Penyampaian Hadiah bagi Slot Amalan 5S dan Kumpulan KIK IAB
- Taklimat Pendaftar – “Kaedah Pelaksanaan Penilaian Kriteria Kecemerlangan Kanikan Pangkat Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK)”
- Mesyuarat Pembukaan Audit

Bulan November

(Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2013 Peringkat IAB – bersama-sama PKOM)

- Pengenalan Buku Keluaran IAB
- Ucapan Perasmian Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan

Bulan Disember

- Penyampaian hadiah hari lahir.
- Majlis penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan.
- Penyampaian hadiah kepada pemenang pelbagai pertandingan sempena Bulan Bahasa Kebangsaan.

Perlaksanaan program ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli profesional dengan ilmu dan informasi terkini dalam bidang masing-masing di samping untuk mengekalkan ilmu pengetahuan yang sedia ada.

3.2 HARI PROFESIONAL IAB

Latar Belakang

Program ini merupakan satu kaedah yang dirancang untuk pengekalan, peningkatan dan pengembangan ilmu pengetahuan dan kemahiran individu yang amat diperlukan bagi menjadi ahli yang profesional dalam menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan tugas-tugas harian mereka. Tujuan utama perlaksanaan program ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli profesional dengan ilmu dan informasi terkini dalam bidang masing-masing di samping untuk mengekalkan ilmu pengetahuan yang sedia ada.

Maklumat Program

Tarikh pelaksanaan:

- I. Bil 1/2013 15 April 2013
- II. Bil 2/ 2013 14 Mei 2013
- III. Bil 3/2013 13 Jun 2013
- IV. Bil 4/2013 19 Julai 2013
- V. Bil 5/2013 4 September 2013
- VI. Bil 6/2013 11 Oktober 2013

Tempat: Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki.

Penganjur: Jabatan Pembangunan Staf, Pusat Pembangunan Organisasi

Objektif

1. Mempertingkatkan budaya kolaboratif dalam organisasi.
2. Membudayakan komuniti pembelajaran profesional.
3. Membina sikap profesional dan etika kerja yang berkualiti.

Kumpulan Sasaran

Semua staf ikhtisas dan staf sokongan

Ahli Jawatankuasa

Pusat Pembangunan Organisasi.

- a) Jabatan Pembangunan Staf
- b) Jabatan Dasar dan Perancangan
- c) Jabatan Inovasi dan Standard Latihan
- d) Jabatan Kerjasama Pendidikan Antarabangsa

Pengisian Program

- 1 Menjemput penceramah bagi menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan pembangunan profesional berkaitan dengan tugas-tugas harian.
- 2 Penyampaian laporan oleh peserta yang menghadiri kursus-kursus luar IAB.

*...membangunkan
modal insan
bagi melahirkan
masyarakat maju,
progresif dan
berdaya saing di
peringkat global.*

Rumusan

Secara keseluruhannya Program Hari Profesional penting dilaksanakan untuk membangunkan modal insan bagi melahirkan masyarakat maju, progresif dan berdaya saing di peringkat global. Pembangunan modal insan merupakan proses membangunkan sumber manusia yang mampu menyumbang secara aktif kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara (Khalijah Mohd Salleh, 2007). Bahkan menurut Al-Na'miy (1994), manusia sebagai insan yang disempurnakan sifatnya dengan akal, potensi diri dan kemahiran bertujuan untuk memahami, menguasai ilmu dan menonjolkan keupayaan seseorang serta mampu untuk meneroka kehidupannya dan menjauhkan marabahaya dari menimpanya.



Sebahagian pensyarah dan staf sokongan yang hadir

3.3 MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU IAB 2013

Pengenalan

*“Guru Malaysia :
1 Aspirasi,
1 Agenda”.*

Hari Guru disambut pada 16 Mei setiap tahun sebagai penghargaan kepada para guru. Tarikh ini dipilih sebagai Hari Guru kerana pada hariibulan yang sama dalam tahun 1956. Majlis Undang-Undang Persekutuan Tanah Melayu (*Federal Legislative Council*) telah menerima cadangan-cadangan Laporan Jawatankuasa Pelajaran (*Report of the Education Committee*) sebagai dasar pelajaran bagi negara kita. Dokumen tersebut yang dikenali sebagai Laporan Razak (Razak Report) telah menjadi dasar pelajaran bagi negara kita.

Majlis penutupan sambutan Hari Guru IAB telah diadakan pada 14 Jun 2013 pada Jam 8.00 pagi di Auditorium Dato’ Razali Ismail, yang diadakan serentak dengan Perhimpunan Bulanan bagi bulan Jun. Sambutan tersebut menyahut tema Hari Guru Peringkat Kebangsaan iaitu “Guru Malaysia : 1 Aspirasi, 1 Agenda”. Program sambutan Majlis Hari Guru ini turut melibatkan kolaboratif di antara pelajar dan guru Sekolah Kebangsaan Sri Layang. Majlis tersebut dihadiri lebih daripada 400 orang termasuk kakitangan, guru dan pelajar Sekolah Kebangsaan Sri Layang.

Objektif

- i. Mengenengahkan peranan kepimpinan guru cemerlang dalam mendidik anak bangsa.
- ii. Menilai secara objektif peranan guru dengan berlatarbelakangkan Malaysia dan mengambil langkah-langkah supaya peranan itu lebih berkesan.
- iii. Meninggikan martabat guru dalam masyarakat.

Aktiviti –Aktiviti Yang Dijalankan Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Iab 2013

Pelbagai jenis aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan sempena Sambutan Hari Guru Peringkat IAB bagi tahun 2013. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah:-

- Pertandingan Kuiz Hari Guru Atas Talian
- Pertandingan Penulisan
- Pertandingan Puisi
- Forum Bual Bicara
- Pertandingan Mencipta Mutiara Kata
- Pameran Hari Guru
- Persembahan Pelajar SK Sri Layang dan staf baharu Ambilan 2013



Forum Bual Bicara

Sifat utama pemimpin ialah beradab dan mulia hati (Imam Al-Ghazali).

Pada majlis tersebut juga, pihak IAB telah menjemput Dr. Ishak bin Sin dan Prof. Dato’ Dr. Teo Kok Seong untuk slot Forum Bual bicara yang bertema “Guru Malaysia : 1 Aspirasi, 1 Agenda”. Tuan Syed Putra bin Syed Ali yang berperanan sebagai moderator bagi sesi tersebut telah berjaya menjadikan forum bual bicara dengan lebih berkesan dan menarik.

Majlis seterusnya diserikan lagi dengan persembahan tarian dan lagu “Terima kasih Cikgu’ oleh pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Sri Layang. Tidak ketinggalan persembahan nyanyian dan sketsa oleh pensyarah baharu IAB ambilan tahun 2013. Majlis diakhiri dengan ucapan perasmian Penutupan Sambutan Hari Guru Peringkat IAB bagi Tahun 2013 oleh yang berbahagia Dato’ Haji Khairil bin Haji Awang selaku Pengarah IAB.

Berikut adalah senarai pemenang pertandingan-pertandingan yang telah dianjurkan sempena Sambutan Hari Guru IAB 2013.

Pertandingan Penulisan Puisi
Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat IAB 2013

Bil	Penyertaan	Kedudukan
1	Dr. Kamaruzaman bin Moidunny	1
2	En. Mohd. Anuar bin Kamaruddin	2
3	En. Muhammad Azlan bin Yaacob	3

Pertandingan Penulisan
Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat IAB 2013

Bil	Penyertaan	Kedudukan
1	Dr. Gurcharan Singh Bishen Singh	1
2	En. Mohd. Anuar bin Kamaruddin	2
3	Pn. Saadiah binti Shuib	3



Penyampaian hadiah kepada peserta pemenang pertandingan penulisan dan mencipta mutiara kata

**Pertandingan Mencipta Mutiara Kata
Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat IAB 2013**

Bil	Penyertaan	Kedudukan
1	Dr. Jamilah binti Jaafar	1
2	Pn. Som binti Shariff	2
3	Tuan Mohd Hafizi bin Tuan Hussin	3

**Sepuluh Pemenang Pertandingan Kuiz Atas Talian
Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat IAB 2013**

Bil	Penyertaan	Kedudukan
1	Norsalwati binti Muhamad Bahari	1
2	Noor Azimah binti Abdul Aziz	2
3	Mazwin binti Ahmad	3
4	Dr. Gurcharan Singh Bishen Singh	4
5	Zahari Ismail	5
6	Mohd Anuar bin Kamaruddin	6
7	Mansor bin Deraman	7
8	Noor Hidayah binti Abdul Sukor	8
9	Nor Asiah binti Saifudin	9
10	Nur Rita binti Hj. Nor Mohamed	10

*Kita tidak harus
bersifat negatif
kepada kegagalan
dan kekalahan. Di
dalam kegagalan
itu ada kebaikannya
(Prof. Datuk Hj.
Shahron Ahmad).*

BAB 3

AKTIVITI TAHUNAN IAB



Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan kuiz atas talian sempena majlis sambutan hari guru peringkat IAB bagi tahun 2013

*Bangsa penakut
tidak boleh merdeka
dan tidak berhak
merdeka. Ketakutan
adalah penasihat
yang sangat curang
untuk kemerdekaan
(Andre Colin).*

3.4 SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KE 56 PERINGKAT INSTITUT AMINUDDIN BAKI 2013

Pengenalan

Pada 31 Ogos setiap tahun, negara kita menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan. Perayaan ini disambut sebagai memperingati tarikh Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pada hari tersebut jalur gemilang akan dipasang dan dikibarkan di tempat-tempat tertentu. Antara tempat tersebut termasuklah pejabat, sekolah, rumah kediaman, kedai dan bangunan kerajaan. Institut Aminuddin Baki juga tidak ketinggalan menyemarakkan suasana semangat kemerdekaan dengan pemasangan bunting dan kibaran Jalur Gemilang di perkarangan IAB, bangunan pejabat dan ruang kerja.

Objektif

- Untuk menyemai sikap patriotisme yang tinggi dalam diri masyarakat.
- Untuk mengenali tokoh-tokoh pejuang tanah air yang sanggup berkorban untuk kemerdekaan negara.
- Untuk memberi pendedahan kepada warga kerja mengenai sejarah kemerdekaan negara.



Aktiviti-Aktiviti Yang Telah Dijalankan Bersempena Program Bulan Kemerdekaan Malaysia Ke 56

Sempena Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan ke-56 yang bertemakan “Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku”, Jabatan Pusat Sumber selaku urus setia sambutan bulan kemerdekaan di Institut Aminuddin Baki turut mengadakan aktiviti seperti Pameran hayati kemerdekaan Malaysia ke 56, Pertandingan Kuiz Atas Talian, pertandingan penulisan dan pertandingan puisi.

Setiap peserta pertandingan yang menang diberi hadiah pada majlis perhimpunan bulanan yang diadakan pada 11 Oktober 2013. Pertandingan kuiz kemerdekaan secara atas talian yang bermula pada 3 September (Selasa) dan berakhir 5 September 2013 (Khamis). Penyertaan adalah terbuka kepada warga IAB kecuali AJK Program sambutan hari Kemerdekaan. Hadiah diberikan kepada sepuluh pemenang terpentas yang berjaya menjawab dengan tepat dan pantas menjawab soalan kuiz yang disediakan. Pertandingan penulisan dan puisi ini bertujuan untuk menonjol ketelitian, dan kreativiti penggunaan bahasa dalam mengolah teknik penceritaan penulisan dan penciptaan puisi di kalangan warga kerja IAB. Pameran kemerdekaan telah dijalankan di perkarangan lobi menara IAB iaitu bermula pada 1 Ogos sehingga 31 September. Pameran ini mengetengahkan paparan maklumat sejarah dan tokoh-tokoh pejuang tanah Melayu yang banyak menyumbang bakti kepada kemerdekaan negara.



Pameran sempena sambutan Bulan Kemerdekaan

Antara pemenang bagi setiap kategori pertandingan tersebut ialah:

BIL	NAMA	PUSAT
1	MUHAMMAD RIZAL BIN ABDULLAH	PUSAT KEPIMPINAN DAN KOMUNIKASI PENDIDIKAN KOMUNIKASI
2	HAIROLHAMZI BIN BAHRODDIN	PUSAT PENYELIDIKAN DAN PENILAIAN ICT
3	FATIN NADIAH BINTI ISMARONI	PENDAFTAR
4	NOR ASIAH BINTI SARIFUDIN	PUSAT PENGURUSAN TEKNOLOGI
5	NORIATI ROSENI BINTI GHAZALI	IAB, CAWANGAN UTARA
6	ZAHARI BIN ISMAIL	JABATAN PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN PEJABAT.
7	MOHD ANUAR BIN KAMARUDDIN	IAB CAWANGAN UATARA
8	AINOL HID AYAH BINTI ABDUL RAUOF	JABATAN BAHASA&KOMUNIKASI
9	FAIHANITA BINTI DZULKEFLI	UNIT PENYELARAS PROGRAM
10	AZHAN BIN AHMAD	JABATAN BAHASA & KOMUNIKASI

*Tidak ada satu
yang lebih
mahal daripada
kemerdekaan
dan tidak ada
kebahagiaan
yang lebih
besar daripada
menunaikan
kewajipan
(Umar Al Khattab).*

Pemenang Pertandingan Menulis Puisi

Tempat Pertama: PN. SA'ADIAH BINTI SHUIB

Tempat Kedua: EN. KAMAL ARIFFIN BIN JAIH

Tempat Ketiga: Dr. GURCHARAN SINGH BISHEN SINGH

PEMENANG PERTANDINGAN PENULISAN

Tempat Pertama: PN. SA'ADIAH BINTI SHUIB

Tempat Kedua: EN. HAMZAH BIN MOHD TAIB

Tempat Ketiga: EN. NASIR BIN SALLEH

Penutup

Program kemerdekaan seperti ini mestilah diadakan setiap tahun agar jati diri setiap rakyat Malaysia sentiasa terpahat dalam jiwa. Kibarkan jalur gemilang di seluruh kawasan bagi melaungkan semangat cintakan tanah air, "Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku".



Antara bahan yang turut dipamerkan

3.5 BULAN BAHASA KEBANGSAAN (BBK) PERINGKAT IAB TAHUN 2013

BAB 3

*...mengembalikan
kesegaran
semangat bermegah
dan cinta akan
bahasa kebangsaan
di samping dapat
mempererat
perpaduan kaum.*

Pengenalan

Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) merupakan bulan yang diisytiharkan oleh Kerajaan sebagai bulan khusus iaitu dari bulan Oktober hingga Disember untuk semua lapisan rakyat Malaysia mengadakan kegiatan bahasa dan sastera. Melalui aktiviti program BBK, semua lapisan masyarakat akan terlibat termasuklah pemimpin dan masyarakat umum.

Pelancaran BBK peringkat kebangsaan telah diadakan pada 8 Oktober 2013 di Dewan Wawasan 2020 di Kangar Perlis yang telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia, manakala di sektor pendidikan akan diadakan pada 26 Oktober 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang akan dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan II. Pelancaran BBK di peringkat Institut Aminuddin Baki (IAB) akan disambut pada Perhimpunan Bulanan IAB untuk bulan November dan Majlis Penutupan BBK pada Perhimpunan Bulanan IAB bulan Disember.

Objektif

Objektif khusus BBK adalah untuk mengembalikan kesegaran semangat bermegah dan cinta akan bahasa kebangsaan di samping dapat mempererat perpaduan kaum. Selain itu, dapat menyerlahkan peranan bahasa dan sastera kebangsaan dalam pembinaan tamadun bangsa dengan Tema “1Bahasa, 1Bangsa, 1Negara”.

Sasaran

Melibatkan seluruh warga Institut Aminuddin Baki bertujuan untuk mencungkil bakat dalam pelbagai pertandingan berbentuk kebahasaan yang dijalankan sempena BBK. Antara pertandingan tersebut ialah:

- i. Kuiz Bahasa Secara Atas Talian
- ii. Lagu Irama Melayu
- iii. Berbalas Pantun
- iv. Menulis Pantun dan Sajak
- v. Ungkapan Bahasa

Penutup

Diharapkan sambutan BBK akan dapat memantapkan, memperkukuh dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia dalam usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu dalam kalangan warga Institut Aminuddin Baki.

*Kurang semangat
mengakibatkan
lebih banyak
kegagalan
berbanding
kurangnya
kebijaksanaan atau
kemahiran
(Flower A.
Newhouse).*

3.6 HARI INOVASI DAN KUALITI

Latar Belakang

Konsep inovasi adalah suatu perubahan untuk menuju ke arah penambahbaikan yang berbeza dari segi pendekatan, keadah dan *tools* dengan sebelumnya. Inovasi dibuat dan dirancang secara teliti untuk menghasilkan *tools* yang berimpak tinggi terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan.

Terdapat banyak teori berkaitan dengan inovasi. Antaranya merujuk kepada Glosari Teknologi Pendidikan (1995) menyatakan bahawa inovasi dirujuk sebagai idea, konsep atau strategi baharu yang boleh meningkatkan sesuatu amalan.

Kesimpulannya, inovasi adalah hasil cetusan idea-idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi. Dengan ini, Hari Inovasi peringkat IAB dilaksanakan untuk melahirkan sekumpulan individu kreatif bagi membina trend baru atau *transformer setter* sebagai peneraju dalam organisasi.

Pelaksanaan

- a) Tarikh : 30 Oktober 2013
- b) Masa : 2.30 Petang
- c) Tempat : Bilik Kuliah 144

Kehadiran

Pusat	Jumlah Kehadiran
Pejabat Pendaftar	8 orang
Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan	3 orang
Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan	1 orang
Penilaian, Penyelidikan dan ICT	3 orang
Konsultasi dan Mentoring	4 orang
Pembangunan Pengurusan Pendidikan	12 orang
Dokumentasi dan Sumber Pendidikan	2 orang
Pusat Pengurusan Teknologi	15 orang
Pembangunan Orgasasi	18 orang
Jumlah	66 orang

Penganjur

Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan, Pusat Pembangunan Organisasi (Pusat Pembangunan Organisasi).

Tema

Warga Inovasi Merealisasikan Transformasi

Objektif

Pelaksanaan Hari Inovasi 2013 adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran dan kefahaman warga IAB dalam pembudayaan inovasi dalam pembudayaan inovasi perkhidmatan awam
- Menerapkan budaya inovasi dalam kalangan warga IAB di peringkat kementerian dan antarabangsa
- Memberi pengiktirafan kepada usaha peningkatan kepada usaha peningkatan inovasi dan kualiti dalam kalangan warga IAB.

Senarai Penerimaan Anugerah Inovasi 2013 Kategori Kumpulan

Bil.	Nama Pasukan	Pusat	Inovasi
1	Ketua Pasukan : Dr. Kamaruzaman bin Moidunny Ahli Pasukan : Dr. Shariffah Sebran Jamila Syed Imam, Dr. Gurcharan Singh Bishen Singh, Edaris Abu Bakri, YM Raja Rafidah Hanim Raja Abdul Aziz, Pn. Salina Hanum Osman Mohamed, En Lee Ah Kit , Pn. Sathiyabama Suprammaniam	Jabatan Pembangunan Pengurus, Pemimpin dan Eksekutif Pendidikan Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan	Kajian Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) Mod Baharu 2011
2	Ketua Pasukan : Dr. Kamaruzaman bin Moidunny Ahli Pasukan : Dr. Shariffah Sebran Jamila Syed Imam, Dr. Gurcharan Singh Bishren Singh, En Edaris Abu Bakri, YM Raja Rafidah Hanim Raja Abdul Aziz, Pn. Salina Hanum Osman , En Lee Ah Kit, Pn. Sathiyabama Suprammaniam, Muhammad Lukman Ismail, Adi Hassim , Pn. Asiah Yacob Khan	Jabatan Pembangunan Pengurus, Pemimpin dan Eksekutif Pendidikan Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan	Ujian Pra dan Ujian Pos Aspek Pengetahuan dan Kefahaman Serta Kemahiran Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Bagi Program NPQEL Ambilan 1 Tahun 2012
3.	Ketua Pasukan : Dr. Sulaiman bin Hashim Ahli Pasukan : Dr. Ahmad Rafee Che Kassim, Norzilah Abdullah, Abd Rahman Mohid, Nor Asiah Sarifudin, Rashidah Mohd Said, Mohd Nazrul Mustafa , Siti Nadhira Nor Sohari	Pusat Pengurusan Teknologi	Sistem i-ADU
4.	Ketua Pasukan : Mohd Asran Bin Haji Amisah Ahli Pasukan : Mahatir Fansuri bin Azizan, Hamzah bin Mohd Taib, Megat Hasnan bin Megat Din	Pusat Pembangunan Organisasi	Audit 5S
5.	Ketua Pasukan : Mazli Hasril Hasanudin Ahli Pasukan : Abdul Razak bin Manaf, Nor Rajiah bt. Ahmad Dawa, Siti Zainun bt. Zainuddin, Teoh Hong Kean, Noor Azam bin Mahmad, Mohd Shahrul Iza b. Ismail	Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan (Jabatan Pentaksiran Pemimpin Sekolah)	<i>School Programme Check Tool (sPeCt)</i>

Bil.	Nama Pasukan	Pusat	Inovasi
6.	Ketua Pasukan Wan Ghazali bin Wan Din Ahli Pasukan : Mahathir Fansuri bin Wan Din, Norfadzlianawaty bt. Mohd Fathel, Noor Haslinda bt. Harun	Pusat Pembangunan Organisasi Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan	<i>Link-Filing</i>
7.	Ketua Pasukan: Dr. Tarzimah Tambychik Ahli Pasukan : Dr. Nor Foniza Maidin, Abdul Jalil Abd Hamid , Salleh Ismail	Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan	P-CaP
8.	Ketua Pasukan Dr. Nor Foniza Maidin Ahli Pasukan : Dr. Tarzimah Tambychik	Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan	<i>Talent Profiling (TaP)</i>
9.	Ahli Pasukan : Nik Marini Nik Abdul Malik , Nur Fatimah Awang Da, Sharifah Azmonalini bt. Syed Shahazeman, Faihanita bt. Dzukifli	Jabatan Pendaftar	Rekod Panggilan Telefon
10.	Ketua Pasukan : Dr. Tarzimah Tambychik Ahli Pasukan : Dr. Nor Forniza Maidin, Cik Nor Rajihah Dewa, En. Mazli Hasil Hasaruddin, En Razak Manaf	Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan	P-KoKem
11.	Ketua Pasukan : En. Wan Ghazali bin Wan Din Ahli Pasukan : Chua Siok Hong, Manathir Fansuri Azizan, Nofadzlinawaty Mohd Fathel, Mazwin Ahmad	Pusat Pembangunan Organisasi (Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan)	Laman Web SP-Q

Senarai Penerima Anugerah Inovasi 2013 Kategori Individu

Bil.	Nama Pasukan	Pusat	Inovasi
1	Gurcaharan Singh Bishen Singh	Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan	Perkongsian Ilmu Melalui Laman Sosial Youtube dan Blog
2	Abdul Razak bin Alias	Pusat Konsultasi dan Mentoring	Laluan Perancangan Strategik
3	Dr. Mohamed Yusoff bin Mohd Noor	Pusat Pembangunan Organisasi	Dashboard Pusat Pembangunan Organisasi
4	Hj. Muhammad Khairiltitov Zainuddin	Pusat Pengurusan Teknologi	Learning & Collaboration @ IAB
5	Zulkifli Muhammad bin Ismail	Pusat Pembangunan Organisasi (Jabatan Pembangunan Staf)	Peringatan Tarikh Penting Melalui SMS dan Emel Secara Automatik



Ucapan Perasmian Hari Inovasi 2013 oleh Dr. Sulaiman bin Hashim



Penyampaian Sijil dan Piala Anugerah Inovasi IAB 2013 bagi Kategori Kumpulan

*...wadah untuk
memupuk
persaingan dalam
konteks membaca
bagi mencapai
kecemerlangan dan
membina budaya
ilmu.*

3.7 PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Pengenalan

Aktiviti galakan membaca di Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan wadah untuk memupuk persaingan dalam konteks membaca bagi mencapai kecemerlangan dan membina budaya ilmu dalam masyarakat. Selain dapat membina tabiat suka membaca, program ini juga secara tidak langsung dapat menarik minat dalam kalangan warga IAB mengunjungi Pusat Sumber di samping memberi pendedahan secara langsung tentang kemudahan yang disediakan di Pusat Sumber Pendidikan Institut Aminuddin Baki.

Objektif

- i. Menyedarkan warga IAB tentang kepentingan membaca di samping memupuk persaingan membaca bagi mencapai kecemerlangan.
- ii. Untuk menyedarkan ahli akademik, staf dan pelajar tentang kemudahan yang disediakan di Pusat Sumber.
- iii. Dapat menarik perhatian pengguna terhadap aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pihak Pusat Sumber.
- iv. Untuk menarik minat pengguna mengunjungi perpustakaan dengan menyediakan koleksi yang dapat memenuhi kehendak pengguna.
- v. Untuk menghebahkan kepentingan perpustakaan sebagai sumber rujukan utama sesebuah institusi pendidikan.

Aktiviti / program

Beberapa aktiviti dan program menarik diadakan bagi menggalakkan penyertaan semua warga IAB antaranya;

i. Wacana Ilmu

Penyertaan terbuka kepada semua kakitangan IAB terutamanya pensyarah baharu. Peserta disediakan beberapa bahan bacaan dalam bidang berkaitan *Educational Leadership and Management* (ELM) untuk dipilih sebagai bahan wacana persembahan. Wacana ini akan disampaikan dalam bentuk pembentangan. Setiap pembentang diperuntukkan selama 25 minit dan diikuti dengan sesi soal jawab. Persembahan pembentang akan diadili dan diberikan hadiah.

ii. Pertandingan “Jom Jejak Ilmu”

Penyertaan adalah terbuka kepada semua kakitangan dan peserta kursus IAB. Pertandingan ini diadakan secara kumpulan dan soalan bagi pertandingan ini akan disediakan oleh pihak urus setia program.

iii. Peraduan Teka Jumlah Bahan

Bagi peraduan ini, peserta dikehendaki meneka bahan yang akan diletakkan dalam sebuah kotak yang dipamerkan di hadapan kaunter Aras 3, Pusat Sumber Pendidikan. Pertandingan ini terbuka kepada semua kakitangan dan peserta kursus IAB. Hadiah akan diberikan kepada peserta yang dapat memberi jawapan yang paling tepat atau terhampir.

iv. Pertandingan Resensi

Bagi pertandingan Resensi, peserta diberikan satu bahan atau artikel dan peserta dikehendaki menjadikan satu ulasan yang paling ringkas, padat dan menarik. Pertandingan ini terbuka kepada semua kakitangan dan peserta kursus IAB. Hadiah akan diberikan kepada peserta yang dapat membina satu resensi yang paling menarik.

v. Pengguna Aktif

Pengguna aktif pusat sumber akan diberikan kepada pengguna dan peminjam tertinggi bagi sepanjang tahun 2013.

vi. Peminjam Cabutan Bertuah

Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga IAB yang membuat pinjaman bahan pada hari tersebut. Satu kotak cabutan akan disediakan di Aras 3, Pusat Sumber Pendidikan Institut Aminuddin Baki dan cabutan hanya dibenarkan sekali sahaja.

BAB 3

AKTIVITI TAHUNAN IAB



Peserta sedang mencari maklumat bagi pertandingan aktiviti Jom Jejak Ilmu

*Integrity without knowledge
is weak and useless, and
knowledge without integrity
is dangerous and dreadful
(Samuel Johnson).*



Program-program Tahunan

BAB 4

Lanskap *Premier Centre*
Ringkasan Program IAB 2013
Program Latihan
Program Pembangunan Individu (PI)
Program Pembangunan Organisasi (PO)
Program Jaringan dan Kolaboratif
Program Pengurusan Pengetahuan
Program *Master Trainer*
Program Penyelidikan dan Pembangunan
Jaringan dan Kolaboratif
Program Pengurusan Pengetahuan



4.1 LANSKAP PREMIER CENTRE IAB 2012-2016



*Pelan
kecemerlangan ini
akan mengukuhkan
tradisi
kecemerlangan
IAB dalam bidang
Kepimpinan
dan Pengurusan
Pendidikan.*

Lanskap Premier Centre IAB 2012 - 2016 merupakan pelan jangka panjang IAB . Pelan kecemerlangan ini akan mengukuhkan tradisi kecemerlangan IAB dalam bidang Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (*Educational Leadership & Management-ELM*) Pelan kecemerlangan ini memetakan tiga Bidang Keberhasilan Utama (KRA) iaitu Pembelajaran & Pembangunan, *Master Trainer*, dan Pusat Rujukan. Pelaksanaan Lanskap *Premier Centre* ini dapat menghasilkan pemimpin pendidikan yang kompeten dan berwibawa.

KRA Pembelajaran dan Pembangunan bertujuan membangun dan meningkatkan keupayaan kepimpinan pendidikan melalui dua subbidang keberhasilan utama iaitu Pembangunan individu dan Pembangunan Organisasi. Dalam Pembangunan Organisasi usaha membangun kepimpinan pendidikan dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi organisasi sekolah yang sistematik dalam konteks persekitaran kerja. Program yang dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi organisasi sekolah seperti SIPartners, Speed-Up, ProD, SKK, dan BOS. Manakala dalam Pembangunan Individu usaha yang sistematik berfokus kepada pembangunan profesionalisme pemimpin pendidikan dilaksanakan melalui latihan professional bagi meningkatkan prestasi kepimpinan dan pengurusan pendidikan. Kursus yang dilaksanakan secara berpusat seperti KKPP, KKKPP, NPQEL, dan CPD.

KRA Master Trainer bertujuan membangun jurulatih profesional dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui dua inisiatif Pembangunan *Master Trainer* iaitu Pembangunan Profesional dan Pensijilan. Pembangunan *Master Trainer* merupakan subbidang keberhasilan utama *Master Trainer*. Dalam pembangunan *Master Trainer* usaha membangun, mentaksir, dan mengiktiraf kepakaran jurulatih profesional secara sistematik dilaksanakan bagi meningkatkan kompetensi kejurulatihan dalam bidang pembelajaran dan pembangunan melalui inisiatif organisasi dan inisiatif individu.

KRA Pusat Rujukan bertujuan menjadikan IAB sebagai pusat rujukan kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui tiga Subbidang keberhasilan utama yang iaitu Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan dan Kolaboratif dan Pengurusan Pengetahuan. Dalam subbidang keberhasilan utama Penyelidikan dan Pembangunan usaha dilaksanakan bagi memperkaya tubuh ilmu dan membangun model watan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan serta membudayakan amalan kepimpinan dan pengurusan pendidikan berasaskan kualiti penyelidikan. Dalam subbidang keberhasilan utama Jaringan dan Kolaboratif merupakan usaha perkongsian maklumat dan kepakaran dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang dilakukan bersama individu atau organisasi luar bagi mengukuhkan hubungan dan kerjasama ke arah faedah bersama. Manakala subbidang keberhasilan utama Pengurusan Pengetahuan dilaksanakan

IAB sebagai pusat rujukan kepimpinan dan pengurusan pendidikan mempunyai enam Subbidang keberhasilan utama yang iaitu Pembangunan Individu, Pembangunan Organisasi, Pembangunan Master Trainer, Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan dan Kolaboratif dan Pengurusan Pengetahuan.

usaha untuk menjadikan IAB sebagai pusat repositori tubuh ilmu, amalan terbaik dan hasil penyelidikan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA PREMIER CENTRE IAB		
PEMBELAJARAN PEMBANGUNAN	MASTER TRAINER	PUSAT RUJUKAN
Membangunkan dan meningkatkan keupayaan kepimpinan pendidikan melalui dua Sub-bidang Keberhasilan Utama iaitu Pembangunan Individu dan Pembangunan Organisasi	Membangun jurulatih profesional dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui dua inisiatif Pembangunan Master Trainer iaitu Pembangunan Profesional serta Pentaksiran dan Pensijilan.	Menjadi pusat rujukan kepimpinan dan pengurusan pendidikan melalui tiga Sub- bidang Keberhasilan Utama iaitu Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan dan Kolaboratif dan Pengurusan Pengetahuan.

SUBBIDANG KEBERHASILAN UTAMA PREMIER CENTRE IAB		
PEMBANGUNAN INDIVIDU Usaha yang sistematik berfokus kepada pembangunan pemimpin pendidikan bagi tujuan meningkatkan prestasi kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang dilaksanakan secara berpusat seperti kursus, bengkel, latihan amal dan kolokium.	PEMBANGUNAN ORGANISASI Usaha membangunkan kepimpinan pendidikan yang bertujuan meningkatkan prestasi organisasi melalui proses perubahan organisasi yang sistematik dalam konteks persekitaran kerja seperti Program School Improvement Partner (SIPartner) dan Program <i>Organisational Development</i> (PrOD)	PEMBANGUNAN MASTER TRAINER Usaha membangun, mentaksir dan mengiktiraf kepakaran jurulatih profesional secara sistematik bagi meningkatkan kompetensi kejurulatihan dalam bidang pembelajaran dan pembangunan melalui inisiatif organisasi dan inisiatif individu.
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN Usaha memperkaya tubuh ilmu dan membangun model watan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan serta membudayakan amalan kepimpinan dan pengurusan pendidikan berasaskan kualiti penyelidikan.	JARINGAN DAN KOLABORATIF Usaha perkongsian maklumat dan kepakaran dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang dilakukan bersama-sama individu atau organisasi luar bagi mengukuhkan hubungan dan kerjasama ke arah faedah bersama-sama.	PENGURUSAN PENGETAHUAN Usaha menjadikan IAB sebagai pusat repositori tubuh ilmu, amalan terbaik dan hasil penyelidikan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.

PENGUPAYA
Usaha menggembeleng sumber manusia dan memanfaatkan kewangan, perkhidmatan, infrastruktur serta infostruktur bagi menjayakan pengoperasian Lanskap <i>Premier Centre IAB</i> .

BAB 4

PROGRAM-PROGRAM TAHUNAN

Management means helping people to get the best out of themselves, not organising things (Lauren Appley).

4.2 RINGKASAN PROGRAM 2013

Selaku sayap latihan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, IAB sentiasa menerajui kecemerlangan dalam memberi latihan yang bercorak pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Pelbagai jenis program dan aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 yang melibatkan pemimpin dan penggerak sistem pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia. Berikut adalah merupakan data tentang ringkasan jenis program, bilangan aktiviti dan bilangan peserta yang telah mengikuti pelbagai program di IAB pada tahun 2013. Ringkasan keseluruhan program seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Senarai Program IAB Tahun 2013

BIL	NAMA PROGRAM	BILANGAN PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1	KURSUS CPD IAB/PPPM	914	22110
2	KKPP	15	450
3	KKKPP	41	1230
4	NPQEL	2 AMBILAN SETAHUN	1000
5	BENGKEL	186	5640
6	BENGKEL KERJA	53	1590
7	KOLOKIUIM	12	2260
8	KOMENSMEN	1	500
9	KONSULTASI	20	3602
10	LAWATAN	14	397
11	MAJLIS	14	3110
12	MESYUARAT	439	16158
13	PEMBANGUNAN STAF	15	3369
14	PENYELIDIKAN	19	498
15	SEMINAR	12	2050
16	TAKLIMAT	21	2176
17	TAKSIRAN	23	358
18	AUDIT	1	35
19	LUAR	71	4397
20	LAIN-LAIN	34	6063

Disiplin yang baik terbentuk dari sikap yang baik dan sikap yang baik adalah hasil daripada pemimpin dan teladan yang baik (Tun Abdul Razak Hussin).

4.3 PROGRAM LATIHAN

4.3.1 SEMAKAN KURIKULUM LATIHAN

Pengenalan

Mesyuarat pengurusan bil.1/2012 bertarikh 9 Januari 2012 telah memutuskan agar dibuat semakan semula ke atas kurikulum latihan IAB. Sehubungan dengan itu satu pasukan penyemak telah dibentuk di bawah satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan IAB. Pasukan penyemak terdiri daripada 22 orang *Specialist Trainer* IAB. Pasukan ini bertanggung jawab menilai secara menyeluruh kesesuaian Rancangan Sesi Latihan dan Nota Sesi Latihan. Pasukan penyemak juga bertanggung jawab mencadangkan status kursus yang dinilai kepada Jawatankuasa Teknikal Latihan sama ada sesuatu kursus itu dikekalkan, ditambahbaik atau digugurkan.

Definisi

Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan (JKSKL) IAB ditubuhkan untuk memastikan Kurikulum Latihan IAB berkualiti dan relevan dengan perkembangan pendidikan.

Objektif

- a) Memastikan kurikulum latihan IAB menepati mandat organisasi sebagai pusat pembangunan kepemimpinan dan pengurusan pendidikan.
- b) Memastikan semakan kurikulum latihan dilaksanakan secara berkala dan mengikut jadual yang ditetapkan.
- c) Mencadang dan memperakukan kursus-kursus sama ada perlu dikekalkan, ditambah baik atau digugurkan kepada Jawatan Kuasa Teknikal Latihan.
- d) Memperbaharu Sijil Pendaftaran Kursus.

Keahlian

1. Pengerusi Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan ini adalah Pengarah IAB.
2. Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan adalah Timbalan Pengarah Khidmat Latihan dan Pengarah Cawangan Utara.
3. Setiausaha Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan adalah Ketua Pusat Penyelidikan, Penilaian dan ICT. Manakala Penolong Setiausaha adalah Ketua Jabatan Pengurusan Penilaian Pendidikan (sekarang Jabatan Aplikasi Komputer).
4. Ahli Tetap Jawatankuasa terdiri daripada:
 - a) Semua Ketua Pusat (seramai 8 orang)
 - i. 16 orang *Specialist Trainer*;
 - ii. Setiausaha Jawatan Kuasa Teknikal Latihan (Ketua Jabatan Pembangunan Kurikulum dan KoKurikulum);
 - iii. Timbalan Wakil Pengurusan (Ketua Jabatan Inovasi dan Standard Latihan)
 - iv. Penyelaras Program.
 - b) Ahli jemputan akan dilantik oleh pengerusi mengikut kepakaran dan keperluan.
 - c) Bilangan Ahli Jawatankuasa tidak melebihi 30 orang.


Orang yang berjaya dalam hidup adalah orang yang nampak tujuannya dengan jelas dan menjurus kepadanya tanpa menyimpang (Cecil B. DeMille).

- d) Urus setia Jawatankuasa Penilaian Kurikulum Latihan IAB adalah Jabatan Pengurusan Penilaian Pendidikan, PPICT. (sekarang adalah Jabatan Aplikasi Komputer).
- e) Ahli Jawatan Kuasa Semakan Kurikulum Latihan IAB dilantik oleh pengarah untuk tempoh keahlian selama satu tahun.


Bidang Tugas

- a) Bidang Tugas Jawatankuasa
 - Menyediakan senarai program Latihan yang akan disemak oleh Pasukan Penyemak Kurikulum Latihan (PPKL).
 - Mencadangkan nama ahli PPKL IAB berdasarkan keperluan.
 - Menetapkan tempoh/jangkamasa kepada PPKL untuk menyemak kandungan kurikulum kursus.
 - Memantau pelaksanaan semakan kandungan kurikulum Latihan IAB oleh PPKL.
 - Memaklumkan dan menerima perakuan daripada penggubal modul kursus. Jika terdapat percanggahan pendapat dalam laporan, penggubal boleh membuat rayuan kepada jawatankuasa ini.
 - Merumuskan laporan status kursus latihan yang disemak oleh PPKL.
 - Memperakukan laporan status kursus untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengajian.
 - Menyerahkan keputusan mesyuarat kepada pendaftar untuk dimaklumkan kepada penggubal modul, Penyelaras Program, Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Latihan dan Unit Kualiti untuk tindakan selanjutnya.
- b) Bidang Tugas Pasukan Penyemak Kurikulum Latihan (PPKL)
 - Menyemak dan menilai secara menyeluruh kesesuaian Rancangan Sesi Latihan dan Nota Sesi Latihan modul latihan bersama-sama penggubal modul atau kursus yang dipertanggungjawabkan.
 - Memperakukan sama ada modul latihan yang disemak dikekalkan, ditambahbaik, diarkibkan atau digugurkan.
 - Mencadangkan penambahbaikan kandungan modul latihan.
 - Menyerahkan laporan penyemakan kepada Urus Setia JKSKL


Carta Alir Proses Semakan Kurikulum



Aliran Kerja Semakan Kurikulum



Pencapaian



Pengenalan

Dasar Operasi Latihan 2013 adalah satu dasar yang digubal selari dengan misi dan visi IAB yang menjadi rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengoperasian (pengurusan dan pentadbiran) Program Latihan yang dilaksanakan oleh IAB. Dasar ini akan dibaca bersama-sama Prosedur Latihan. Tatacara pelaksanaan pengurusan Program Latihan ini juga adalah tertakluk kepada Dokumen Kualiti IAB sebagai terma rujukan utama. Pelaksanaan pengurusan kewangan Program Latihan pula adalah berdasarkan kepada peruntukan kewangan yang diluluskan pada tahun semasa. Perkara ini tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Kewangan yang sedang berkuat kuasa. Dasar ini juga akan dibuat semakan dari semasa ke semasa agar sentiasa relevan dengan keperluan semasa dalam arus pendidikan negara.

Kandungan

Dasar Operasi Latihan ini dimulakan dengan penerangan yang jelas tentang semua definisi kursus yang dilaksanakan di IAB yang telah didaftarkan dan ditakwimkan mengikut tahun semasa. Dasar ini juga telah menetapkan bahawa kursus tersebut hendaklah dilaksanakan di premis yang dibenarkan sahaja. Kursus secara pakej di luar kawasan boleh dilaksanakan atas keperluan dengan kebenaran Pengarah. Kursus-kursus yang dimaksudkan ialah kursus-kursus utama IAB yang terdiri daripada kursus Institusi, kursus CPD, kursus luar serta kursus latihan dan pembangunan kepakaran pensyarah.

Dasar ini juga memperjelaskan tentang kumpulan sasar untuk program latihan IAB iaitu terdiri daripada pemimpin sekolah iaitu Pengetua, Guru Besar, Guru Penolong Kanan dan Ketua Bidang. Kumpulan sasaran juga terdiri daripada pemimpin sistem pendidikan di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia, Institut Pendidikan Guru dan Kolej Matrikulasi.

Penetapan tempat pelaksanaan kursus di IAB Induk dan cawangan juga telah dinyatakan dalam dasar operasi ini mengikut zon seperti berikut:

Bil.	Tempat	Negeri/Daerah	Premis Kursus
1.	IAB Induk	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur, Pahang, WP Putrajaya dan Perak Selatan	Bilik Kuliah
2.	IAB Utara	Pulau Pinang, Perlis dan Kedah	Bilik Kuliah
3.	IAB Sarawak	Sarawak	BTPN, IPG, PKG dan premis-premis lain kerajaan
4.	IAB Sabah	Sabah dan WP Labuan	
5.	IAB Tengah	Perak	
6.	IAB Timur	Kelantan dan Terengganu	
7.	IAB Selatan	Johor dan Melaka	

Antara perkara utama yang dinyatakan dalam dasar ini ialah tentang pelaksanaan kursus yang memperjelaskan lagi tentang tanggungjawab dalam pengurusan kursus yang melibatkan peranan setiap pengurus dan pengurus bersama terhadap perjalanan kursus serta tanggungjawab kepada peserta

...digubal selari dengan misi dan visi IAB yang menjadi rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam pengoperasian Program Latihan yang dilaksanakan oleh IAB.

*Jadikanlah suatu keyakinan bahawa apa yang anda cita-citakan pasti tercapai dan apa yang anda usahakan pasti berhasil
(Thomas Alva Edison).*

kursus. Perkara ini disusuli pula dengan dasar yang menerangkan peranan dan tanggungjawab sebagai seorang pensyarah atau pegawai latihan yang memberikan latihan mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing. Antara perkara yang ditetapkan ialah jumlah jam mengajar bagi seseorang pensyarah, bilangan pensyarah bagi setiap slot, pelaksanaan pengajaran secara *team teaching*, jemputan mengajar dari pihak luar, kebenaran mengajar di luar pusat serta keperluan mengikuti induksi dan *on the job training* bagi pensyarah baru.

Dasar ini juga menerangkan tentang pelaksanaan kursus secara pakej dari segi justifikasi serta kelulusan daripada Pengarah. Seterusnya tatacara penggunaan waran udara awam juga disentuh dalam dasar ini. Ini diperjelaskan lagi dalam prosedur kewangan yang menerangkan tentang tuntutan perjalanan, pengurusan pakej kursus serta pengurusan pesanan tempatan (LO).

Bab berikutnya dalam dasar ini menyentuh tentang kadar harga sajian bagi pelaksanaan kursus dan mesyuarat di IAB Induk serta cawangan-cawangan IAB. Dan akhir sekali dasar operasi latihan ini memperjelaskan tentang penggunaan teknologi maklumat dan teknologi internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian yang dinamakan sebagai dasar e-Pembelajaran. e-Pembelajaran dalam konteks IAB, ditakrifkan sebagai sistem pengurusan bahan kuliah, nota pengajaran, penghantaran tugas, komunikasi, forum, kuiz dan bahan berbentuk multimedia yang pelbagai yang boleh diakses oleh semua warga IAB dan peserta semasa mengikuti kursus di IAB. Dasar berkaitan e-pembelajaran ini akan dikemas kini mengikut keperluan dan kemajuan teknologi dari semasa ke semasa agar selaras dengan misi dan visi IAB.

Penutup

Adalah diharapkan agar Dasar Operasi Latihan IAB dijadikan sebagai panduan dalam pelaksanaan kursus dan memberi manfaat kepada semua warga IAB ke arah memastikan kualiti program latihan IAB dapat memenuhi keperluan pelanggan IAB selaras dengan dasar kualiti IAB yang komited untuk menyediakan program latihan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang berkualiti.

...jawatankuasa akademik yang tertinggi bagi menentukan dasar perancangan dan pelaksanaan semua program latihan, mengawal-selia, mengesah dan memperakukan program latihan dan pembangunan dalam bidang kepimpinan dan pembangunan pendidikan di IAB.

4.3.3 LEMBAGA PENGAJIAN INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Pengenalan

Lembaga Pengajian IAB (LPIAB) adalah merupakan satu jawatankuasa akademik yang tertinggi bagi tujuan menentukan dasar perancangan dan pelaksanaan semua program latihan, mengawal-selia, mengesah dan memperakukan program latihan dan pembangunan dalam bidang kepimpinan dan pembangunan pendidikan di IAB.

Semua pembentangan di dalam LPIAB perlu melalui salah satu daripada tiga (3) jawatankuasa yang telah dilantik mengikut bidang kuasa masing-masing iaitu sama ada **Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan, Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan atau Jawatankuasa Teknikal Peperiksaan.**

Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan

Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan ditubuhkan daripada mandat Lembaga Pengajian bertujuan untuk menjamin kualiti Program Latihan dan Program Pembangunan Organisasi.

Ia berfungsi dalam memastikan program latihan dan program pembangunan organisasi yang dijalankan oleh IAB menepati fungsi pusat latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan, mengawal selia kualiti program latihan dan program pembangunan organisasi yang dihasilkan oleh IAB dan meluluskan program latihan untuk dirintis, mengesyorkan program latihan dan program pembangunan organisasi untuk pemerakuan LPIAB.

Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan

Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan ditubuhkan daripada mandat Lembaga Pengajian bertujuan untuk menjamin kualiti penyelidikan dan pembangunan IAB.

Fungsinya adalah untuk memastikan penyelidikan yang dijalankan oleh IAB menepati fungsi organisasi sebagai pusat latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan, mengawal selia kualiti penyelidikan yang dihasilkan oleh IAB serta melulus dan mengesyorkan keputusan kertas cadangan dan laporan penyelidikan untuk pengesahan Lembaga Pengajian IAB.

Jawatankuasa Teknikal Peperiksaan

Jawatankuasa Teknikal Peperiksaan juga ditubuhkan daripada mandat Lembaga Pengajian adalah bertujuan untuk memastikan kualiti peperiksaan yang dijalankan di Institut Aminuddin Baki (IAB) menepati dasar dan prosedur peperiksaan yang ditetapkan.

Fungsinya adalah untuk menjamin kualiti peperiksaan yang dijalankan menepati prosedur dan kualiti serta menilai dan meluluskan perkara-perkara yang berkaitan dengan peperiksaan untuk disahkan dalam Mesyuarat LPIAB.

Keahlian dan Bidang Tugas LPIAB

Keahlian Lembaga Pengajian adalah terdiri daripada Pengerusi (Pengarah IAB), Timbalan Pengerusi (Timbalan Pengarah Khidmat Profesional IAB dan Timbalan pengarah Khidmat Latihan IAB), Setiausaha (Pendaftar IAB), Ahli Tetap (Semua Ketua Pusat) dan Ahli Luar yang dilantik (Wakil universiti, wakil Sektor Jaminan Kualiti JPWKL, wakil MQA, wakil PKPSM dan wakil MGB) manakala urus setia LPIAB ialah Pegawai Penyelaras Program IAB.

*Tiada manusia
yang berjaya
dalam semua yang
dilakukannya dan
kewujudan kita
ini sebenarnya
mesti menempuh
kegagalan. Yang
penting ialah kita
tidak menjadi
lemah semasa
kegagalan itu
terjadi dan
kekalkan usaha
hingga ke akhir
hayat
(Joseph Conrad).*

Dalam memastikan setiap perkara yang disahkan dalam LPIAB adalah selaras dengan dasar kualiti IAB maka kourum kehadiran semasa mesyuarat hendaklah melebihi 60% ahli mesyuarat. Kekerapan mesyuarat adalah sebanyak empat (4) kali setahun atau mengikut keperluan.

Bidang tugas utama LPIAB ialah untuk membincang, mengesah dan menentukan apa-apa keputusan yang melepasi tahap pembentangan yang dikehendaki setelah disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan, Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan serta Jawatankuasa Teknikal Peperiksaan. Selain dari itu ia juga menentukan semua dasar-dasar program latihan di IAB, meluluskan perancangan program latihan kepimpinan dan pembangunan pendidikan dengan memastikan semua perancangan memenuhi kriteria dan syarat seperti yang telah ditetapkan dalam Standard Kualiti IAB. Sebarang pengiktirafan sijil atau diploma kursus-kursus di IAB juga perlu mendapat pengesahan dan kelulusan LPIAB. Selain daripada itu, piawai program samada piawaian dalaman, prosuder kualiti IAB serta piawaian peringkat kebangsaan juga perlu melalui kelulusan LPIAB. Sebarang proses pentaksiran juga perlu disah dan diperakukan tatacara yang digunakan, dan ini diikuti pula dengan pengesahan semua markah peperiksaan yang telah dimoderasikan.

LPIAB juga berperanan mendengar, memberi pertimbangan serta melulus atau menolak terhadap sebarang bentuk rayuan berdasarkan kemunasabahan atau kepentingan perkhidmatan dan organisasi. Mempertimbangkan dan mengesahkan kemasukan calon program dan kursus jangka panjang IAB adalah juga merupakan salah satu tugas LPIAB. Namun begitu dalam keadaan tertentu, Pengarah IAB diberi kelonggaran khusus untuk mengesahkan atau menolak kemasukan mana-mana calon bagi mengikuti sebarang program latihan di IAB.

Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan

Selain daripada tiga (3) jawatankuasa teknikal yang terlibat secara langsung dengan LPIAB, Mesyuarat Pengurusan IAB bertarikh 9 Januari 2012 telah memutuskan agar dibuat semakan semula ke atas kurikulum latihan IAB. Sehubungan dengan itu, satu pasukan penyemak telah dibentuk di bawah satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan IAB. Pasukan penyemak terdiri daripada 22 orang Specialist trainer IAB. Pasukan ini bertanggungjawab menilai secara menyeluruh terhadap kesesuaian Rancangan Sesi Latihan dan Nota Sesi Latihan. Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan (JKSKL) IAB ditubuhkan untuk memastikan Kurikulum Latihan IAB berkualiti dan relevan dengan perkembangan pendidikan. Fungsinya antara lain ialah memastikan kurikulum latihan IAB menepati mandat organisasi sebagai pusat pembangunan kepemimpinan dan pengurusan pendidikan, memastikan semakan kurikulum latihan dilaksanakan secara berkala dan mengikut jadual yang ditetapkan serta mencadangkan dan memperakukan kursus-kursus sama ada perlu dikekalkan, ditambahbaik atau digugurkan kepada Jawatankuasa Teknikal Latihan dan Pembangunan.

Penutup

Peranan dan kedudukan Lembaga Pengajian sebagai satu jawatankuasa akademik yang tertinggi telah dapat memastikan kualiti program latihan di IAB sentiasa relevan dan berada di tahap yang sepatutnya dalam usaha untuk melonjakkan IAB sebagai sebuah pusat latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang terulung di rantau ini.

*Berani menyatakan
pendirian adalah
sifat satria, tetapi
berani surut dari
yang salah dan
berani mengaku
adalah lebih satria
(Hamka).*

4.3.4 PROSES PENTAKSIRAN

Pada tahun 2013, pentaksiran calon NPQEL dan PKPGB telah dilaksanakan untuk memilih Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan dibuka sepanjang tahun secara atas talian melalui laman web www.iab.edu.my.


Pengambilan peserta pada tahun 2013 disasarkan seramai 1000 orang. Kemasukan untuk kohort satu adalah pada bulan Februari, manakala kohort dua pada bulan Julai. IAB telah melaksanakan sesi pentaksiran di enam lokasi meliputi semua zon di seluruh negara. Seramai 1542 calon dipanggil untuk menghadiri sesi temubual dan seramai 1232 calon telah menghadiri sesi tersebut.

Analisa Sesi Pentaksiran Calon NPQEL 2013

Kohort	Lokasi	Bilangan Dipanggil	Bilangan Hadir	Peratus Kehadiran
1 (Februari)	IAB Induk	281	244	86.83
	IAB Cawangan Utara	167	150	89.82
	IAB Cawangan Sarawak	53	50	94.34
	IAB Sabah	73	67	91.78
	IAB Timur	30	29	96.67
	IAB Selatan	75	73	97.33
2 (Julai)	IAB Induk	368	266	72.28
	IAB Cawangan Utara	97	71	73.20
	IAB Cawangan Sarawak	108	86	79.63
	IAB Sabah	135	116	85.93
	IAB Timur	80	40	50.00
	IAB Selatan	76	40	52.63
Jumlah		1542	1232	79.90

Seramai calon yang terpilih mengikuti Program NPQEL di empat lokasi di seluruh Malaysia iaitu di IAB Induk, IAB Cawangan Utara, IAB Cawangan Sarawak dan IAB Sabah.

Lombong emas dalam diri kamu adalah fikiran kamu. Kamu dapat menggalinya sedalam-dalamnya dan sepuas-puas yang kamu inginkan (Abdullah Mansur M.H).



Pentaksiran Program PKPGB adalah program pentaksiran yang dijalankan secara kolaboratif dengan 10 universiti tempatan. Sasaran calon adalah Guru Besar Bukan Siswazah yang berumur tidak melebihi 48 tahun. Bagi tahun 2013, seramai 82 calon telah ditaksir dan 71 calon diperakukan dan dicadangkan untuk melanjutkan pengajian di IPTA di bawah Program PKPGB.

Bagi melahirkan lebih ramai Pensyarah Kanan IAB yang kompeten dalam melaksanakan sesi pentaksiran yang berkualiti, dua sesi latihan khas untuk pensyarah dilaksanakan. Kumpulan pensyarah ini dilatih untuk menjadi panel pentaksir program IAB. Panel Pentaksir IAB mestilah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan iaitu:

- i. Menghadiri sesi latihan pentaksiran dengan jayanya.
- ii. Memegang jawatan dengan gred sekurang-kurangnya DG. 48 dan ke atas.
- iii. Keutamaan diberikan kepada Ketua Pusat dan Ketua Jabatan yang telah mengikuti latihan pentaksiran.

Sehingga kini, IAB mempunyai 45 orang Pensyarah Kanan yang layak menjadi panel pentaksir bagi memilih peserta program IAB.

KKKPP
JUMLAH PESERTA: 261

NPQEL
JUMLAH PESERTA :
SR : 543
SM : 463

CPD
JUMLAH KURSUS : 880
JUMLAH PESERTA : 22,110

PKPGB
JUMLAH PESERTA :
1438 (2005 - 2010)

KKPP
JUMLAH PESERTA :
126

PROGRAM PEMBANGUNAN INDIVIDU



“Pembangunan individu adalah proses pembangunan profesional individu...melalui latihan jangka panjang dan pendek”.

Peserta didedahkan kepada konsep-konsep, prinsip-prinsip dan teknik-teknik asas pengurusan yang berkaitan secara langsung dengan tugas utama mereka.

4.4 PROGRAM PEMBANGUNAN INDIVIDU (PI)

Pembangunan Individu (PI) merupakan proses pembangunan profesionalisme individu dalam organisasi bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pengkhususan masing-masing. Program ini dizahirkan melalui latihan jangka panjang dan jangka pendek. Kumpulan sasaran program pembangunan individu dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu;

- i) Kumpulan pemimpin pelapis terdiri daripada kalangan guru penolong kanan.
- ii) Kumpulan pemimpin novis terdiri daripada guru besar dan pengetua yang baru dilantik.
- iii) Kumpulan pemimpin senior adalah mereka yang telah lama menjawat jawatan sebagai pemimpin pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

4.4.1 Kursus Kepimpinan Dan Pengurusan Pendidikan (KKPP)

Pengenalan

Pengurus sekolah memainkan peranan penting serta menjalankan pelbagai tugas dan tanggungjawab dalam kerja hariannya. Oleh itu, mereka memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam hal-hal pengurusan dan juga hal-hal pendidikan. Pengetahuan dan kemahiran ini mungkin tidak wujud dengan sendirinya tetapi sebaliknya ia perlu diperolehi. Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan ini merupakan kursus asas yang meliputi asas-asas pengurusan. Para peserta akan didedahkan kepada konsep-konsep, prinsip-prinsip dan teknik-teknik asas pengurusan yang berkaitan secara langsung dengan tugas utama mereka. Diharap kursus ini akan dapat membantu pengurus sekolah mengurus sekolah secara lebih berkesan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kumpulan Sasaran

- Guru Besar dan Pengetua yang baharu dilantik dalam tempoh tiga tahun.

Objektif

Pada akhir kursus, peserta akan dapat:

- Memahami asas pengurusan dan kepimpinan serta kemahiran-kemahiran yang penting sebagai pengurus dan pemimpin sesebuah organisasi.
- Memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas tentang pengurusan kurikulum dan peranannya sebagai pemimpin instruksional.
- Memahami tentang pengurusan kokurikulum dan pengurusan Hal Ehwal Murid untuk perkembangan pelajar secara menyeluruh dan kesejahteraannya.
- Memahami pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran dengan cekap dan berkesan.
- Memahami dan menghayati pentingnya pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal dengan cekap dan berkesan untuk kepentingan pengajaran dan pembelajaran.
- Memahami pengurusan dan pembangunan sumber manusia dengan cekap dan berkesan secara berterusan demi

Kursus KKKPP dapat membantu pengurus sekolah mengurus sekolah secara lebih berkesan.

- meningkatkan tahap profesionalisme staf.
- Memahiran dalam pengurusan hubungan luar secara perkongsian pintar.
- Memahami peranan sebagai pengurus sekolah dalam konteks tugas dan tanggungjawab.
- Memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas tentang pengurusan pendidikan.

4.4.2 KURSUS KHAS KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN (KKKP)

Pengenalan

Kursus KKKPP direka bentuk bagi pemimpin sekolah yang telah berkhidmat sebagai Pengetua atau Guru Besar melebihi satu tahun tetapi mereka masih belum menghadiri Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan (KKPP). Kursus KKKPP ini akan dapat membantu pengurus sekolah mengurus sekolah secara lebih berkesan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kumpulan Sasaran

- Guru Besar dan Pengetua yang berkhidmat lebih daripada satu tahun.

Objektif

Pada akhir kursus, peserta akan dapat:

- Memahami asas pengurusan dan kepimpinan serta kemahiran-kemahiran yang penting sebagai pengurus dan pemimpin sesebuah organisasi.
- Memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas tentang pengurusan kurikulum dan peranannya sebagai pemimpin instruksional.
- Memahami pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan dan pentadbiran dengan cekap dan berkesan.
- Memahami peranan sebagai pengurus sekolah dalam konteks tugas dan tanggungjawab.
- Memperolehi pengetahuan dan kemahiran tentang pengurusan pendidikan.

Perbezaan Kehadiran Peserta Dalam Kursus KKPP dan KKKPP Tahun 2012 dan 2013

Jenis Kursus		KKPP		KKKPP	
Tahun		2012	2013	2012	2013
Bilangan Kursus	Pengetua	13		2	
	Guru Besar	22	5 *	19	9 *
Jumlah Ambilan	Pengetua	390		60	
	Guru Besar	660	126 *	570	261 *
Hadir	Pengetua	360		32	
	Guru Besar	602	126 *	505	261 *
Peratus Kehadiran(%)	Pengetua	91.60		70.95	
	Guru Besar				

* Jumlah sehingga bulan Ogos 2013

Penambahbaikan

Pada tahun 2013, penambahbaikan berikut masih diteruskan iaitu:

1. *Data driven information* – peserta dikehendaki mengisi borang soal selidik sebelum dan selepas kursus bertujuan untuk melihat keberkesanan kursus terhadap mereka.
2. *Follow up dan Follow Through* – Pensyarah IAB akan menjalankan tindak susul terhadap peserta yang telah menghadiri kursus ini untuk melihat sejauhmana peserta telah melaksanakan perkara yang dipelajari semasa kursus.

*In any moment of decision the best things is the wrong thing, and the worst thing you can do is nothing
(Theodore Roosevelt).*

BAB 4

PROGRAM-PROGRAM TAHUNAN

Kursus menyediakan barisan pelapis pemimpin pendidikan yang mampu menerajui sekolah ke arah kecemerlangan.

4.4.3 PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL)


Pengenalan

Kursus ini diadakan bagi menyediakan barisan pelapis pemimpin pendidikan yang mampu menerajui sekolah ke arah kecemerlangan. Kursus ini disusun untuk memberikan pengalaman terancang kepada peserta dalam memperoleh dan mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang berguna untuk tujuan pengurusan sekolah. Di samping dapat memberi peluang kepada peserta untuk membuat jaringan profesional dalam usaha ke arah penambahbaikan sekolah.

Objektif



Latar Belakang



*Keberanian yang
sebenarnya ibarat
layang-layang.
Sentakan angin
yang menentangnya
bukan
melemparkannya ke
bawah, sebaliknya
menaikkannya
(John Petitsenn).*

Model NPQEL



Model ini menerangkan cara pelaksanaan program NPQEL yang melibatkan *Blended Learning* iaitu Sesi Bersemuka, Sesi Konsultasi dan Sesi e-Pembelajaran.

Bersemuka

Menghadiri kuliah dan perbincangan dengan pensyarah di IAB mengikut modul yang ditetapkan.

Konsultasi

Melaksanakan program penందarasan (sekolah pengurusan cemerlang) dan sandaran (sekolah asal) dengan melaksanakan program penambahbaikan.

e-Pembelajaran

Bahan bacaan dan aktiviti seperti tugas wajib, forum, video, kuiz, dan perbincangan bersama pensyarah dan rakan.

Modul Latihan Program



Kompetensi Berimpak Tinggi Pemimpin Sekolah di Malaysia

Sumber: IAB, 2009

Pencapaian

Latihan

KOHORT	LOKASI	SM	SR	JUMLAH	SASARAN	PESERTA HADIR	PERATUS HADIR
NPQEL Ambilan 1	Induk	123	110	233	500	497	99.4
	Utara	109	74	183			
	Sabah	24	16	40			
	Sarawak	26	14	40			
Jumlah		281	216	497			
NPQEL Ambilan 2	Induk	131	104	235	500	509	102.0
	Utara	51	61	112			
	Sabah	44	44	88			
	Sarawak	37	38	75			
Jumlah		262	247	509			
Jumlah Keseluruhan		463	543	1006			

Konsultasi

Data Konsultasi NPQEL 2013

AMBILAN 1/2013	TARIKH	BILANGAN PESERTA SEKOLAH MENENGAH	BILANGAN PESERTA SEKOLAH RENDAH	JUMLAH PENSYARAH TERLIBAT
PROGRAM PENANDAARASAN	1/4-12/4/2013	280	217	155
PROGRAM SANDARAN	6/5-28/6/2013	280	216	156
AMBILAN 2/2013	TARIKH	BILANGAN PESERTA SEKOLAH MENENGAH	BILANGAN PESERTA SEKOLAH RENDAH	JUMLAH PENSYARAH TERLIBAT
PROGRAM PENANDAARASAN	26/8-6/9/2013	263	247	152
PROGRAM SANDARAN	7/10 - 29/11/2013	261	247	152

Impak Program

Bil	Tajuk	Objektif	Dapatan/Status
1	Kajian Keberkesanan Kursus NPQEL Ambilan 2/2012	Menentukan sejauh manakah keberkesanan Program NPQEL Ambilan 2/2012	Keberkesanan Program NPQEL dari segi sesi pentaksiran dan kandungan kursus spesifik mendapat persepsi sangat tinggi daripada peserta. Di samping itu, bahan pelajaran sesi bersemuka, bahan pembelajaran sesi e-pembelajaran, aktiviti e-pembelajaran, penyampaian pensyarah, Program Penandaarasan, Program Sandaran dan kandungan kursus adalah pada tahap tinggi. Hanya akses internet sahaja berada pada tahap sederhana.

2	Penganalisaan Maklum Balas Sesi Latihan (BK09) Dan Maklum Balas Khidmat Sokongan (BK10) NPQEL Ambilan 1 dan 2 / 2012	Mengetahui maklumbalas peserta kursus berkaitan sesi pembelajaran dan khidmat sokongan	Secara keseluruhannya maklum balas sesi latihan (BK09) berada pada tahap yang tinggi berdasarkan pendapat peserta. Latihan yang dilaksanakan sangat berkesan serta kandungan kursus NPQEL sangat sesuai merupakan dua perkara yang amat bernilai bagi peserta. Namun demikian, peserta mengharapkan nota e-pembelajaran, nota edaran kursus, pensyarah perlu mengambil kira pengetahuan sedia ada peserta, penampilan pensyarah perlu ditingkatkan, tambahbaik kualiti bahan serta sesi perkongsian pengalaman antara peserta semasa sesi bersemuka perlu ditingkatkan kuantiti dan kualitinya.
3	Kajian Ujian-Pra dan Ujian-Pos aspek Pengetahuan dan Kefahaman serta Kemahiran Program NPQEL Bagi Ambilan 2/2012	Menentukan adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi Program NPQEL, sebelum dengan selepas latihan dilaksanakan	Terdapat perubahan yang signifikan terhadap (1) Pengetahuan dan Kefahaman serta (2) Kemahiran yang diperoleh oleh peserta selepas mengikuti latihan berbanding sebelum mengikuti latihan NPQEL.

Aktiviti-Aktiviti Lain

- Majlis amanat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan terbuka puasa bersama dengan peserta NPQEL ambilan 1 & 2 2013 pada 11 Julai 2013.
- Majlis *dinner talk* pemimpin pendidikan pada 2 Mei 2013.
- Kolokium peserta NPQEL ambilan 1 & 2 di fasa 3 setiap ambilan.
- Mesyuarat dengan beberapa universiti bagi pindahan kredit graduan NPQEL untuk pengajian sarjana muda dan sarjana pada 13 Jun 2013.

Gambar-gambar Aktiviti 2013



Majlis Perasmian Program NPQEL di BTPN Penampang telah disempurnakan oleh Dr Zainab Hussin, Timbalan Pengarah Khidmat Profesional

Jika anda bekerja semata-mata untuk wang, anda tidak akan menjadi kaya kerananya. Tetapi jika anda menyintai pekerjaan yang anda lakukan itu, kejayaan akan menjadi milik anda (Ray Kroc: Pengasas McDonalds).



Majlis aku janji peserta NPQEL



Peserta dari IAB utara semasa majlis perasmian NPQEL ambilan 2/2013



Aktiviti peserta sempena Minggu Orientasi NPQEL ambilan 1 2013 di BTPN Sarawak

Jangan tanya apa yang dibuat oleh negara untukmu, tapi tanyalah apa yang boleh kamu buat untuk negara (Abraham Lincoln).



Aktiviti kecergasan peserta NPQEL dalam minggu orientasi



Sesi perbincangan peserta dalam kuliah bersemuka NPQEL



Perasmian NPQEL ambilan 2 2013 di IKM BINTULU, Sarawak

Apabila Anda Benar : Anda tak perlu marah. Apabila Anda Salah: Anda tak boleh Marah (Mahatma Gandhi).



Aktiviti kecergasan peserta NPQEL di IAB Utara



Kumpulan penyelidik kajian impak NPQEL

4.4.4 PROGRAM KHAS PENSISWAZAHAN GURU BESAR (PKPGB)

Latar Belakang Program

Fasa II Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) yang bermula untuk ambilan tahun 2012 hingga ambilan tahun 2016 telah dijalankan bersama-sama dengan IPTA yang terlibat. Program PKPGB yang merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh pihak IAB bersama-sama dengan 10 IPTA yang terlibat merupakan satu usaha untuk membantu mempercepatkan hasrat kerajaan mensiswazahkan semua guru besar. Program ini dijalankan bersama dengan 10 buah IPTA yang telah mendapat kelulusan pihak JPA iaitu:

- Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Institut Teknologi MARA Shah Alam (UiTM Shah Alam)
- Universiti Institut Teknologi MARA Sarawak (UiTM Sarawak)
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Universiti Malaya (UM)

PENCAPAIAN & IMPAK FASA 1 (2005-2010)

Menerusi program ini yang telah dilaksanakan bermula 2005-2010 seramai 1,438 Guru Besar dan para pegawai KPM pada Gred DG 32 – 34 telah dan sedang melanjutkan pengajian mereka di peringkat ijazah pertama di IPTA terpilih. Bilangan di atas adalah termasuk pengambilan terakhir program ini seramai 108 orang untuk tahun 2010 ini yang dijangka berakhir pengajiannya pada tahun 2013. Jumlah 1,438 peserta untuk tempoh 5 tahun adalah bersamaan dengan 51.35 peratus daripada unjuran 2,800 orang peserta.

Jadual 1: Bilangan peserta PKPGB di IPTA bagi fasa 1 (2005-2010)


Bil	Universiti	Ambilan							JUMLAH
		2005	2006	2007 (1)	2007 (2)	2008	2009	2010	
1.	UUM	36	50	35	0	0	29	24	174
2.	UPSI	38	83	25	0	0	0	0	146
3.	UIA	38	41	0	0	0	0	0	79
4.	UKM	39	34	26	0	0	26	0	125
5.	UiTM Shah Alam	28	36	0	0	0	0	0	64
6.	UiTM Sarawak	25	69	50	0	73	32	22	271
7.	UTHM	41	38	38	0	0	0	28	145
8.	UTM	0	56	29	0	0	0	0	85
9.	UMS	44	57	55	43	19	23	34	275
10.	UM	0	0	30	0	44	0	0	74
		289	464	288	43	136	110	108	1438

...inisiatif yang dijalankan oleh pihak IAB bersama-sama dengan 10 IPTA yang terlibat merupakan satu usaha untuk membantu mempercepatkan hasrat kerajaan mensiswazahkan semua guru besar.

Kecantikan yang abadi terletak pada keelokkan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan terletak pada wajah dan pakaiannya (Hamka).

Perkembangan Ambilan Tahun 2013

Bagi ambilan 2013 seramai 72 orang Guru Besar dan pegawai KPM DG32/34 telah ditawarkan tempat di lima IPTA seperti berikut:



Jumlah bagi ambilan tahun 2013 berkurangan adalah disebabkan oleh beberapa kekangan yang telah dikenalpasti iaitu terdapat guru besar dan pegawai KPM yang layak sedang menyambung pengajian di institut pengajian tinggi sama ada dengan pembiayaan sendiri atau melalui program PPG. Kebanyakan guru besar dan pegawai KPM juga tidak berminat kerana masalah kesihatan serta kurang mampu untuk menyambung pengajian kerana faktor umur. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah dalam memastikan hasrat mensiswazahkan semua guru terlaksana melalui PKPGB maka IAB sedang merangka kertas kerja untuk memperluaskan lagi sasaran bagi program ini.

4.4.5 KURSUS PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPD – CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT)

Selain daripada kursus jangka panjang, IAB turut juga menawarkan kursus jangka pendek iaitu kursus pembangunan profesional berterusan (*Continuous Profesional Development*) yang merupakan satu proses pembelajaran sepanjang hayat untuk membangun dan meningkatkan kompetensi individu melalui kursus jangka pendek. Kursus-kursus ini disusun mengikut enam (6) domain utama berdasarkan kepada Kompetensi Pemimpin Sekolah (KOMPAS) seperti rajah di bawah. Sejumlah 142 jenis kursus telah ditawarkan daripada 880 kursus yang dihadiri oleh 22,110 orang peserta. Secara umumnya kursus CPD merangkumi aktiviti yang mengabungjalinkan perkembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membolehkan:

- Pemahaman dan pengaplikasian pengetahuan dan kemahiran baharu dalam bidang pengurusan pendidikan.
- Menghadapi perubahan dan cabaran dalam pembangunan kerjaya
- Penghayatan nilai-nilai murni dan sikap positif sepanjang masa.

Enam (6) domain utama kompetensi pemimpin sekolah (KOMPAS) adalah seperti rajah berikut:



CPD merangkumi aktiviti yang mengabungjalinkan perkembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap.

BAB 4

PROGRAM-PROGRAM TAHUNAN

Kumpulan Sasaran

Pemimpin pendidikan dan penggerak sistem pendidikan yang merangkumi semua pegawai di peringkat pengurusan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia.

Objektif

Secara umumnya objektif kursus CPD adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan dan pengurusan pendidikan dalam kalangan pemimpin pendidikan.

Rajah di bawah menunjukkan pencapaian pelaksanaan kursus CPD di IAB Induk dan cawangan-cawangan IAB mengikut pusat yang menguruskan kursus-kursus berkaitan.

Rajah: Pencapaian kursus CPD 2013 mengikut pusat/cawangan IAB.



Impak Program

Secara keseluruhannya, dapatan daripada analisis Borang BK9 iaitu borang kepuasan pelanggan, peserta berpendapat bahawa objektif latihan telah tercapai, kandungan sesi latihan mudah difahami, kandungan sesi latihan sesuai dengan keperluan tugas, sesi latihan akan membantu dalam menjalankan tugas, kaedah sesi latihan merangsang pembelajaran aktif, penggunaan masa latihan berkesan dan jawapan yang memuaskan dikemukakan oleh pensyarah kepada soalan peserta. Maklum balas daripada peserta ini telah digunakan untuk menambah baik kandungan kursus serta menambah jenis-jenis kursus bagi tahun 2014.

PROGRAM PEMBANGUNAN ORGANISASI



“Pembangunan Organisasi bertujuan meningkatkan prestasi organisasi melalui pendekatan Coaching & Mentoring...melalui aktiviti lawatan follow up dan follow through... ke sekolah yang terlibat”

*Bercakap-
cakap adalah
bertukar fikiran,
bertukar pendapat
dan bertukar
pengalaman. rahsia
bercakap ialah
pandai bicara,
pandai bertanya
dan pandai
mendengar
(Pythatoras).*

4.5 PROGRAM PEMBANGUNAN ORGANISASI (PO)

Model PO yang dibangunkan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) menggariskan dengan jelas bagaimana pemimpin boleh membangunkan organisasi masing-masing dengan terlebih dahulu memahami konsep imperatif moral sebagai pemimpin di sekolah. Berdasarkan kesedaran tersebut, pemimpin sekolah akan melakukan usaha yang terancang dan tindakan yang sesuai bagi menghasilkan perubahan yang sistematik ke arah pembangunan organisasi.

Pembangunan Organisasi (PO) juga bertujuan meningkatkan prestasi organisasi melalui pendekatan coaching dan mentoring, sama ada melalui follow up dan follow through yang dijalankan secara tetap dan berkala ke organisasi yang terlibat atau dilaksanakan juga secara maya menggunakan Portal e-Pembelajaran dari semasa ke semasa

Pembangunan Organisasi yang dilaksanakan di Institut Aminuddin Baki (IAB) adalah program Pembimbing Penambahbaikan Sekolah (SIPartner), Program Pembangunan Prestasi Sekolah (Speed-UP), Program Pembangunan Organisasi (ProD), Konsultasi Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Strategi Lautan Biru (BOS).

Konsep Pembangunan Organisasi Pemimpin Sekolah

Pendekatan PO yang diguna pakai oleh IAB menumpukan perhatian kepada usaha-usaha seperti berikut:


- i. Meningkatkan kesedaran dalam pemimpin pendidikan terhadap peranan mereka dalam memimpin ke arah peningkatan prestasi secara keseluruhannya.
- ii. Memberi kefahaman tentang kepentingan keselarian pencapaian matlamat dalam kalangan warga organisasi.
- iii. Menghasilkan perancangan aktiviti organisasi yang menepati keperluan masing-masing secara kontekstual bersesuaian dengan kehendak individu, iklim dan persekitaran organisasi.
- iv. Memberi kesedaran tentang wujudnya pelantar maya iaitu Portal e-Pembelajaran yang membolehkan pemimpin memperoleh khidmat nasihat secara terus daripada pembimbing di IAB atau bahagian-bahagian lain dalam KPM khususnya dalam program SIPartners, SPeeD-uP, Konsultasi SKK dan SBT.

PrOD melibatkan pendekatan andragogi dengan mengaplikasi pelbagai aktiviti yang melibatkan refleksi pemimpin sekolah dan penyertaan aktif yang membolehkan mereka berkongsi pengalaman pembelajaran.

4.5.1 PROGRAM PEMBANGUNAN ORGANISASI (PrOD)

Pengenalan

Model PrOD IAB telah dibangunkan oleh sekumpulan perunding kanan IAB pada tahun 2008. Program PrOD melibatkan pendekatan andragogi dengan mengaplikasi pelbagai aktiviti yang melibatkan refleksi pemimpin sekolah dan penyertaan aktif yang membolehkan mereka berkongsi pengalaman pembelajaran.



Model Pelaksanaan PrOD IAB

Selaras dengan transformasi pendidikan negara, pemimpin sistem iaitu Pegawai JPN dan PPD dilibatkan secara aktif dalam pelaksanaan program PrOD. Ini adalah satu usaha untuk memperkasakan pemimpin pendidikan yang terlibat bagi membimbing pemimpin sekolah membangunkan organisasi mereka seperti yang dihasratkan dalam Anjakan Keenam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 iaitu Mengupaya JPN dan PPD.

Sasaran

Program PrOD disasarkan untuk pemimpin sekolah iaitu pengetua, guru besar beserta seorang guru penolong kanan bagi sekolah yang berada di band 3 dan 4. Pemimpin sistem yang terdiri daripada Pegawai JPN dan PPD dilibatkan bagi menyelaraskan pelaksanaan PrOD di peringkat masing-masing.

Pencapaian

Pada tahun 2013, kajian keberkesanan PrOD diperluaskan ke seluruh negara dengan melibatkan empat buah sekolah rendah bagi setiap zon iaitu Induk, Selatan, Timur, Utara, Sabah dan Sarawak. Pengumpulan data awal dibuat di sekolah-sekolah rendah yang telah mengikuti program PrOD Fasa 1. *Ukuran Take Off Value* (TOV) pembangunan organisasi dinilai menggunakan soal selidik KOKeM yang terdiri daripada aspek kepimpinan, pengurusan organisasi dan pengajaran pembelajaran. Dapatan akhir akan diperoleh setelah sekolah-sekolah di bawah Program PrOD mengikuti Fasa 2 dan Fasa 3. Pembangunan Organisasi dinilai sebagai *Achieved Value* (AV) bagi aspek yang serupa di akhir kajian. Nilai tambah antara TOV dan AV dilihat sebagai peningkatan PO dalam organisasi.

*Orang yang
berani tidak akan
membabi-butakan
melompat masuk
ke dalam jurang,
melainkan masuk
dengan perlahan-
lahan dan dengan
mata yang terbuka
setelah mengukur
dalamnya
(Stahl P.J).*

Impak

Pada tahun 2013, Program PrOD telah dicalonkan sebagai satu program KPM yang menyokong PPPM 2013 – 2025 untuk dinilai dalam Penilaian Penarafan Bintang 2014. Hal ini adalah berdasarkan rujukan Minit Mesyuarat Penilaian Penarafan Bintang (Perkhidmatan Teras KPM) Bil 1 Tahun 2013. Bermula tahun ini, urus setia PrOD perlu melaksanakan bengkel menyeluruh dalam menyebarkan maklumat ini dan memastikan semua pihak terlibat diperingkat negeri dan daerah memahami tentang hasrat KPM ini .

Inisiatif membangunkan model Pembangunan Organisasi untuk Kecemerlangan Sekolah (PrOD) yang dipelopori oleh IAB mendapat komitmen yang baik daripada pemimpin-pemimpin pelapis di JPN dan PPD dalam usaha untuk terus meningkatkan prestasi sekolah-sekolah yang terlibat. Model juga ini memberi satu pilihan kepada pemimpin pelapis dan pemimpin sekolah memimpin sekolah untuk berubah secara sistematik. Usaha ini diharap dapat memberi kesan positif dalam usaha transformasi pendidikan negara.

Senarai Aktiviti PrOD 2013

Bil.	Kursus / Bengkel	Sasaran Peserta	Negeri	Bilangan peserta yang hadir
1.	Mesyuarat Program Pembangunan Organisasi Untuk Kecemerlangan Sekolah (PrOD)	Pegawai JPN, PPD, Pensyarah IAB Pengetua, Guru Besar dan GPK yang terpilih, Pensyarah IAB	Pahang, Selangor, Kuala Lumpur	24
2.	Bengkel TTT PrOD	Pegawai JPN, PPD, Pengetua, Guru Besar dan GPK	WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan	101
3.	Bengkel TOT PrOD Fasa 3	Pegawai PPD dan JPN	Sarawak	25
4.	Kursus PrOD Fasa 1	Pegawai SJQ, Pegawai JPN, PPD, Pengetua, Guru Besar dan GPK	Sarawak, Perak, Perlis, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu	220
5.	Kursus Pembangunan Organisasi Untuk Kecemerlangan Sekolah (PrOD) Fasa 2	Pegawai JPN, SJQ, PPD, Pengetua, Guru Besar dan GPK	Melaka, Johor, Terengganu, Perak, Perlis, Pahang, Selangor, Sabah, Sarawak, Kedah, Pulau Pinang	344

BAB 4

*Sebaik-baik
pekerjaan ialah
usaha seseorang
dengan tangannya
sendiri
(Hadis).*

6	Kursus Pembangunan Organisasi Untuk Kecemerlangan Sekolah (PrOD) Fasa 3	Pegawai JPN, SJQ, PPD, Pengetua, Guru Besar dan GPK	Seluruh daerah di Pahang, Kedah, Pulau Pinang, Terengganu, Johor, Sarawak (2 kursus belum dilaksana)	206
7.	Bengkel Pembangunan Organisasi Untuk Kecemerlangan Sekolah (PrOD)	Pegawai JPN, PPD		19
8.	Kolokium Pembangunan Organisasi Untuk Kecemerlangan Sekolah (PrOD)	Pegawai JPN, PPD, Pengetua, Guru Besar, GPK	Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak	140
9.	Mesyuarat Pelaksanaan PrOD	Pegawai JPN dan PPD		24
11.	Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)	Pegawai JPN, PPD, Pengetua, Guru Besar dan GPK		53

Gambar – gambar Program PrOD IAB



Kekuatan kerja sepasukan adalah penting untuk merangka program PrOD



Refleksi tentang pengisian kursus PrOD dibuat oleh setiap peserta

BAB 4

PROGRAM-PROGRAM TAHUNAN



Aktiviti PrOD bagi kumpulan guru besar



Pensyarah menjadi fasilitator semasa sesi perbincangan



Guru besar bersama-sama Guru Penolong Kanan membuat perancangan PrOD untuk sekolah




Kolaborasi antara peserta PrOD menjadikan sesi latihan lebih bermakna

4.5.2 PROGRAM SIPARTNER

(SCHOOL IMPROVEMENT PARTNER - SIPartner) 2013

Tahun 2013, Institut Aminuddin Baki meneruskan usaha bagi membangunkan organisasi sekolah-sekolah yang berada dalam band 6 dan 7, intervensi pendekatan *Coaching* dan *Mentoring* Kepimpinan, CMK (*Leadership Coaching & Mentoring - LCM*) digunakan melalui program yang dinamakan sebagai *School Improvement Partners* atau *SIPartner (coach)*. Sejak ianya dimulakan pada tahun 2010, banyak peningkatan pencapaian prestasi sekolah dalam band 6 dan 7 berlaku sehingga membawa sekolah berkenaan keluar dari band 6 dan 7. *Coach* sebagai pembimbing terdiri daripada pensyarah-pensyarah IAB, Pengetua-pengetua Cemerlang dan juga pegawai-pegawai dari Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Gambar Rajah 1 menunjukkan kerangka kerja yang digunakan oleh *SIPartner* semasa melaksanakan program *SIPartner*.




Gambar Rajah 1

Seorang *coach* perlu memiliki beberapa kemahiran. Antaranya,

- Pendengaran aktif
- Temubual reflektif
- Penetapan matlamat
- Membina pelan tindakan
- Penetapan jangka masa
- Pemerhatian deskriptif
- Penilaian sendiri
- Maklum balas efektif

Marilah kita bekerja, beramal dan membangunkan negara dengan besar hati, wajah yang gembira dan muka berseri. Kita mulai usaha kita dengan sekadar tenaga yang kita miliki. Dan jangan berniat supaya beres dan selesai di tangan kita juga atau pada zaman kita juga (Hamka).

Ada dua orang yang paling gagal dalam hidup, orang yang tidak cekap membuat apa yang disuruh, Kebebasan bererti tanggungjawab, tanggungjawab bererti berusaha, bertindak serta berdikari dan kejayaan yang dicapai daripada usaha seseorang itu adalah tidak ternilai harganya (Tun Abdul Razak Hussin).



Gambar Rajah 2

Kemahiran-kemahiran ini amat diperlukan semasa mengendalikan sesi *coaching*. Satu lagi perkara yang dilakukan oleh seorang *coach* adalah memastikan setiap sesi temu bual konteks akan melalui beberapa peringkat. Ada empat peringkat sepanjang sesi perbualan antara seorang *coach* dengan *coachee*, Peringkat berkenaan adalah perbualan berkaitan dengan matlamat, realiti, pilihan dan menggulung (pelan tindakan dan merumus).

Matlamat utama program adalah untuk mengupayakan kepimpinan sekolah dan secara tidak langsung akan membawa sekolah keluar dari band 6 dan 7. Intervensi pendekatan yang digunakan juga merupakan salah satu cara untuk meningkatkan pembangunan profesionalisme pemimpin sekolah. Ia juga dikenali sebagai Pembangunan Profesionalisme Berdasarkan Tempat Kerja. Kaedah ini dipilih kerana pembangunan profesionalisme yang diperlukan dapat dilihat secara terus di tempat kerja atau sekolah sendiri.

Jadual 1 menunjukkan taburan sekolah yang terlibat dalam program SIPartner 2013. Program SIPartner adalah dikecuali untuk dua negeri, Kedah dan Sabah. Kedua-dua negeri ini akan terlibat dengan SIPartner+, satu inisiatif dalam Program Transformasi Pejabat Pelajaran Daerah. SIPartner+ merupakan pegawai lantikan khas yang akan berfungsi membantu pihak sekolah dalam membangunkan prestasi.

*Undang-undang
adab dan budi
pekerti membentuk
kemerdekaan
bekerja. Undang-
undang akal
membentuk
kemerdekaan
berfikir
(Hamka).*

Jadual 1: Peratus Sekolah Dalam Band 6 & 7 yang akan terlibat dalam Program SIPartner

	Bilangan Sekolah Seluruh Negara	Bilangan Sekolah Dalam Band 6 & 7	Peratus Sekolah Dalam Band 6 & 7
Sekolah Rendah	7,733	49	0.63
Sekolah Menengah	2,333	72	3.09
	10,066	121	1.20


Jadual 2 menunjukkan taburan sekolah Band 6 & 7 mengikut negeri.

Jadual 2: Taburan Sekolah Dalam Band 6 & 7


NEGERI	Terlibat Program SIPartner			
	SR	SM	SR	SM
Perak	16	14	16	14
Selangor	1	7	1	7
Pahang	10	3	10	3
Kelantan	7	8	7	8
Johor	3		3	
Melaka	1	1	1	1
Negeri Sembilan	1	2	1	2
Pulau Pinang	1	16	1	16
Sarawak	6	19	6	19
Perlis		1		1
Terengganu	2	1	2	1
WP Kuala Lumpur	1	-	1	-
WP Labuan	-	-	-	-
WP Putrajaya	-	-	-	-
Kedah	1	14		-
Sabah	35	40		-
	85	126	49	72

Gambar rajah 3a dan 3b pula menunjukkan peratus sekolah-sekolah yang telah keluar dan masih berada dalam band 6 dan 7 sepanjang program ini dilaksanakan antara tahun 2010 hingga 2012. Pendekatan CMK yang digunakan melalui bimbingan di tempat kerja telah banyak membantu mengupayakan pemimpin sekolah merancang penambahbaikan sekolah. Pendekatan CMK membawa pemimpin sekolah untuk melihat kembali atau membuat refleksi tentang perkara yang telah mereka lakukan selama ini dan membuat mereka berfikir kembali tentang impak semua perancangan yang telah dilaksanakan untuk mencapai kejayaan murid dan sekolah.

Rajah 3a: Sekolah Rendah



Rajah 3b: Sekolah Menengah



*Program
Pembangunan
Prestasi
Sekolah (School
Performance
Development
Programme
- SPeeD-uP)
pada 2011 untuk
pemimpin sekolah
bagi meningkatkan
prestasi sekolah
mereka ke aras
yang lebih tinggi
melalui kursus,
bimbingan dan
konsultasi yang
sistematik.*

4.5.3 PROGRAM PEMBANGUNAN PRESTASI SEKOLAH (SCHOOL PERFORMANCE DEVELOPMENT PROGRAMME – SPeeD-uP)

Mesyuarat Memperkasa Sekolah Kebangsaan Bil. 02/2011 bertarikh 29 April 2011 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri KPPM telah memutuskan supaya Guru Besar sekolah yang berada pada Band 5 diberi bimbingan dan latihan yang sesuai bagi meningkatkan prestasi sekolah. Latihan juga hendaklah diperluaskan kepada Guru Penolong Kanan sebagai pelapis atau mengambil alih tugas jika Guru Besar berkenaan bertukar atau bersara.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Institut Aminuddin Baki (IAB) telah melaksanakan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (*School Performance Development Programme - SPeeD-uP*) pada 2011 untuk pemimpin sekolah bagi meningkatkan prestasi sekolah mereka ke aras yang lebih tinggi melalui kursus, bimbingan dan konsultasi yang sistematik. Komponen program ini merangkumi kursus tentang pembangunan organisasi selama 20 jam dan khidmat nasihat konsultasi sebagai tindak ikut.

Objektif utama SPeeD-uP adalah untuk meningkatkan pencapaian sekolah dalam pelbagai bidang, menganjakkan sekolah ke ranking atau band yang lebih baik dan seterusnya menjadikan sekolah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Mulai 2013, SPeeD-uP telah diperluaskan ke sekolah menengah band 5 seiring dengan peluasan SIP NKRA yang meliputi band 5. Aktiviti SPeeD-uP dijalankan sepenuhnya di bawah peruntukan SIP. Pelaksanaan kursus SPeeD-uP SIP NKRA Band 5 2013 melibatkan 67 sekolah rendah dan 89 sekolah menengah di seluruh negara.

	Semenanjung	Sarawak	Sabah	Jumlah
SM	69	20	0	89
SK	10	29	28	67
Jumlah	79	49	28	156

Jadual 1: Bilangan sekolah yang terlibat dengan SPeeD-uP pada tahun 2013

Kursus TOT & SPeeD-uP Partner telah dijalankan pada bulan Julai 2013 yang melibatkan 52 orang Pensyarah IAB. Lawatan bimbingan yang pertama dijalankan mulai 8 Julai hingga 30 Ogos 2013 bagi membantu pemimpin sekolah memantapkan pelaksanaan intervensi peningkatan pencapaian sekolah.

Melalui maklum balas yang diterima, didapati SPeeD-uP dapat membantu pihak sekolah merancang program peningkatan prestasi sekolah dengan lebih sistematik dan berfokus. Input daripada kursus dan lawatan bimbingan membantu mereka mengenal pasti isu dan masalah sebenar berdasarkan fakta yang sedia ada. Kebanyakan pemimpin sekolah berpendapat program ini membantu memperkasakan kepimpinan sekolah berdasarkan sembilan komponen dalam Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) yang menjadi asas rujukan kepimpinan cemerlang di sekolah.

*...BOS KPM
berperanan dalam
memberi latihan,
bimbingan dan
khidmat nasihat,
mengumpul bahan,
mendokumentasikan
dan menganjurkan
sidang kemuncak
BOS KPM.*

4.5.4 BLUE OCEAN STRATEGY (BOS)

Mesyyarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (MPKPM) Bil. 33/2012 yang telah diadakan pada 22 November 2012 telah memberi mandat kepada IAB untuk menjadi urus setia BOS KPM yang berperanan dalam memberi latihan, bimbingan dan khidmat nasihat, mengumpul bahan, mendokumentasikan dan menganjurkan sidang kemuncak BOS KPM.

Pada tahun 2013, Jabatan Pengurusan Kluster Kecemerlangan (JPKK), Pusat Konsultasi dan Mentoring telah menjalankan beberapa aktiviti berkaitan dengan *Blue Ocean Strategy* (BOS) seperti kursus, bengkel, mesyuarat, taklimat dan konsultasi. Kesemua aktiviti ini dijalankan dengan matlamat dan objektif yang khusus berdasarkan kepada fungsi dan peranan jabatan ini.

Bagi melihat secara khusus aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Kluster Kecemerlangan, pelaporan ini dibahagikan kepada beberapa segmen iaitu kursus, bengkel, mesyuarat, konsultasi, taklimat serta pelaporan status inisiatif BOS KPM dalam MPKPM bulanan.

Dari bulan Januari hingga September 2013, sebanyak tujuh kursus *Blue Ocean Strategy* (BOS) Dalam Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan Fasa 1 dan Fasa 2 telah dijalankan. Kumpulan sasaran bagi kursus ini ialah pemimpin Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK). Di samping itu, sebanyak sebelas siri bengkel BOS telah dijalankan dari bulan Januari hingga bulan September 2013. Bengkel-bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian KPM dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Daripada keseluruhan bengkel tersebut, dua daripadanya ialah bengkel yang dijalankan dalam skala besar iaitu satu untuk pegawai-pegawai Bahagian KPM manakala satu lagi untuk pegawai-pegawai JPN seluruh negara.


Selain daripada kursus dan bengkel, JPKK juga telah menjalankan mesyuarat BOS bersama-sama pegawai-pegawai bahagian yang terlibat dalam melaksanakan inisiatif BOS di tempat masing-masing. Mesyuarat ini diadakan secara bersiri dan berfokus iaitu melibatkan bahagian-bahagian yang tertentu sahaja. Sebanyak sembilan mesyuarat BOS telah diadakan di IAB dan juga di KPM Putrajaya seperti di Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar Pendidikan dan Bahagian Pendidikan Guru. IAB juga telah menjalankan konsultasi BOS di beberapa buah Bahagian KPM seperti Bahagian Sukan, Bahagian Pendidikan Khas, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. Dalam sesi konsultasi, bimbingan secara khusus tentang BOS diberikan kepada pegawai-pegawai Bahagian yang terlibat.

IAB juga telah menerima jemputan untuk mengadakan taklimat tentang BOS kepada pegawai-pegawai Bahagian dan JPN. Antaranya ialah taklimat dalam Mesyuarat Pengurusan Sektor Operasi Pendidikan KPM. Selain daripada itu, IAB juga menerima jemputan untuk memberi taklimat kepada pegawai-pegawai NKEA (Pra Sekolah Swasta), JPN dan PPD negeri Selangor, Ketua-ketua Sektor Pendidikan Islam (SPI) JPN seluruh negara dan sebagainya.

Selaku urus setia BOS KPM, IAB telah melaporkan perkembangan inisiatif BOS Bahagian dalam Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia pada minggu keempat setiap bulan. IAB telah melaporkan segala usaha yang dilakukan bersama-sama dengan bahagian-bahagian yang melaksanakan inisiatif masing-masing mengikut acuan BOS.

Kemuncak kepada semua aktiviti BOS KPM bagi tahun ini ialah pelaksanaan Persidangan *Blue Ocean Strategy* KPM yang akan diadakan pada bulan November 2013. Dalam persidangan ini, semua inisiatif yang telah dibangunkan oleh Bahagian-bahagian, JPN, SBT dan SKK akan didokumenkan dan dipamerkan. Sebahagian daripada inisiatif akan dibentangkan dalam seminar tersebut sebagai pengisian dalam sesi perkongsian pengalaman amalan BOS di tempat masing-masing.

MASTER TRAINER




Pembangunan Master Trainer ialah program pentauliahan dan sijil profesional warga pendidik yang berketerampilan dalam bidang training dan coaching

4.6 PROGRAM MASTER TRAINER

Pengenalan

Program Master Trainer IAB diwujudkan berdasarkan mandat daripada Y.B. Menteri Pelajaran Malaysia (2008). Mandat itu menyatakan bahawa IAB, sebagai sebuah organisasi latihan perlu dibangunkan sebagai *Premier Centre* yang menjadi Badan Penganugerahan Sijil Kejurulatihan Profesional (*Certified Trainer dan Coach*) dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Pada tahun 2013, Program Master Trainer IAB terus dimantapkan bagi menyokong inisiatif-inisiatif PPPM 2013-2025 khususnya Anjakan ke lima iaitu Memastikan Kepimpinan Berprestasi Tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Dua inisiatif utama pembangunan Master Trainer IAB iaitu; pembangunan profesional serta pentaksiran dan pentauliahkan Master Trainer (MT) merupakan mekanisme kawalan kualiti yang menjadi agenda utama di IAB. Dalam usaha untuk memastikan *trainer* dan *coach* yang terlatih melaksanakan latihan untuk pemimpin pendidikan, pelbagai mesyuarat, bengkel dan perbincangan profesional dilaksanakan bagi memastikan kualiti program *Master Trainer* IAB terus dipertingkatkan. Pakar-pakar dalam bidang pembangunan sumber manusia dari luar dan dalam organisasi khususnya berkaitan dengan pembangunan Master Trainer dilibatkan sama dalam proses ini. Beberapa penambahbaikan berkaitan nama sijil, kaedah penilaian dan instrumen penilaian dibuat pada tahun 2013.


Semakan Kerangka Master Trainer



Hasil refleksi pelaksanaan pentauliah 2012 dan amalan pensijilan dalam industri latihan, kerangka MT diubahsuai sejajar dengan pasaran kerjaya *trainer-coach*. Perubahan dalam kerangka ini hanyalah melibatkan nama sijil dan penambahbaikan kepada kriteria pensijilan. Berikut adalah butiran yang telah ditambahbaik:

Nama Lama	Nama Baharu	Kumpulan Sasaran	Penambahbaikan Kriteria Pensijilan
<i>Certified Master Trainer (Trainer)</i>	<i>Certified Trainer</i>	Pensyarah IAB	Kompeten dalam lima domain pengendalian sesi latihan
<i>Certified Master Trainer (Specialist Trainer)</i>	<i>Certified Master Trainer</i>	Jurulatih Institusi Latihan Sektor Awam	Mereka bentuk dan melaksanakan kursus (minima 18 jam) dalam bidang kepakaran. Mereka bentuk dan melaksanakan <i>Modul Train the Trainer</i> (12 jam) Membuat penyelidikan/ penerbitan dalam bidang kepakaran.
<i>Certified Master Trainer (Coach)</i>	<i>Certified Coach</i>	Pensyarah IAB	Kompeten melaksanakan <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> kepada pemimpin sekolah.
<i>Certified Master Trainer (Specialist Coach)</i>	<i>Certified Master Coach</i>	- SIPartners - Pengetua - Guru Besar - Pegawai KPM/JPN/PPD	Terlibat aktif dalam aspek <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> secara langsung. Membangunkan model berkaitan <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> organisasi sekolah berasaskan pengalaman di lapangan. Menggubal modul <i>Train the Coach</i> (12 jam)

Kerangka Penilaian *Master Trainer*



Trainer yang kompeten mempunyai kemahiran dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian sesi latihan. Berdasarkan kerangka Penilaian *Master Trainer* IAB, lima domain yang penting perlu dilaksanakan dalam setiap sesi latihan yang berkualiti. Berikut adalah penerangan setiap domain:

Perancangan Penyampaian Sesi Latihan	Sejauh mana jurulatih mengenalpasti dan menyusun bahan latihan dan teknik penyampaian secara terperinci bersesuaian dengan objektif, kandungan, kaedah dan sasaran peserta sebelum kursus bermula
Pengurusan Sesi Latihan	Sejauh mana jurulatih berupaya merangsang pembelajaran dan menyesuaikan strategi dengan persekitaran fizikal
Strategi Penyampaian Berkesan	Sejauh mana jurulatih berupaya menggunakan pelbagai strategi penyampaian bagi menggabungkan teori dan amalan menepati objektif kursus dan konteks peserta
Kepakaran Penguasaan Isi Kandungan Tajuk Sesi Latihan	Sejauh mana jurulatih berupaya menguasai isi kandungan bidang kepakaran
Penilaian Pembelajaran	Sejauh mana jurulatih berupaya membuat penilaian terhadap sesi latihan

Pembangunan Instrumen Pentaksiran

Instrumen pentaksiran *Certified Trainer* merupakan satu alat pengukuran kompetensi pensyarah yang mengendalikan sesi latihan di IAB. Kompetensi pentaksiran *trainer* adalah berasaskan lima domain. Berikut adalah domain kompetensi trainer mengikut pemberatan:

1	2	3	4	5
Perancangan Penyampaian Sesi Latihan	Pengurusan Sesi Latihan	Strategi Penyampaian Berkesan	Kepakaran Penguasaan Isi Kandungan Sesi Latihan	Penilaian Pembelajaran
(10%)	(25%)	(20%)	(30%)	(15%)

Jadual 1: Pemberatan Kompetensi Trainer Mengikut Domain

Pembangunan Kapasiti Panel Pentaksir

Pada tahun 2013, seramai 30 orang panel dilantik dalam kalangan *Specialist Trainer (Master Trainer)* dan *Specialist Coach (Master Coach)* telah melalui proses amali pentaksiran dengan menggunakan Instrumen Pentaksiran *Certified Trainer*. Pembangunan kapasiti melibatkan keupayaan membuat pemerhatian dan mengumpul data semasa sesi latihan, membuat penilaian berasaskan rubrik, terlibat dalam perbincangan pasca pemerhatian dan menyediakan laporan pentaksiran.

Pembangunan Profesional *Master Trainer* IAB

Pembangunan Profesional *Master Trainer* IAB dilaksanakan melalui dua inisiatif utama iaitu individu dan organisasi.

Inisiatif individu merupakan usaha-usaha *trainer* dan *coach* sendiri untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi jurulatih profesional. Konsep pembelajaran sepanjang hayat melalui pembacaan, perbincangan dan perkongsian pengalaman sangat digalakkan.

Inisiatif organisasi adalah latihan pembangunan kejurulatihan terancang yang ditawarkan melalui IAB bagi meningkatkan kompetensi *trainer* dan *coach*. Peluang-peluang latihan adalah berfokuskan kepada pementapan kaedah melaksanakan latihan berkesan dan penguasaan bidang kepakaran. Sepanjang tahun 2013, IAB telah melaksanakan pelbagai program untuk Pensyarah Kanan, Pegawai Latihan dan staf IAB bagi meningkatkan kepakaran masing-masing. Program tersebut diklasifikasikan kepada dua iaitu; program profesional peringkat dalaman dan program profesional konsultan luar. Berikut adalah butiran program:

Program Profesional Peringkat Dalaman

Bil.	Program	Tujuan	Kandungan	Bil. Peserta
1.	Kursus Persediaan <i>Individual Development Trainer</i> (PIDT)	Persediaan kepada pensyarah untuk menjadi jurulatih yang bertaualiah	• <i>Mind Set Trainer</i> • Prinsip-prinsip Andragogi • Persembahan berkesan	61
2.	Bengkel Kejurulatihan Utama	Peningkatan kompetensi jurulatih	• Analisis Keperluan Latihan • Merekabentuk Latihan • <i>Instruksional Coaching</i>	29
3.	Bengkel TOT Pembangunan <i>Trainer</i>	Sesi melatih pensyarah untuk mengendalikan latihan berkaitan pembangunan Master Trainer	• Pengendalian sesi latihan <i>Mind Set Trainer</i> • Pengendalian sesi latihan Prinsip-prinsip Andragogi • Pengendalian sesi latihan Persembahan Berkesan	18
4.	Kursus Induksi Staf Baharu	3 bulan Kursus Induksi dan 3 bulan <i>internship (on the job training)</i> untuk menyediakan staf baharu dengan tempat kerja yang baharu.	• 9 Modul latihan • Program <i>understudy</i> • <i>Team teaching</i>	45
5.	Program Perkembangan Staf	Meningkatkan profesionalisme staf yang berkhidmat	• Pembinaan pasukan	146

Peluang-peluang latihan adalah berfokuskan kepada pemantapan kaedah melaksanakan latihan berkesan dan penguasaan bidang kepakaran.

Program Hari Profesional IAB adalah program untuk mendedahkan pensyarah IAB kepada maklumat terkini khususnya daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pakar-pakar dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Ia juga menggalakkan perkongsian profesional pensyarah IAB yang mengikuti kursus/seminar di luar IAB untuk menyebarkan maklumat. Berikut adalah perincian Hari Profesional IAB:

Bil.	Tajuk	Bahagian / Kementerian	Bil Peserta
1.	Pemantauan Nazir ke Sekolah dan Pengurusan Hal Ehwal Murid	Bahagian Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti	260
2.	Kepimpinan Instruksional	IAB Utara	230
3.	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia	Bahagian Pengurusan Projek Hala Tuju KPM	215
4.	Kenaikan Pangkat <i>Time Based</i>	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	250
5.	<i>Problem Based Learning</i>	IAB Utara	250
6.	Perkongsian Maklumat Program PRIme IAB dan Penggunaan <i>Internet For Research</i>	IAB Induk	250

Program Profesional Konsultan Luar

Program ini memberi peluang peningkatan kompetensi pensyarah IAB untuk menjadi *trainer* dan *coach*. Program ini dirancang khususnya supaya pensyarah IAB mendapat perspektif yang berbeza daripada konsultan luar yang pakar dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Pengisian program terdiri daripada siri bengkel dan kursus bagi mendedahkan pelbagai maklumat terkini berkaitan latihan dan *coaching*.

Bil.	Program	Konsultan	Bil. Peserta
1.	Bengkel <i>Trainer Development Skill</i>	Dale Carnegie : En. Rosli bin Hussein	25
2.	Bengkel Pengurusan Organisasi	Positif minds : En. Lazurin Malik bin Abd Latif	30
3.	Bengkel <i>English Pronunciation</i>	Proskills Trainer : En. Azmi bin Shahrin	25
4.	Bengkel <i>Decision Making and Problem Solving</i>	Soar Consultings : Prof. Emeritus Dato' Dr. Sheikh Omar b. Abdul Rahman	30
5.	Bengkel <i>Non Verbal Communication</i>	Universiti Putra Malaysia : Dr. Leow Chee Seng	25

Program Penyelidikan

Pembangunan penyelidikan merupakan usaha untuk memperkayakan tubuh ilmu dan membangunkan model watan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan.

Jenis Penyelidikan

- Keperluan
- Koperatif
- Watan
- Asas
- Keberkesanan Program

PROGRAM PENYELIDIKAN

Jumlah Penyelidikan :

5

4.7 PROGRAM PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Latar belakang

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) merupakan sub bidang Pusat Rujukan dalam Lanskap *Premier Centre* IAB yang dilancarkan 16 Januari 2012.

Tujuan:



Membangunkan ketrampilan penyelidikan dan pembangunan dalam kalangan pensyarah IAB merupakan suatu keperluan kerana penyelidikan adalah salah satu daripada fungsi IAB selain melaksanakan latihan, konsultasi, pentaksiran, pasukan pemikir dan penerbitan. Sehubungan itu, penyelidik perlu mempunyai kompetensi untuk menghasilkan sesuatu penyelidikan berkualiti. Aktiviti-aktiviti terancang dalam Program Lestari Penyelidikan dapat meningkatkan kompetensi pensyarah IAB dalam bidang penyelidikan. Hanya hasil penyelidikan yang berkualiti boleh diterima sebagai rujukan dalam Repositori Penyelidikan IAB. Ini secara tidak langsung dapat memartabatkan IAB sebagai pusat rujukan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.



Membangunkan ketrampilan penyelidikan dan pembangunan dalam kalangan pensyarah IAB merupakan suatu keperluan kerana penyelidikan adalah salah satu daripada fungsi IAB.

Kursus penyelidikan diwujudkan untuk memberi kemahiran kepada pensyarah dalam bidang penyelidikan kuantitatif, kualitatif dan aplikasi perisian penyelidikan.

Strategik Pelaksanaan

Melaksanakan Program Lestari Penyelidikan terdiri daripada 3 strategi utama iaitu:

- Meningkatkan kompetensi penyelidik melalui tenaga pakar dalaman,
- meningkatkan kualiti penyelidikan berdasarkan standard kualiti penyelidikan;
- menyebarkan hasil penyelidikan kepada pemimpin pendidikan.

Usaha untuk melaksanakan Program Lestari Penyelidikan ini dijayakan melalui lapan projek dalam pelan operasi iaitu: Program Lestari Penyelidikan Kursus Penyelidikan, Mentor-mentee, Seminar Mini, Buku Manual, JK Teknikal R&D, Galeri Penyelidikan, e-pantau, Repositori Dalam Talian



Kursus penyelidikan diwujudkan untuk memberi kemahiran kepada pensyarah dalam bidang penyelidikan kuantitatif, kualitatif dan aplikasi perisian penyelidikan. Sebanyak tiga siri kursus penyelidikan dijalankan setiap tahun. Kursus ini dibuka kepada semua pensyarah IAB untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran penyelidikan.

Aktiviti Mentor mentee bertujuan membimbing penyelidik novis. Bilangan pensyarah yang mempunyai ijazah kedoktoran semakin bertambah dan mereka telah dilantik menjadi mentor penyelidikan. Sistem mentor atau penyeliaan dibangunkan melalui penyenaraian kepakaran (*expert directory*) yang dapat disalurkan untuk membantu penyelidik. Aktiviti yang dilaksanakan adalah konsultasi bersemuka (antara mentor-mentee), konsultasi atas talian dan klinik penyelidikan (bimbingan mentor secara khusus tentang sesuatu aspek penyelidikan kepada pasukan penyelidik).

Seminar Mini Penyelidikan merupakan platform untuk penyelidik IAB membentangkan kertas cadangan penyelidikan bagi mendapatkan input ke arah penambahbaikan kertas cadangan berkenaan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan. Seminar Mini Penyelidikan diadakan sebanyak empat kali setahun iaitu sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pembangunan. Seminar ini boleh disertai oleh semua pensyarah IAB. Dua orang mentor yang dikenal pasti akan membimbing penyelidik tentang kertas cadangan yang dibentangkan.

Galeri penyelidikan adalah sudut informasi tentang segala perkara yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan.

Buku Manual Penyelidikan memberi garis panduan tentang proses pelaksanaan penyelidikan di IAB. Buku Manual Penyelidikan ini menyediakan maklumat seperti format kertas cadangan, dokumen borang berkaitan dengan penyelidikan IAB dan Standard Kualiti Penyelidikan.

Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (JKTPP) merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab mengawal selia kualiti penyelidikan di IAB. Peranan Jawatankuasa ini adalah untuk:

- Menilai penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarah IAB dari aspek kesesuaian, keperluan, kandungan dan implikasi kewangan organisasi.
- Menyemak, memberi cadangan dan kelulusan kepada Kertas Cadangan dan Laporan Kajian yang dikemukakan.
- Mengesyorkan kertas cadangan penyelidikan untuk kelulusan Lembaga Pengajian.
- Menilai laporan akhir penyelidikan yang dibentangkan oleh penyelidik.
- Mengesyorkan laporan akhir penyelidikan untuk diperakukan oleh Lembaga Pengajian IAB dan seterusnya diterbitkan.

JKTPP dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Khidmat Profesional dan Ketua Pusat PPICT sebagai Timbalan Pengerusi. Seramai 12 Pensyarah Kanan IAB yang pakar dalam penyelidikan dilantik sebagai ahli tetap.

Galeri penyelidikan adalah sudut informasi tentang segala perkara yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan. Dalam galeri ini diletakkan kertas cadangan dan laporan kajian yang telah diluluskan serta aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan yang akan, sedang dan telah berlangsung di IAB, KPM serta agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negara. Bahan-bahan ini boleh dijadikan sumber rujukan untuk penyelidikan IAB.

Repositori dalam talian merupakan pangkalan data mengandungi hasil penyelidikan untuk tujuan rujukan. Pengguna akan memberi penarafan terhadap abstrak penyelidikan yang dimuatkan dalam repositori ini. Repositori ini adalah sebahagian daripada Sub bidang Keberhasilan Utama Pengurusan Pengetahuan.

Pencapaian

Sepanjang tahun 2013 sebanyak dua kertas cadangan telah dilulus dan diangkat ke Lembaga Pengajian iaitu: .

Bil	Tajuk Kertas Cadangan Penyelidikan	Pengkaji (Pengurus Projek)	Jabatan/ Pusat
1.	Amalan Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan Lulusan Program NPQEL : Satu Kajian Impak	Dr Kamaruzzaman Moidunny Dr Jameela Bibi Abdullah	JPPEP / PKKP
2.	Leadership Practices Of Principals And Reculturing High Performing Schools As Professional Learning Communities	Dr. Balasandran A Ramiah Dr. Rusmini Ku Ahmad	IABU

*Lestari
Penyelidikan:
meningkatkan
bilangan
pembentangan
penyelidikan di
pelbagai peringkat*

Mesyyarat JKTPP juga telah meluluskan tiga laporan kajian untuk diangkat ke Mesyyarat Lembaga Pengajian telah meluluskan dua laporan kajian yang diangkat oleh JKTPP iaitu:

Bil	Tajuk Kertas Cadangan Penyelidikan	Pengkaji (Pengurus Projek)	Jabatan/ Pusat
1.	Aplikasi Input Latihan IAB dalam Pelaksanaan Dasar MBMMBI di Sekolah	Mat Zizi bin Ismail Tai Mei Kin	JBK/ PKKOM
2.	Hubungan Burnout dan Demografi Pemimpin Sekolah di Malaysia	Dr Akma bt Hj Abd. Hamid Dawi bin Ithnin Khalijah Ibrahim	JHEM&K

Penutup

Program Lestari Penyelidikan akan mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) *Premier Centre* (PC) IAB iaitu meningkatkan bilangan pensyarah yang kompeten dalam penyelidikan, meningkatkan bilangan pembentangan penyelidikan di pelbagai peringkat (organisasi, kebangsaan dan antarabangsa), meningkatkan bilangan penerbitan penyelidikan jurnal berwasit di pelbagai peringkat, meningkatkan model watan kepimpinan dan pengurusan pendidikan serta meningkatkan peratus penarafan terhadap abstrak penyelidikan dalam talian.

JARINGAN DAN KOLABORATIF

...IAB sebagai hub pendidikan pengarah dan kepimpinan pendidikan di peringkat kebangsaan, antarabangsa dan serantau.



*Lebih sedikit orang
menggunakan
akalnya, lebih
banyak pula ia
berkata-kata.
(Saidina Ali Abi
Talib).*

4.8 PROGRAM JARINGAN DAN KOLABORATIF

4.8.1 LAWATAN DAN SEMINAR KE LUAR NEGARA

Pada 23hb-26hb Jun 2013 dua orang pensyarah kanan IAB iaitu Dr. Sham bin Ibrahim dan Ashraf bin Ab. Rahman berpeluang menyertai *Moodlemoot Au Conference 2013* di Melbourne, Australia. Kertas Kerja berkaitan e-Pembelajaran bertajuk *The Usage Of Forum, Quizzes And Content (Video) In NPQH Course Online Using Open Source Moodle : Malaysian Perspective* telah dibentangkan dalam persidangan ini.

Pembentangan kertas kerja ini berlandaskan objektif:

- Berpeluang berkongsi, belajar, berkolaboratif dan membina jaringan dengan individu - individu lain dalam komuniti *Moodle*;
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penyediaan dan penghasilan bahan kursus dan modul e-Pembelajaran berasaskan Moodle untuk program - program latihan IAB; dan
- Menambahkan keyakinan dan motivasi untuk lebih kreatif dan inovatif dalam memantapkan kualiti dan keberkesanan pelaksanaan e-Pembelajaran IAB.



*Pembentangan Kertas Kerja dalam
Moodlemoot Au Conference 2013*



*Pembentang kertas kerja bersama-sama Martin Dougiamas
Lead Developer & Director of Moodle Pty Ltd*

...perkongsian
idea dan
pengalaman dapat
mengembangkan
rangkaian
kerjasama
pemimpin
pendidikan dari
kedua-dua negara.

4.8.2 LAPORAN PROGRAM - “BUILDING EDUCATIONAL BRIDGES: ANNUAL MALAYSIA-SINGAPORE SCHOOL LEADERS’ DIALOGUE (AMSSLD) 2013

Program *Annual Malaysia –Singapore School Leaders Dialogue* menyediakan satu medan untuk pemimpin-pemimpin pendidikan dari Malaysia dan Singapura menjalin persahabatan melalui perkongsian idea dan pengalaman sambil mengembangkan rangkaian kerjasama pemimpin pendidikan dari kedua-dua negara supaya dapat membantu meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Malaysia dan Singapura.

Kunjungan balas kedua untuk Program *Building Educational Bridges: Annual Malaysia –Singapore School Leaders’ Dialogue 2013* telah diadakan dari 4 hingga 8 hb Mach anjuran bersama *National Institute of Education (NIE)* dan Kementerian Pendidikan Singapura bertempat di *Nanyang Executive Centre, Nanyang Technological University, Singapura*.

Rombongan dari Malaysia untuk Program AMSSLD 2013 diketuai oleh bekas Timbalan Pengarah Khidmat Latihan Institut Aminuddin Baki, Dr. Jamil Bin Adimin bersama Ketua Pusat Pengurusan Pendidikan IAB, Encik Ahmad Mu’ti bin Ahmad serta dua Pensyarah Kanan IAB, Encik Gerald Kochappan dan Encik Zuhari Duhashim. Seramai 15 pemimpin pendidikan yang terdiri daripada pengetua dan guru besar sekolah menengah dan sekolah rendah di Malaysia telah menyertai dalam program AMSSLD 2013 ini.

Antara aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan dalam Program AMSSLD 2013 ini termasuk dua perkongsian ilmu melalui pembentangan mengenai bidang *Leadership Preparation dan Organizational Change* yang diadakan di *National Institute of Education (NIE)*. Lawatan Penandaranan ke 3 buah sekolah yang terpilih – *Rosyth Primary School, North Vista Primary School dan Raffle’s Institute, Singapura*. Lawatan Kerja ke *MoE Heritage Centre* dapat menerangkan peranan sejarah dalam menyemai semangat kecintaan terhadap negara diterapkan. Taklimat tentang sistem pendidikan terkini di Singapura oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Bahagian Sekolah) Ms Low Khah Gek dan taklimat mengenai pengurusan kepimpinan pendidikan oleh Professor Lee Sing Kong, Pengarah NIE Singapura.



Peserta & pegawai dari Institut Aminuddin Baki & National Institute of Education bersama Pengarah NIE, Singapura

BAB 4

PROGRAM-PROGRAM TAHUNAN

*Dada orang
berakal itu ialah
peti rahsianya.
(Saidina Ali Abi
Talib).*



Dr Jamil Bin Adimin, bekas Timbalan Pengarah Khidmat Latihan IAB memberi ucapan penghargaan.



Perwakilan dari Institut Aminuddin Baki bersama Timbalan Pengarah NIE, Singapura



Professor Lee Sing Kong, Pengarah NIE, Singapura memberi ucapan dalam Majlis Penutupan BEB-AMSSLD 20123

*Cita-cita dan niat
yang baik mesti
disertai dengan
usaha dan jalan
yang baik untuk
melaksanakannya.
(Pujangga)*

4.8.3 PROGRAM PENGANTARABANGSAAN

Program Pengantarabangsaan dan Penandaarasan Institut Aminuddin Baki kali ke IV telah berjaya dilaksanakan pada 15 hingga 24 April 2013. Rombongan lawatan ke Sepanyol telah diketuai oleh Dr. Zainab Binti Hussin (Timbalan Pengarah Professional) dan telah disertai oleh seramai 22 orang staf IAB.

Objektif



- memantapkan Jaringan & Kolaboratif, serta merealisasikan IAB sebagai 'Premier Center' dalam bidang latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan di peringkat antarabangsa.
- mendapat input tentang sistem pendidikan nasional dan swasta yang diamalkan di Sepanyol melalui lawatan ke sekolah di Madrid dan Toledo.
- menghasratkan program kerjasama penyelidikan hasil lawatan ke Fakulti Ilmu Pendidikan, Universiti of Granada.

3.8.4 PELAWAT DARI LUAR NEGARA

Pada masa yang sama, IAB telah menerima kunjungan daripada delegasi dari luar negara ke IAB Cawangan Utara. Rombongan tersebut disertai guru-guru, pensyarah dan pelajar univeristi dari Thailand, Indonesia dan China.

- Lawatan Kerja dari Universiti Qiqihar China pada 22 Mei 2013
- Lawatan Kerja dari Universiti Ahmad Dahlan(UAD) Yogyakarta Indonesia pada 22 Mei 2013
- Lawatan Guru-Guru dari Indonesia pada 3 Julai 2013
- Lawatan Penandaarasan oleh *Faculty of Education, Srinakharinwirot University*, Bangkok Thailand pada 3 Julai 2013



Pelawat dari China



Pelawat dari Indonesia



Pelawat dari Thailand

4.8.5 HARI BERTEMU PELANGGAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah menganjurkan Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) secara “turun padang” pada 14 - 16 Jun 2013 di Kota Kinabalu, Sabah. Beberapa aktiviti seperti khidmat nasihat, demonstrasi, pameran, klinik kaunseling dan jualan buku telah diadakan bagi memberi peluang kepada orang ramai berurusan dengan KPM secara terus dan terbuka. Program *Teach for Malaysia* (TFM) dan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) telah mewakili Institut Aminudin Baki untuk mengadakan pameran di HBP ini. Pengunjung seramai 150 orang telah mendapat maklumat tentang program TFM dan NPQEL.

Gambar Aktiviti



Bahan Pameran Teach for Malaysia (TFM)




Bahan Pameran Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)

**PENGURUSAN
PENGETAHUAN**

Usaha menjadikan IAB sebagai pusat repositori tubuh ilmu, amalan terbaik dan hasil penyelidikan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.

Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- INSYST V. 2
- e-Pembelajaran 13,354 pengguna

**Pengurusan Pengetahuan****Penerbitan**

- Bilangan Judul : 26
- Repositori : 232

...berteraskan kepada Pengurusan Pengetahuan iaitu Subbidang Keberhasilan Utama dalam Lanskap Premier Centre IAB memberi fokus kepada pelbagai aspek.

4.9 PROGRAM PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.9.1 PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI IAB

Kepelbagaian inovasi dalam pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) IAB menyokong pengoperasian *Lanskap Premier Centre*. Pembangunan ICT IAB berteraskan dua objektif utama iaitu:

- Penyampaian maklumat, pemilihan peserta, pengurusan kursus, pemantauan keberkesanan kursus dan penyampaian pembelajaran secara atas talian kepada peserta kursus yang menjadi pelanggan IAB.
- Peningkatan penggunaan ICT dalam budaya kerja IAB.

Pembangunan Sistem IAB 2013. Perancangan yang berteraskan kepada Pengurusan Pengetahuan iaitu Subbidang Keberhasilan Utama dalam *Lanskap Premier Centre* IAB memberi fokus kepada pelbagai aspek. Fokus utama perancangan pembangunan sistem adalah prasarana ICT, Sistem Aplikasi Bersepadu IAB (Insystv2), Portal dan Laman Web, Aplikasi Apps, e-Pembelajaran dan Instrumen Penilaian menyumbang kepada keutuhan IAB sebagai peneraju utama dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan di Malaysia.



Carta 1: Perancangan Pembangunan Sistem IAB 2013

Pembangunan ICT IAB bergantung secara langsung kepada pembangunan prasarananya. Pada tahun 2013 pembangunan prasarana ICT adalah seperti di bawah:

BUTIRAN	SUMBER KEWANGAN	STATUS
Peralatan ICT: Perolehan Peralatan ICT IAB Enstek	OS35000 RM 6.1 juta	Penyediaan spesifikasi dan kertas cadangan
Rangkaian: a. Pembelian router dan AP b. Perluasan liputan WIFI di Asrama Induk dan Eksekutif	Akaun Amanah RM23 000	Mendapatkan sebutharga Pemilihan lokasi strategik untuk pemasangan AP

*...IAB
membangunkan
aplikasi sistem
pengurusan sebagai
satu inovasi yang
memantapkan
pengurusan
operasinya
selaras dengan
Perancangan
Pembangunan
Sistem IAB 2013.*

Program Pembangunan ICT IAB

Peningkatan bilangan peserta kursus mendorong IAB membangunkan aplikasi sistem pengurusan sebagai satu inovasi yang memantapkan pengurusan operasinya selaras dengan Perancangan Pembangunan Sistem IAB 2013

Pembangunan Sistem IAB (INSYST)v2

Sistem Aplikasi Bersepadu IAB (INSYST)v2 merupakan satu penambahbaikan kepada sistem sebelumnya. Beberapa modul yang menggunakan *single sign on* telah dibangunkan dalam sistem ini.

1. Modul i-Dashboard dan Takwim
 - Modul ini membolehkan pihak pengurusan IAB memantau prestasi pelaksanaan program IAB mengikut tahun dan jenis program. Pemantauan juga dapat dilaksanakan berasaskan tagging KOMPAS, Premier Centre dan Negeri. Selain itu, i-Dashboard dan Takwim juga membolehkan pelanggan IAB melihat takwim beserta sinopsis program bagi tahun semasa.
 - Statistik jumlah pemimpin sekolah yang telah menghadiri kursus di IAB juga boleh diperoleh dalam sistem ini dengan mengklik pada nama negeri.
2. Modul i-Pendaftaran
 - Mendaftarkan semua program latihan anjuran IAB
 - Mengurus dan menentukan tarikh penawaran kursus, lokasi, bilangan peserta dan kumpulan sasaran yang akan memberi impak kepada i-Permohonan
 - Menentukan tagging KOMPAS dan *Premier Centre*
3. Modul i-Permohonan
 - Membolehkan permohonan program anjuran IAB dipohon secara dalam talian
 - Membolehkan pengurus kursus mengurus dan meluluskan penyertaan peserta program berdasarkan keperluan dan kekerapan kehadiran
 - Membolehkan pegawai latihan JPN memantau dan menentukan pemilihan peserta
4. Modul i-Penilaian
 - Membolehkan peserta kursus menilai keberkesanan pensyarah dan latihan yang dilaksanakan
 - Membolehkan pengurusan IAB memantau prestasi pensyarah
 - Membolehkan pengurusan IAB memantau keberkesanan kursus
5. Modul i-Pkew
 - Membolehkan pihak pengurusan IAB memantau prestasi kewangan IAB, termasuk Pusat/Zon/Cawangan
 - Membolehkan pihak pengurusan IAB memantau tuntutan perjalanan pensyarah
6. Modul i-Sijil
 - Membolehkan urusetia mengurus, membuat verifikasi dan mencetak sijil-sijil kehadiran peserta
7. Modul i-Profil
 - Membolehkan pensyarah dan peserta kursus mengemas kini profil
 - Data ini digunakan untuk modul i-Direktori
8. Modul i-Direktori
 - Membolehkan pencarian dan pemaparan direktori staf berdasarkan maklumat umum, bidang kepakaran dan *Master Trainer*

...portal ini turut menyediakan pautan kepada instrumen dalam talian seperti KOMET, KOMPAS, TAJMA, SSI dan INSTRAK.

9. Modul i-KOMPAS

- i-KOMPAS merupakan sistem yang dibangunkan untuk KOMPAS© atau Instrumen Kompetensi Pemimpin Sekolah yang terdapat dalam Sistem Bersepadu IAB (IAB INSYST) versi 2. Instrumen i-KOMPAS boleh dilengkapkan dengan melayari Insyst versi 2 pada URL <http://aplikasi.iab.edu.my/insystv2>

Pembangunan Portal dan Laman Web Rasmi IAB

Portal rasmi IAB dibangunkan mengikut Garis Panduan mengenai Struktur Tadbir Urus J/kuasa Laman Web/ Portal Kementerian Pendidikan Malaysia (Surat Pekeliling ICT Bil 1 Tahun 2008). Portal Rasmi IAB diakses pada URL <http://www.iab.edu.my>. Portal yang dibangunkan dengan aplikasi *Content Management System Joomla 2.5.6* ini mempunyai fitur keselamatan yang tinggi dan antara lain bercirikan *Web Personalization*, *W3C Disability Accessibility* dan *Database Oriented*. Portal ini menyediakan *Guest Book* dan akaun Laman Sosial serta laporan capaian pengunjung.



Rajah 1: Laman muka Portal Rasmi Institut Aminuddin Baki

Pengunjung portal boleh mengakses sistem dalam talian, instrumen dalam talian, portal dan web serta takwim 2013. Kesemua modul dalam sistem aplikasi InSystv2 boleh diakses dalam portal ini seperti i-Permohonan, i-Penilaian, dan i-ADU. Selain itu, portal ini turut menyediakan pautan kepada instrumen dalam talian seperti KOMET, KOMPAS, TAJMA, SSI dan INSTRAK. Portal dan Laman Web pula menawarkan pautan kepada portal e-Pembelajaran, laman web SP-Q dan repositori IAB.

Sehingga pertengahan Ogos 2013, portal rasmi IAB telah dikunjungi oleh seramai 8 118 705 orang pengunjung. Galeri gambar, audio dan video serta pautan kepada laman web dan portal kerajaan yang lain seperti HRMIS, MSC, ANM dan JPA terkandung dalam portal ini.



Rajah 2: Paparan pautan dalam Portal Rasmi Institut Aminuddin Baki

Laman web rasmi IAB Cawangan Utara dibangunkan sebagai saluran informasi organisasi kepada umum. Portal yang menggunakan Joomla 2.5 ini dalam proses penambahbaikan dan dimantapkan dengan menggunakan medium dan teknologi yang terkini.



Rajah 3: Laman muka Portal Rasmi Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

IAB Cawangan Utara turut membangunkan laman web rasmi untuk 3rd Regional Conference on Educational Leadership and Management (RCELAM) yang diadakan pada 19 - 21 November 2013 di IAB Genting Highlands.



Rajah 4: Laman Web RCELAM

*Penerbitan
video turut
dilaksanakan dalam
memantapkan
pembangunan ICT
IAB.*

Pembangunan Bahan Multimedia

Bahan multimedia giat dibangunkan selari dengan pembangunan ICT di IAB. Paparan TV Plasma di IAB memaparkan aktiviti bulanan dari bulan Januari sehingga bulan November. Sehubungan dengan itu, bahan klip video dihasilkan secara berasingan dan diintegrasikan bersama-sama paparan kursus bulanan. Antara klip video yang diterbitkan adalah *Shanghai Roundtable*, Bicara Tun, Komensmen NPQEL, Sambutan Hari Guru Peringkat IAB dan Seminar Nasional ke 13.

Penerbitan video turut dilaksanakan dalam memantapkan pembangunan ICT IAB. Video-video yang telah diterbitkan adalah seperti video untuk Seminar Nasional 1 Julai 2013, persaraan pensyarah IAB, montaj Kumpulan Inovasi dan Kreatif 2013, Amalan 5S, Pelancaran Repositori IAB dan Dokumentasi NPQEL. Rakaman video turut dijalankan seperti video Program PRIME.

Penggunaan Sistem IAB Apps

IAB menggunakan aplikasi atas talian dalam membudayakan penggunaan ICT. Penggunaan *Google Apps (Gmail, Calendar dan Google Drive)*. Dua domain digunakan untuk staf (@iab.edu.my) dan peserta kursus (@ilmu.iab.edu.my). Domain untuk peserta kursus digunakan secara menyeluruh, khususnya untuk peserta NPQEL berkomunikasi antara peserta atau pensyarah.

Perkhidmatan lain dalam Sistem IAB

• Sistem Permohonan Kursus NPQEL

Sistem ini dibangunkan untuk memenuhi keperluan permohonan Kursus NPQEL yang semakin meningkat selari dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk melatih pemimpin pendidikan.



Rajah 5: Laman Utama Sistem Permohonan Kursus NPQEL

• Perkhidmatan MySMS 15888

Perkhidmatan MySMS 15888 membolehkan pemohon membuat semakan penerimaan permohonan Kursus NPQEL. Sistem yang akan diintegrasikan dengan InSyst ini memberikan perkhidmatan keputusan permohonan NPQEL melalui SMS.



Rajah 6: Perkhidmatan MySMS 15888

Pembangunan Kompetensi Staf dalam Teknologi

Pembangunan kompetensi staf dalam teknologi menjadi fokus utama IAB dalam memastikan pembangunan ICT di IAB berterusan. Beberapa siri latihan dan seminar anjuran INTAN dan MAMPU telah dihadiri oleh staf teknologi pada tahun ini seperti seminar *Towards Effective Application & Managing Your Data* dan *Mobile Application Development*. Pusat Pengurusan Teknologi juga mengambil inisiatif perkembangan teknologi dalam menyediakan latihan teknologi seperti Java Programming dalam iOS dan Android OS.



Kursus Technology Updates

Pencapaian dan Impak

1. Impak Kepada Pelanggan

Modul-modul yang telah dibangunkan dalam Sistem Bersepadu InSyst telah digunakan secara meluas oleh para peserta kursus sama ada untuk memohon kursus, menilai kursus dan menilai kompetensi kepimpinan mereka. Tahap penggunaan yang tinggi menunjukkan pembangunan system InSyst mempunyai kesan positif dalam konteks penyampaian maklumat dan pengurusan kursus.

- Statistik Penggunaan i-Permohonan



Carta 2: Graf Penggunaan i-Permohonan

- Statistik Penggunaan i-Penilaian



Carta 3: Graf Penggunaan i-Penilaian

2. Impak Kepada Budaya Kerja Organisasi

Penggunaan aplikasi *Google Apps* dalam kalangan pensyarah telah meningkatkan budaya penggunaan ICT IAB. Penggunaan aplikasi ini adalah untuk proses komunikasi, menguruskan urusan kerja secara atas talian, pengurusan kerja tanpa menggunakan kertas dan boleh diakses dari mana-mana tempat. Selain itu, Pensyarah IAB turut menjalankan aktiviti secara kolaboratif dalam bentuk perkongsian maklumat dan perkongsian sumber. Tahap kepenggunaan ICT dan aktiviti kolaboratif yang tinggi dalam kalangan pensyarah IAB melalui penggunaan aplikasi *Google Apps* seperti dalam paparan di bawah.

*Kenal akan
keindahan
dan sanggup
menyatakan
keindahan itu
kepada orang lain
adalah bahagia.
(Hamka).*

Statistik Penggunaan e-mel



Carta 4 : Graf Jumlah Penggunaan e-Mel Bulan April – September 2013




Carta 5: Graf Jumlah Purata Penggunaan e-Mel Bulan April - September 2013

Statistik Penggunaan Kalender




Statistik Penggunaan Google Drive



Carta7: Graf Penggunaan Drive Bulan April - September 2013

Statistik Aktiviti Kolaboratif



Carta 8: Graf Laporan Aktiviti Kolaborasi Bulan April -September 2013

Rumusan

Perbincangan dan data yang telah dipaparkan menunjukkan bahawa pembangunan dan penggunaan ICT IAB telah memberi impak positif kepada kecekapan pengurusan pelanggan IAB yang terdiri daripada peserta kursus dan peningkatan penggunaan ICT dalam budaya kerja di IAB.

Pemantapan pembangunan Sistem InSyst diperkembangkan dengan InSystv2 dengan mengambil kira keperluan masa hadapan. Sistem InSystv2 mengintegrasikan data IAB dengan sistem-sistem yang digunakan oleh bahagian lain dalam KPM, khususnya BPPDP (EMIS), BPG (e-SPLG), BPSM (e-Pangkat) dan BTP (SPS).

Sebagai rumusan, pembangunan ICT IAB telah berjaya meningkatkan kecekapan penyampaian maklumat, pengurusan latihan dan penyampaian ilmu dalam budaya kerja harian IAB. Kesemua ini menyumbang kepada kecekapan pencapaian Pengurusan Pengetahuan yang merupakan Sub-bidang Keberhasilan Utama dalam *Lanskap Premier Centre* IAB.

...penerbitan dapat memperkayakan khazanah ilmu berkaitan pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

4.9.2 PENERBITAN

Penerbitan merupakan sebahagian daripada bidang utama dalam pengurusan dan pengetahuan yang merupakan salah satu subNKRA *Premier Centre* Institut Aminuddin Baki (IAB). IAB sebagai pusat pengurusan dan kepimpinan pendidikan telah menerbitkan pelbagai jenis bahan penerbitan.

Objektif

Penerbitan oleh IAB adalah untuk:

- I. Mengumpul dan menerbitkan segala bentuk bahan sumber maklumat berkaitan IAB dalam bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- II. Mengedar dan menyebarkan segala bentuk maklumat terpilih berkaitan kegiatan IAB kepada semua pihak yang memerlukan.
- III. Merancang, melaksana dan menilai segala bentuk aktiviti latihan berkaitan penggunaan bahan terbitan IAB secara lebih maksimum.

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa objektif penerbitan adalah untuk memperkayakan khazanah ilmu berkaitan pengurusan dan kepimpinan pendidikan dan buku-buku ini akan diedarkan kepada peserta yang datang berkursus di IAB.

Sasaran

Pensyarah Institut Aminuddin Baki, Pemimpin-pemimpin Sekolah, Pensyarah Institut Pendidikan Guru, Pegawai Kolej Matrikulasi dan Pegawai-pegawai KPM.

Pencapaian

Terdapat beberapa buku yang diterbitkan oleh Institut Aminuddin Baki yang mendapat anugerah penyertaan dari MAPIM dan antaranya adalah Buku Seleksi Prosiding. Bagi tahun 2013 ini, sebanyak 29 judul penerbitan telah dihasilkan. Antara buku-buku tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	JUDUL	JUMLAH CETAKAN
1	Program Latihan 2014	2000
2	Panduan Pengurusan Penerbitan & Penulisan IAB	1000
3	Islah Diri & Organisasi (Penulisan Kes Pengurusan 2012)	2000
4	Buletin 1/2013	10500
5	Buletin 2/2013	10500
6	Laporan Tahunan 2013	1000
7	Jurnal – Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan (Disember)	1000
8	Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Kepimpinan Pentaksiran Holistik Memacu Modal Insan Kreatif.	1000
9	Program Seminar Nasional	500
10	Swakarya Jun	1000
11	Swakarya Disember	1000

Sifat baik ialah tidak pernah putus-asa dan tidak pernah gentar (Marsekal Foch).

12	Buku Program Bulan Merdeka	500
13	Buku Program Galakan Membaca	500
14	Amalan Pembangunan Kecemerlangan Organisasi & Kepimpinan Instruksional di Sekolah (Seleksi Prosiding 2001-2010)	1000
15	Buku Program Komensmen 2013	500
16	Seleksi Prosiding 2001-2010	1000
17	Laporan Tahunan 2012	2000
18	Buku Program RCLEM	700
19	<i>Leadership for Educational Leader: An Intergrated Model</i>	1000
20	Minda Pengarah- koleksi teks ucapan	1000
21	Panduan Pendekatan <i>Blue Ocean Strategy</i> dalam Kepimpinan & Pengurusan Pendidikan.	2000
22	Amalan <i>Blue Ocean Strategy</i> dalam Kepimpinan & Pengurusan Pendidikan	2000
23	Prosiding Seminar Nasional Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan ke 19 (Pemimpin Untuk Pembelajaran)	1000
24	Jurnal-Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan (Dis)	1000

BIL.	MENGGUNAKAN PERBELANJAAN AKAUN AMANAH	JUMLAH CETAKAN
1.	PRoD (Pentaksiran)	2000
2.	Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah (PKKOM)	2000
3.	Pengurusan Pejabat dan Kes Tatatertib	1000
4.	Kajian Tindakan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan	1000
5	Jurnal-Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan (Jun)	1000

Rumusan

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa tujuan penerbitan adalah untuk memperkaya khazanah ilmu berkaitan pengurusan dan kepimpinan pendidikan dan dapat memberi maklumat yang bermanfaat kepada warga pendidik . Di samping itu, ianya juga akan membina dan membentuk satu organisai yang beretika ,berakhlak dan dinamik serta dapat bersaing dengan masyarakat maju lain.

*Kekayaan menarik
sahabat-sahabatmu,
kemiskinan menjadi
penolaknya
(Pujangga).*

Antara Terbitan IAB



4.9.3 REPOSITORI INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Pengenalan

Repositori Institut Aminuddin Baki telah dibangunkan pada 2012 dan telah dirasmikan pada bulan Julai 2013 oleh Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin. Fungsinya adalah sebagai repositori institusi bagi menyimpan, mengumpul dan menyebarkan hasil penerbitan kerja ilmiah institusi bagi tujuan perkongsian ilmu. Bahan-bahan yang dimuat naik adalah hasil penerbitan Institut Aminuddin Baki bertujuan untuk pendidikan sahaja. Repositori ini dikelaskan mengikut sistem LCC (*Library Congress Classification*).


Objektif

- Meningkatkan komunikasi ilmiah dengan lebih ekonomik
- Menyediakan platform dan menggalakkan akses terbuka
- Meningkatkan visibiliti dan prestij institusi
- Meningkatkan akses kepada penyelidikan
- Mengurus dan memelihara harta intelek institusi

Peranan

Institut Aminuddin Baki berusaha ke arah meningkatkan keupayaan perkhidmatan mengikut perkembangan dan persaingan persekitaran semasa. Berhubungan itu Institut Aminuddin Baki perlu merancang, mengenalpasti dan menyediakan skop koleksi, standard yang akan diguna pakai bagi kandungan digital, kepakaran, platform dan perisian repositori serta lain-lain aspek pengurusan yang berkaitan agar penubuhan repositori ini dapat dilaksanakan seperti yang dijadualkan.

Jawatankuasa Repositori Institut Aminuddin Baki



Impak / Pencapaian

Sepanjang tahun 2013 sejumlah 232 bahan repositori dalam bidang *Educational & Leadership Managment* telah dimuatnaik & telah dikunjungi oleh pelawat maya seramai 1791 orang. Repositori IAB boleh diakses melalui URL: <http://www.iab.moe.gov.my/eprints>.

Kesimpulan

Matlamat perkongsian maklumat secara global dan pengumpulan harta intelek Institut Aminuddin Baki dapat dilaksanakan dengan mudah dan berkesan dengan adanya repositori. Kejayaan penubuhan repositori dan peningkatan visibiliti akan dapat direalisasikan lebih lagi dengan adanya penglibatan, komitmen, kerjasama dan sokongan padu daripada semua pihak. Dengan adanya repositori digital, segala maklumat dan dokumen ini akan dapat dicapai dengan mudah dan cepat. Di samping itu ianya dapat terus berfungsi sebagai sumber ilmu dan rujukan yang unggul di peringkat nasional dan antarabangsa.

4.9.4 PEMBANGUNAN PORTAL E-PEMBELAJARAN DI IAB

Portal e-Pembelajaran IAB diakses melalui URL <http://epembelajaran.iab.edu.my>. Pembangunan portal e-Pembelajaran IAB menggunakan perisian sumber terbuka *Moodle 3.0* berjaya meningkatkan kualiti dan keperluan program latihan IAB. Peningkatan pengguna berdaftar pada tahun ini sebanyak 1915 orang menjadikan jumlah keseluruhan pengguna portal e-Pembelajaran adalah seramai 13354 orang. Pengunjung portal yang tidak berdaftar masih boleh melayari portal ini dengan mendaftar masuk sebagai pengunjung (*log in as guest*).



Rajah 1: Paparan Portal e-Pembelajaran IAB

Keperluan latihan IAB dioptimumkan melalui kepelbagaian latihan pembangunan bahan e-Pembelajaran untuk pensyarah di bawah peruntukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Peruntukan berjumlah RM 56,7606.80 melibatkan 14 bengkel kerja dilaksanakan untuk meningkatkan tahap kompetensi pensyarah melalui *Training Of Trainers* pembangunan modul e-Pembelajaran, *Lecture Maker*, *Raptivity* dan aplikasi *Moodle 3.0*.



Gambar: Sekitar Bengkel Pembangunan Modul e-Pembelajaran

Keperluan latihan IAB dioptimumkan melalui kepelbagaian latihan pembangunan bahan e-Pembelajaran untuk pensyarah

Pembangunan Manual Pengguna berkaitan e-Pembelajaran turut dilaksanakan untuk penambahbaikan latihan yang dijalankan seperti di bawah:

a. Pembangunan Manual Pengguna e-Pembelajaran NPQEL 2013



Rajah 2: Halaman Manual Pengguna e-Pembelajaran NPQEL 2013

b. Pembangunan Manual Pengguna Secara Dalam Talian iaitu:

- Manual Pengguna berasaskan *Raptivity*
- Manual Pengguna berasaskan *Lecture Maker*
- Manual Pengguna *Google Apps* 2013
- Manual Pengguna Mylib



Rajah 3: Paparan Panduan Pengguna Google Apps dan Mylib dalam Portal e-Pembelajaran

Pencapaian dan Impak

1 Impak Kepada Pelanggan


Penggunaan portal e-Pembelajaran sebagai salah satu wadah dalam mengikuti program latihan di IAB telah membolehkan jumlah peserta yang lebih ramai mengikuti latihan. Program Kelayakan Profesional Keperolehan Kebangsaan (NPQEL) sebagai contoh memfokuskan e-Pembelajaran dalam fasa e-Pembelajarannya. Seramai 1,006 orang peserta kursus telah diberikan konsultasi e-Pembelajaran secara berjadual dan selebihnya diberikan secara berkala mengikut keperluan dari masa ke semasa. Kepelbagaian modul direkabentuk dalam program ini melalui e-Pembelajaran. Statistik pengguna portal e-Pembelajaran yang tinggi memaparkan kesungguhan IAB dalam menyebarkan penggunaan portal ini selari dengan usahanya dalam memperkasakan e-Pembelajaran IAB. Selain itu, beberapa siri bengkel dan latihan kepada para pensyarah di bawah peruntukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia turut membantu meningkatkan kemahiran teknologi pensyarah, khususnya, dalam pembangunan modul e-Pembelajaran.

Statistik Penggunaan Portal e-Pembelajaran IAB



Carta 1: Statistik Pengguna e-Pembelajaran Sehingga September 2013

Statistik Latihan e-Pembelajaran kepada Pensyarah



Carta 2: Statistik Latihan Pensyarah dalam Bengkel Pembangunan Modul e-Pembelajaran Sehingga September 2013

*Statistik
pengguna portal
e-Pembelajaran
yang tinggi
memaparkan
kesungguhan
IAB dalam
menyebarkan
penggunaan portal
ini selari dengan
usahanya dalam
memperkasa
e-Pembelajaran
IAB.*

2. Impak Kepada Budaya Kerja Organisasi
Kompetensi para pensyarah dalam membangunkan modul e-Pembelajaran tidak dapat dinafikan. Kepelbagaian modul telah dibangunkan oleh para pensyarah dalam Kursus Jangka Panjang IAB seperti dalam NPQEL. Seramai 209 orang pensyarah telah mengikuti bengkel dan latihan yang dijalankan untuk meningkatkan tahap kompetensi pensyarah dalam e-Pembelajaran. Tahap kemahiran pensyarah menggunakan *software* seperti *Raptivity* dan *Lecture Maker* juga semakin meningkat apabila mereka mampu menghasilkan bahan yang berkualiti dalam siri bengkel dan latihan yang dijalankan. Selain itu, peningkatan kompetensi para pensyarah dalam e-Pembelajaran khususnya Moodle Moot 3.0 ini dilaksanakan melalui kursus Training of Trainers (TOT) yang diadakan pada sepanjang tahun dalam Kursus Asas Teknologi dan Kursus Pemantapan Teknologi. Seramai 123 orang pensyarah mengikuti TOT yang antara lain mendedahkan kemahiran pembangunan bahan seperti *Photoscape*, *Pinnacle Studio*, *Moodle Quiz*, *Camtasia 8* di samping Pengurusan Blog dalam Organisasi dan *Microsoft Excell*.

Rumusan

e-Pembelajaran IAB merupakan satu kaedah penyampaian latihan yang membolehkan peserta kursus dan pensyarah mendapat pendedahan yang begitu bermakna dalam era teknologi terkini. Pendedahan menghadiri seminar dan pembentangan kertas kerja peringkat antarabangsa merupakan satu kapasiti kepada pensyarah untuk terus memperkasa e-Pembelajaran. e-Pembelajaran kini semakin maju ke hadapan dan akan mengorak langkah seterusnya dalam memastikan pemantapan modul-modul e-Pembelajaran dalam program latihan IAB agar setanding pada peringkat dalaman mahupun antarabangsa.

Agama tidak melarang sesuatu perbuatan
kalau perbuatan itu tidak merosak jiwa.
Agama tidak menyuruh, kalau suruhan
tidak membawa selamat dan bahagia jiwa.
(Hamka).



Program Khas

BAB 5

Program Teach For Malaysia

Program i-Think

virtual learning environment (VLE)
dan 1Bestari Net

Program Penataran



5.1 PROGRAM *TEACH FOR MALAYSIA*

Latar belakang

Program *Teach For Malaysia* (TFM) merupakan salah satu inisiatif dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dan seterusnya melonjakkan profesionalisme keguruan bagi membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Program TFM adalah rangkaian *Teach For All* berdasarkan kejayaan *Teach For America* yang diasaskan pada tahun 1988. Pada 04 Ogos 2010, Mesyuarat Pengurusan KPM bersetuju supaya Program TFM dilaksanakan untuk menarik para graduan cemerlang daripada universiti dalam dan luar negara untuk berkhidmat sebagai guru. Institut Aminuddin Baki (IAB) diberi mandat sebagai pelaksana di peringkat KPM dengan kerjasama Yayasan *Teach For Malaysia* (YTFM) untuk merancang, melaksana dan menyelaras hal-hal berkaitan pembangunan dan pengurusan program ini. Program TFM telah memasuki pelaksanaan tahun ketiga dengan pengambilan 72 *Fellows* TFM lagi yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah berkeperluan tinggi terpilih bermula Januari 2014.

Sasaran

Graduan cemerlang pelbagai bidang daripada universiti dalam dan luar negara.

Objektif

- 1) Untuk meningkatkan kualiti pengajaran guru dan seterusnya melonjakkan profesionalisme keguruan bagi membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia.
- 2) Untuk memastikan suatu hari nanti, kanak-kanak di Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan yang terbaik.
(*One day, all children in Malaysia will have the opportunity to attain an excellent education*)

Pencapaian dan Impak

Pada permulaan sesi persekolahan tahun 2012, seramai 50 *Fellows* TFM telah ditempatkan di 17 sekolah dan menjelang akhir tahun kedua perkhidmatan, seramai 45 *Fellows* TFM kekal dalam program ini. Bagi tahun pelaksanaan 2013, seramai 54 *Fellows* TFM telah ditempatkan di 26 sekolah dan pada akhir tahun pertama, seramai 49 *Fellows* TFM kekal dalam program ini. Bagi tahun pelaksanaan 2014, seramai 72 *Fellows* TFM telah terpilih untuk menyertai Program TFM sebagai *Fellows* dan akan di tempatkan di sekolah-sekolah penempatan bermula Januari 2014.

Dari aspek pencapaian, didapati murid-murid yang berada dalam kelas *Fellows* TFM menunjukkan prestasi kehadiran dan peningkatan pencapaian pembelajaran yang memberangsangkan. Kajian impak sedang dilaksanakan oleh *Taskforce* IAB berkaitan pencapaian *Fellows* TFM kohort 2012, dan sekarang dalam peringkat pengumpulan data di sekolah-sekolah penempatan mereka. Dapatan kajian impak akan dapat ditentukan pada akhir Disember 2013.

Rumusan

Program TFM untuk tahun pertama (2012) dan tahun kedua (2013) telah dapat dilaksanakan dengan jayanya atas sokongan semua pihak di KPM. Pada tahun 2014, Program TFM diteruskan dengan penempatan 72 *Fellows* TFM di 43 sekolah berkeperluan tinggi di tujuh negeri, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Pahang.

*TFM...
meningkatkan
kualiti pengajaran
guru dan
seterusnya
melonjakkan
profesionalisme
keguruan bagi
membangun dan
merekalkan modal
insan bertaraf
dunia.*

...keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

5.2 PROGRAM *i-THINK* DI BAWAH INISIATIF KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Latar belakang

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mendefinisikan kemahiran berfikir aras tinggi atau ringkasnya KBAT sebagai keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Pembudayaan kemahiran berfikir ini adalah selaras dengan hasrat untuk melahirkan murid yang mampu bersaing pada peringkat global berasaskan kepada enam ciri utama yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: 2013 – 2025.

KBAT telah bermula semenjak pelaksanaan Kemahiran Berfikir secara Kreatif dan Kritis (KBKK) yang banyak memberi penekanan terhadap kemahiran berfikir secara keseluruhan. Apa yang difokuskan ketika ini dalam pelaksanaan kurikulum ialah keupayaan untuk mencipta, menilai, menganalisis dan mengaplikasi semasa membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. KBAT dilihat sebagai proses kitaran yang bermula dari pemikiran aras rendah ke pemikiran aras tinggi.

Dapatan pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA menunjukkan pencapaian murid Malaysia berada pada tahap satu pertiga di bawah daripada bilangan negara yang mengambil bahagian. Dalam ujian TIMSS pada tahun 2007, Malaysia berada pada kedudukan 26 daripada 56 negara yang mengambil bahagian dalam subjek Matematik manakala untuk subjek Sains, Malaysia berada pada kedudukan ke 28. Dalam Ujian PISA pula, kedudukan Malaysia adalah pada tangga ke 57 daripada 74 negara yang mengambil bahagian dalam subjek Matematik manakala untuk Sains, Malaysia berada pada kedudukan ke 52. Rumusan dalam kedua-dua ujian antarabangsa ini menunjukkan bahawa murid yang dihasilkan daripada sistem pendidikan di Malaysia adalah mereka yang berpengetahuan tetapi tidak dapat mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam dunia globalisasi. Dapatan kajian oleh UNESCO pada tahun 2011 menunjukkan bahawa guru mengajar untuk peperiksaan dan kemahiran berfikir aras tinggi (*Higher Order Thinking Skills*) dalam kalangan guru dan murid di Malaysia adalah amat rendah.

Bagi menangani masalah yang dihadapi, KPM telah bekerjasama dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) untuk memperkenalkan program *i-THINK* yang telah dirintis di 10 buah sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia dan dilaksanakan mulai tahun 2012. Pada masa yang sama, pasukan pemandu sekolah yang diketuai oleh pengetua dan guru besar dari 500 buah sekolah peluasan telah melaksanakan program ini yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid dengan harapan dapat menghasilkan murid yang berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif melalui transformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan. Dalam program *i-THINK* ini sebanyak 8 peta pemikiran telah diperkenalkan sebagai alat pemikiran bagi menjana kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pemikiran murid. Program ini juga menggunakan pendekatan *whole school approach* yang mendedahkan latihan kepada pentadbir, guru dan murid dalam mengajar dan belajar berfikir. Di samping itu juga, guru dan murid mempunyai bahasa pemikiran dan alat berfikir yang sama.

Namun, hasil pemantauan oleh pegawai JNJK terhadap pelaksanaan program *i-THINK* di sekolah-sekolah peluasan pada tahun 2013 menunjukkan berlakunya kekeliruan dan kecelaruan dalam kalangan murid, guru dan

BAB 5

PROGRAM KHAS

*program i-THINK
dilihat mampu
meningkatkan
kemahiran berfikir
aras tinggi murid
dan keupayaan
untuk bekerja
secara individu dan
berkumpulan serta
memupuk interaksi
dengan individu
dari semua latar
belakang.*

pemimpin sekolah. Pada masa yang sama, kemahiran berfikir juga kurang diterapkan oleh guru kepada muridnya semasa pengajaran guru dalam kelas. Ini memungkinan hasrat yang ingin dicapai dalam transformasi pendidikan akan terjejas jika masih timbul kekeliruan dan kekeliruan dalam proses untuk membudayakan kemahiran berfikir di sekolah-sekolah di Malaysia.

IAB mengambil inisiatif bagi merungkaikan kekeliruan dan kekeliruan berkaitan pelaksanaan program i-THINK dan pada masa yang sama, memastikan pelaksanaan KBAT dalam i-THINK dapat diterapkan dalam kalangan murid dan guru secara lebih intensif. Modus operandi dan penerangan yang jelas kepada pegawai-pegawai JPN dan PPD adalah amat penting di samping memastikan ilmu pemantauan diterapkan yang akan memastikan keberkesanan dan kelancaran pelaksanaan KBAT di sekolah. Pendekatan yang akan digunakan adalah dengan mengadakan Bimbingan Penyeliaan dan lawatan konsultasi ke sekolah-sekolah terpilih.

Program i-THINK dilihat sebagai satu program bagi menyahut dan menyambut Anjakan kelima Transformasi Sistem dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 dengan cara melaksanakan pakej kerjaya baharu bagi pengetua dan guru besar mulai 2013 dengan menyediakan lebih sokongan, fleksibiliti pengoperasian bagi menambah baik sekolah, kurikulum dan kokurikulum, serta lebih akauntabiliti terhadap meningkatkan keberhasilan murid.

Bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian transformasi sistem pendidikan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, program i-THINK dilihat mampu meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid dan keupayaan untuk bekerja secara individu dan berkumpulan serta memupuk interaksi dengan individu dari semua latar belakang.



Status Pelaksanaan

Bagi memastikan pensyarah-pensyarah IAB bersedia dan kompeten dalam memberi kursus i-THINK kepada pemimpin-pemimpin sekolah, modul kepimpinan kepada ketua pasukan pemandu sekolah telah dirangka. *Training-Of-Trainer* (TOT) dan *dry run* turut dilaksanakan bagi memastikan kefahaman dan kelancaran penyampaian bahan-bahan tersebut.

Seramai 500 orang pengetua dan guru besar telah dilatih oleh IAB menggunakan modul kepimpinan i-THINK pada bulan November 2012. Latihan dijalankan sejajar dengan kursus pasukan pemandu sekolah peluasan i-THINK yang juga melibatkan 3 orang guru dari setiap sekolah peluasan. Pelaksanaan Program ini telah bermula pada bulan Januari 2013 dan seramai 500 pemimpin sekolah lagi dijangka akan dilatih pada bulan November 2013.

Kursus kepada Ketua Pasukan Pemandu Sekolah akan meliputi pengenalan kepada Konsep i-THINK dan Kepentingannya, Peranan Pemimpin dalam membudayakan Kemahiran Berfikir di sekolah, Mengurus Perubahan, Kepimpinan dalam melakukan perancangan dan Pemantauan. Slot selama 11 jam ini dikendalikan oleh Pensyarah IAB. Ketua Pasukan Pemandu Sekolah kemudiannya akan memimpin dan melatih Pasukan Pemandu Sekolah. Pasukan ini seterusnya akan melatih guru-guru lain di sekolah masing-masing.


Di samping itu juga, pendedahan kepada alat-alat pemikiran seperti *Thinking Maps*, *Habits of Minds*, *De Bono 6 Thinking Hats* dan lain-lain juga akan membuka peluang kepada pensyarah-pensyarah IAB membentuk kepakaran dan memperaktikkan penggunaan alat-alat pemikiran tersebut di dalam sesi penyampaian kuliah mereka dan menerapkan budaya berfikir dalam kalangan peserta dan pensyarah.



Lawatan kerja ke beberapa buah sekolah di United Kingdom yang telah diakreditasi sebagai *Thinking School* telah diadakan pada 10–18 November 2012 bertujuan untuk melihat perkembangan pelaksanaan program ini. Lawatan ini diwakili oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia (yang terdiri daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, dua orang pensyarah kanan IAB dan seorang pegawai Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti) serta dua orang pegawai dari AIM. Sesi lawatan turut melibatkan perbincangan dan pengubalan Garis Panduan Instrumen Pemantauan Kawalan Kualiti antara wakil KPM, AIM, *Kestrel Education* dan Universiti Exeter, United Kingdom.




IAB juga telah dipertanggungjawab untuk melatih seramai 172 pegawai meja JPN dan PPD dalam penggunaan Garis Panduan Instrumen Pemantauan i-THINK. Garis panduan ini akan diguna oleh pegawai PPD dan JPN untuk memantau pelaksanaan program ini.



Impak

Mengikut kajian yang dijalankan oleh *Kestrel Education* dari United Kingdom, impak program ini hanya boleh dilihat selepas tiga tahun pelaksanaannya. Oleh kerana program ini baru memasuki tahun pertama pelaksanaannya di sekolah-sekolah peluasan, penggunaan alat pemikiran dalam pengajaran dan pembelajaran guru serta penglibatan dan pencapaian murid melalui program ini masih belum menampakkan kesannya secara keseluruhan. Namun begitu, melalui program ini adalah menjadi hasrat dan aspirasi KPM untuk memastikan bahawa pembangunan murid yang kreatif, kritis dan inovatif dapat dihasilkan.



IAB juga mengambil inisiatif bagi merungkaikan kekeliruan dan kecelaruan berkaitan pelaksanaan program i-THINK dan pada masa yang sama, memastikan pelaksanaan KBAT dalam i-THINK dapat diterapkan dalam kalangan murid dan guru secara lebih intensif. Modus operandi dan penerangan yang jelas kepada pegawai-pegawai JPN dan PPD adalah amat penting di samping memastikan ilmu pemantauan diterapkan yang akan memastikan keberkesanan dan kelancaran pelaksanaan KBAT di sekolah. Pendekatan yang akan digunakan adalah dengan mengadakan Bimbingan Penyeliaan dan lawatan konsultasi ke sekolah-sekolah terpilih.

Jadual Waktu Pelaksanaan Bimbingan Penyeliaan Dan Konsultasi

MASA HARI	8.30- 10.30	11.00-1.00	2.30-4.30
HARI PERTAMA (BIMBINGAN PENYELIAAN)	i. Input JNJK tentang pemantauan dan borang pemantauan (oleh pensyarah IAB) ii. Perkongsian maklumat daripada pegawai PPD dan JPN iii. Pelaksanaan isu dan Amalan Terbaik iv. Sesi soal jawab	i. Input daripada Lembaga Peperiksaan – soalan-soalan KBAT ii. Sesi soal jawab	i. Garis Panduan pelaksanaan pemantauan ii. Kemahiran Menyoal iii. Pencerapan dan maklumbalas melalui Sesi video iv. Refleksi v. Pendekatan Konsultasi
HARI KEDUA KONSULTASI	i. Taklimat i-THINK: modus operandi dan kenalpasti kelas yang akan dicerap ii. Walk around Observation iii. Sesi Perbincangan berkaitan Impak pencerapan dan pemerhatian iv. Refleksi dan maklumbalas daripada konsultasi (mengikut fleksibiliti masa waktu pencerapan dan pemerhatian)		
HARI KETIGA KONSULTASI	i. Taklimat i-THINK: modus operandi dan kenalpasti kelas yang akan dicerap ii. Walk around Observation iii. Sesi Perbincangan berkaitan Impak pencerapan dan pemerhatian iv. Refleksi dan maklumbalas daripada konsultasi (mengikut fleksibiliti masa waktu pencerapan dan pemerhatian)		

BAB 5

PROGRAM KHAS

Zon-Zon Terlibat

i. Zon Utara:

Negeri	Bilangan Pegawai PPD (mewakili daerah masing-masing)	Bilangan Pegawai JPN
Perlis	-	1
Kedah	8	1
Pulau Pinang	5	1
Perak	10	1
JUMLAH	23	4

ii. Zon Timur:

Negeri	Bilangan Pegawai PPD (mewakili daerah masing-masing)	Bilangan Pegawai JPN
Pahang	11	1
Kelantan	10	1
Terengganu	7	1
JUMLAH	28	3

iii. Zon Tengah:

Negeri	Bilangan Pegawai PPD (mewakili daerah masing-masing)	Bilangan Pegawai JPN
Selangor	10	1
Negeri Sembilan	6	1
W. Persekutuan	4	1
JUMLAH	20	3

iv. Zon Selatan:

Negeri	Bilangan Pegawai PPD (mewakili daerah masing-masing)	Bilangan Pegawai JPN
Melaka	3	1
Johor	10	1
JUMLAH	13	2

v. Zon Sabah:

Negeri	Bilangan Pegawai PPD (mewakili daerah masing-masing)	Bilangan Pegawai JPN
Sabah	27	1
Labuan	1	1
JUMLAH	28	2

vi. Zon Sarawak:

Negeri	Bilangan Pegawai PPD (mewakili daerah masing-masing)	Bilangan Pegawai JPN
Sarawak	30	1
JUMLAH	30	1

Rumusan

Dengan penglibatan pensyarah-pensyarah IAB sebagai jurulatih kebangsaan i-THINK, ia dapat membantu membangunkan kompetensi pengurusan pengetua/guru besar berdasarkan keperluan program ini. Hasil ini diharap dapat membudayakan kemahiran berfikir di sekolah, memantapkan pengajaran dan pembelajaran guru dan mempertingkatkan pembangunan murid menjadi lebih kreatif, kritis dan inovatif. Ini selaras dengan hasrat dan aspirasi KPM untuk menambah baik sekolah, kurikulum dan kokurikulum serta lebih akauntabiliti terhadap meningkatkan keberhasilan murid seperti yang terkandung dalam Anjakan Kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Program i-THINK ini akan dapat membangunkan kompetensi pengurusan Guru Besar/Pengetua ke arah mempertingkatkan pembangunan murid yang kreatif, kritis dan inovatif serta membudayakan kemahiran berfikir di sekolah.

Anggaplah dunia sebagai sebuah tempat yang penuh dengan beraneka perkara menarik yang menunggu anda untuk meneroka dan mempelajarinya (Pujangga).

5.3 VIRTUAL LEARNING ENVIRONMENT (VLE) DAN PROJEK 1BestariNet

Pengenalan

Projek 1BestariNet merupakan satu evolusi daripada rangkaian *Schoolnet* yang tamat pada 31 Disember 2010. Projek ini mula beroperasi pada 2013 melibatkan 10,000 buah sekolah seluruh negara. 1BestariNet memberi fokus kepada *end to end solution* dengan komponen utama adalah capaian internet berkelajuan tinggi dan perkhidmatan pembelajaran maya / *virtual learning environment* (VLE) untuk warga sekolah.

Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Bil. 1/2011 memutuskan semua Bahagian KPM perlu menyediakan pelan tindakan bagi menyokong pelaksanaan projek tersebut mengikut fungsi masing-masing. IAB berfungsi melatih pemimpin sekolah telah merangka pelan tindakan sebagaimana berikut:



Bagi menjayakan pelaksanaan Projek 1BestariNet secara menyeluruh, IAB mengambil peranan melatih pemimpin sekolah bagi memastikan penggunaan VLE secara optimum.


Objektif Kursus:

Pada akhir kursus, peserta diharapkan dapat :

- a Memahami konsep dan perkembangan pembelajaran maya.
- b Memahami gambaran (*overview*) dan fungsi pembelajaran maya.
- c Menguasai kemahiran asas penggunaan teknologi pembelajaran maya.
- d Memahami pengurusan pelaksanaan pembelajaran maya.

Pencapaian

Pada tahun 2013, IAB dapat melatih kira-kira 1680 orang pengetua dan guru besar mengenai Pengurusan Pembelajaran Maya yang berfokus kepada Frog VLE. Kursus itu diisi dengan sesi penerangan, perbengkelan, hands on dan pembentangan mengenai pelan tindakan pelaksanaan Frog VLE di sekolah.



Penutup

VLE Projek 1BestariNet merupakan agenda KPM selaras dengan anjakan ke tujuh dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. IAB telah memainkan peranan untuk menyokong projek ini melalui beberapa program termasuk melatih pemimpin pendidikan berkaitan pembelajaran maya agar dapat direalisasikan di peringkat organisasi masing-masing.

*Kalau kita
memerintah
kekayaan, kita
menjadi kaya
dan bebas,
kalau kekayaan
memerintah, kita
jadi miskin
(Edmund Burke).*

5.4 PROGRAM PENATARAN

5.4.1 SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-20 TAHUN 2013

“Masyarakat yang membaca ialah masyarakat yang berjaya. Maknanya jika kita tidak membaca kita tidak akan menjadi masyarakat yang rofess. Budaya membaca sangat kurang dalam kalangan pelajar. Malah pensyarah pun tidak membaca, rofessor pun tidak membaca, bagaimana masyarakat akan membaca?”. Petikan Ucaptama Dr. Chandra Muzaffar dalam Seminar Nasional ke-20 yang diadakan pada 1 hingga 4 Julai 2013.

Seminar Nasional Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan Ke-20 Tahun 2013 telah diadakan pada 1 hingga 4 Julai 2013. Peserta seminar berjumlah 470 orang terdiri daripada pengetua, guru besar, pegawai-pegawai pendidikan dari daerah dan negeri seluruh Malaysia. Tema Seminar Nasional ke-20 ialah Hari Ini Adalah Masa Depan: Kepimpinan Dinamik Mengurus Cabaran. Tema ini dipilih bersesuaian dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk tempoh 2013-2025. Untuk melaksanakan transformasi pendidikan terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi. Cabaran datang daripada dalam seperti kekurangan sumber dan kelemahan sikap. Cabaran luar seperti globalisasi, ledakan teknologi maklumat dan pengaruh budaya asing mencabar anak-anak, generasi masa depan. Untuk menghadapi cabaran tersebut kepimpinan dinamik, fleksibel kepada perubahan, mudah menyesuaikan diri dan bertindak terhadap persekitaran dengan cara terbaik untuk memastikan kecemerlangan organisasi yang berterusan amatlah diperlukan.

Matlamat

Matlamat seminar adalah untuk berkongsi maklumat, menyebarkan dapatan kajian terbaru dan membina jaringan hubungan dengan para penyelidik dan pemimpin dalam bidang pendidikan.

Objektif

1. Memberikan ilmu dan kemahiran baru kepada para pemimpin supaya kompetensi dan ketrampilan mereka dapat dipertingkatkan.
2. Membantu IAB meningkatkan peranan dan imej sebagai institusi penyebar utama maklumat dalam bidang kepimpinan pendidikan yang utama di Malaysia.
3. Memberikan input kepada para peserta yang terdiri daripada pemimpin sekolah dan pemimpin pendidikan.
4. Mewujudkan hubungan baik antara para pembentang kertas kerja, peserta seminar dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

Pengisian Seminar

SN ke-20 diisi dengan pelbagai acara menarik. Antaranya ialah Ucaptama, Sesi selari, pembentangan khas, pembentangan perkongsian amalan terbaik sekolah dan pameran. Ucaptama 1 telah disampaikan oleh Dr. Chandra Muzaffar dari *Just International*, Malaysia dan Ucaptama 2 oleh Profesor Dr. Lee Sing Kong. Pembentangan Khas disampaikan oleh Profesor Dr. Alma Harris dan Dr. Michelle Jones dari Universiti Malaya dan Profesor David Reynolds dari Universiti Southampton, United Kingdom. Semua pembentangan menyentuh aspek kepimpinan sekolah dan kepimpinan yang sesuai dalam menghadapi cabaran masa depan.

Sesi Perkongsian Pengalaman disampaikan oleh tujuh orang terdiri daripada pengetua dan guru besar dan pensyarah IAB yang membentangkan pengalaman mengendalikan Program *SIPartner*. Mereka ialah Abd Razak Alias, Ketua Jabatan, Coaching & Mentoring, IAB; Yew Kok Leh, Pengetua, SMK Jalan Mengkibol, Kluang, Johor; Hj. Shahrudin Basri Bin Ibrahim, Pengetua, SMK Seri Lalang, Kluang, Johor; Hj. Ismail B. Ibrahim, SM Sains Kubang Pasu, Jitra, Kedah; Hj. Bibi Sakinah Binti Haron Khan, SK Muzaffar Shah, Kota Tinggi, Johor; Lau Swee Mun, SMJK Sam Tet, Ipoh, Perak, Hj. Muhammad Amir bin YM Shariff, Pengetua SMK Panchor, Negeri Sembilan dan Meskam Bin Masbor, SMK Permata Jaya, Batu Pahat, Johor.

Terdapat tiga sesi pembentangan selari iaitu di Dewan Kuliah K144, Bilik Kuliah L415 dan di Auditorium Datuk Razali. Terdapat 14 kertas kerja yang dibentangkan. Berikut ialah tajuk-tajuk kertas yang dibentangkan dalam sesi selari:

Kertas Kerja	Tajuk	Pembentang
1	Pengaruh Kecerdasan Emosi Pemimpin Terhadap Pengurusan Perubahan di Sekolah	En. Izani bin Ibrahim
2	Sikap Terhadap Perubahan dalam Kalangan Pengetua Sekolah Menengah Negeri Pahang.	Dr. Jamelaa Bibi binti Abdullah
3	Model E-Kepimpinan, Komunikasi Kumpulan dan Kepuasan Kerja dalam Kalangan Pemimpin Sekolah di Malaysia.	Dr. Mohd Yusri bin Ibrahim
4	Konsep 'Berfikir di Luar Kotak' dan Kesan Terhadap Pengurusan dan Kepimpinan Inovatif dalam Kalangan Pengetua Sekolah di Malaysia.	En. Hamidon bin Abd Rahman
5	Complex System Leadership: The Significance of Complex System Leadership Activities on Leadership Effectiveness in Educational Institutions.	Pn. Madline Jayan
6	Pendekatan BOS dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan di Malaysia.	Pn. Hj. Wan Azmiza binti Wan Mohamed
7	Hubungan Antara Kepimpinan Transformasi Guru Besar Dengan Kepuasan Kerja Guru di Sekolah Kebangsaan Kurang Murid Gemilang Tujuh Segamat, Johor.	En. Mohd Rizal bin Atan
8	Hubungan Burnout dengan Demografi Pemimpin Sekolah di Malaysia	Dr. Akma binti Abd Hamid
9	Budaya Awal Pagi Membentuk Kemenjadian Murid SMK Putrajaya Presint 11(1)	Puan Sri Hj. Halimah binti Abdul Majid & Pn. Chuah Beng Ean
10	Amalan Pengurusan Strategik dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah Kebangsaan.	En. Nazeri bin Mohd
11	Aktiviti Kepimpinan Pengetua di Asia Tenggara	Dr. Azlin Norhaini bt Mansor
12	Kepimpinan Berkesan dalam Kalangan Pengetua di Sekolah Adalah Penentu Pendidikan Abad ke 21.	Pn. Zaipah binti Ismail
13	Gaya Kepimpinan Pengetua dalam Menjayakan Penyediaan Pendidikan Abad ke-21.	Pn. Nor Hasimah binti Hashim
14	Pendekatan Terkini Kepimpinan Karismatik dalam Pengurusan Sekolah.	Pn. Rahmah binti Yusof

Pada seminar tersebut diadakan juga pameran yang melibatkan lapan pusat yang terdapat di IAB. Tujuan pameran adalah untuk mempromosikan aktiviti, kursus dan program yang diadakan di IAB dan memberikan input seperti maklumat dan informasi terkini kepada para peserta seminar. Dalam acara perasmian, Menteri Pendidikan Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin telah merasmikan Majlis perasmian dan melancarkan Repositori IAB. Acara pada hari Seminar juga diselitkan dengan persembahan *Choral Speaking* oleh SMK Teriang Hilir, Negeri Sembilan, sebuah sekolah di bawah *Program Teach for Malaysia*.

Impak Program

Sesi penilaian telah diadakan dan melibatkan semua peserta yang hadir ke seminar. Didapati sebahagian besar peserta menyatakan seminar yang diadakan amat memuaskan dalam pelbagai aspek. Kebanyakan peserta juga berpuas hati dengan kesemua aspek pembentangan bagi ketiga-tiga ucaptama, kesemua Pembentangan Khas serta Perkongsian Pengalaman.

Bagi Sesi Pembentangan Selari, majoriti peserta adalah daripada sekolah yang terdiri daripada pengetua, guru besar dan guru penolong. Kebanyakan kertas kerja yang dibentangkan adalah pada kekerapan tahap memuaskan. Walau bagaimanapun Kertas kerja Model E-Kepimpinan, Komunikasi Kumpulan dan Budaya Awal Pagi ke arah Kemenjadian Murid secara amnya menunjukkan kekerapan tahap amat memuaskan dan sangat menepati kehendak peserta. Secara umumnya, pendedahan dan perkongsian ilmu yang terkini dan berbentuk abad ke 21 yang membincangkan skop yang baharu amat relevan dengan kehendak peserta. Antara cadangan penambahbaikan dari peserta ialah isu penyediaan makanan, kualiti dan kuantiti makanan serta cara pembahagian makanan.



Sebahagian daripada peserta yang hadir



Sebahagian peserta sedang mengikuti sesi pembentangan kertas kerja



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan merupakan tetamu kehormat Seminar Nasional ke-20



Timbalan Perdana Menteri sedang menandatangani buku pelawat



Persembahan Coral speaking oleh SMK Teriang Hilir Negeri Sembilan



Sebahagian daripada pembentang kertas kerja dan urus setia seminar

Usaha dan inisiatif IAB ke arah merealisasikan Premier Centre seterusnya menjayakan dasar kerajaan dalam PPPM 2013 hingga 2025.

5.4.2 KOLOKIUUM PENGURUSAN SEKOLAH TERINTANG KALI KE 4 TAHUN 2013

Latar Belakang

IAB sebagai pusat latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan Latihan melibatkan semua pengurus dan pemimpin pendidikan merentasi sempadan geografi, etnik, kaum, bangsa, budaya dan lokasi Konsep Terintang perlu diperluas, difahami dan dihayati oleh warga KPM Usaha dan inisiatif IAB ke arah merealisasikan *Premier Centre* seterusnya menjayakan dasar kerajaan dalam PPPM 2013 hingga 2025

Objektif

- 1 Mendedahkan dapatan-dapatan yang boleh dikongsi bersama-sama dalam kalangan pengurus dan pemimpin pendidikan
- 2 Memberi peluang berkongsi pengalaman dan idea tentang kejayaan dalam mengurus dan memimpin organisasi, dan
- 3 Memperoleh maklumat bagi merancang strategi dan penambahbaikan dalam proses mencipta kejayaan yang lebih cemerlang

Sasaran

- 1 100 orang peserta terdiri daripada pengurus dan pemimpin pendidikan dalam kalangan warga KPM dari pelbagai peringkat.

Pelaksanaan

Tarikh: 07 hingga 10 Oktober 2013
Tempat: Auditorium Dato' Razali Ismail,
Institut Aminuddin Baki

Tema

Kepimpinan Sekolah Terintang, 'Mendefinisi Semula Kecemerlangan'

Kertas Ucaptama

- 1 Dr. Yusof b Mohd. Nor,
Institut Aminuddin Baki
TAJUK: Pengurusan Sekolah Terintang: Kecemerlangan Secara Kontekstual'
- 2 Prof. Dr. Ramle b. Mustapha bersama Pn. Norwaliza bt Abdul Wahab
Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim
TAJUK: Hala Tuju Sekolah Terintang 'Cemerlang'.

Kehadiran

1 Guru Besar	39
2 Bahagian KPM	07
3 Pegawai JPN / PPD	15
4 IPG	01
5 Lain-lain	

JUMLAH 62

*Kalau besar
yang dituntut
dan mulia yang
dicari, maka payah
melaluinya, panjang
jalannya
dan banyak
rintangannya
(imam Al Ghazali).*

Perasmian:

1 Pembukaan

Y. Bhg. En. Mazlan bin Shamsuddin, Timbalan Pengarah Latihan Institut Aminuddin Baki, mewakili YH Dato' Pengarah IAB, telah merasmikan kolokium. Antara kandungan ucapan perasmian ialah:

2 Penutup

Tn. Hj. Mustafa Kamal bin Osman, Ketua Jabatan Pendidikan Asas dan Komuniti, mewakili Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan IAB, melakukan perasmian penutup. Berikut anatara kandungan ucapan perasmian penutup.

Senarai Pembentangan, Tajuk dan Penilaian

- 1 Dr. Yusof bin Mohd. Nor,
Institut Aminuddin Baki,
Tajuk: Pengurusan Sekolah Terintang Secara Kontekstual
- 2 Prof. Dr. Ramlee bin Mustapha,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tajuk: Hala Tuju Sekolah Terintang 'Cemerlang'
- 3 En. Abdul Khalid bin Bujang,
Guru Besar,
SK. Penderas, Kuala Krau, Temerloh,
Tajuk: 'Memburu Impian'
- 4 Pn. Rosnah binti Yaacob,
Guru Besar,
SK. Kg. Kudong, Segamat
Tajuk: 'Apa Ada Pada Kudong'
- 5 Pn. Rokiyah binti Buyong bersama En. Muhammad. Faizal binti Che Nat,
Pensyarah IPG Temenggong Ibrahim,
Tajuk: Meningkatkan Kemahiran Mengecam Konsonan J,K,L,P,Q,V,X,Y
- 6 En. Abdul Rahman bin Ahmad,
Guru Besar,
SK. Sungai Judah
Tajuk: Transformasi Pendidikan Murid Orang Asli Sungai Judah, (Kebitaraan ICT).
- 7 En. Aslian b Pios,
Guru Besar, Gombak 1
Tajuk: Masalah Ketidakhadiran Murid Orang Asli ke Kegiatan Kokurikulum di sebuah Sekolah di Petaling Jaya, Faktor dan Cadangan Penyelesaian.
- 8 En. Akit Huat,
Guru Besar,
SK. Tasik Chini, Bera
Tajuk: Kecemerlangan SK. Tasik Chini: Satu Transformasi.
- 9 En. Mohd. Fu'ad bin Yusoff,
Guru Besar,
SK. Kg. Layau, Kota Tinggi
Tajuk: Dahulu dan Kini: SK. Kg. Layau Mencipta Perubahan Menuju Kecemerlangan Secara Holistik.

*Kalau sekali
seorang bijak
melakukan
kekeliruan, di
belakangnya
terdapat
ramai orang
bodoh yang
mengulangi
kekeliruan itu
(Beng Cu).*

- 10 Pn. Yaw Surianie Asang,
Guru Besar,
SK. Koporingan, Tuaran
Tajuk: Impak 5

Cadangan Penambahbaikan

- 1 Masa yang diberikan kepada pembentang perlu ditambah bagi mendapat pemahaman yang optima dalam kalangan peserta.
- 2 Mohon pihak pengurusan dan urusetia menyediakan bahan, sinopsis setiap pembentangan. Bahan pembentangan perlu diperbanyak untuk diberi kepada peserta memandangkan kesukaran kemudahan untuk *download*.
- 3 Perlu kepada pnambahbaikan aspek pendidikan digital di sekolah-sekolah terintang.
- 4 Menu makanan perlu ditingkatkan dan pekerja wanita di dewan makan memakai penutup kepala semasa menyedia dan menghidang makanan.
- 5 Perlu tindakan susulan terutama dari segi resolusi.
- 6 Tetapkan pegawai meja di JPN dan PPD dijemput hadir setiap kali kolokium.
- 7 Libatkan PK pentadbiran dalam kolokium ini.

Resolusi

Resolusi Kolokium Pengurusan Sekolah Terintang 2013

1. Wajar disediakan peruntukan khusus bagi sekolah murid Orang Asli untuk menjalankan program-program tertentu.
2. Guru Besar sekolah harian yang ada murid Orang Asli perlu dijemput menghadiri kolokium seperti ini supaya mereka mendapat pengetahuan dan kemahiran untuk mengurus murid-murid Orang Asli di sekolah mereka.
3. Perlu dihantar guru opsyen mata pelajaran bertugas di sekolah Orang Asli.
4. Usaha wajar dijalankan bagi menempatkan guru di sekolah pedalaman secara suami isteri. Mereka juga hendaklah diberi insentif seperti peluang melanjutkan pelajaran hingga peringkat sarjana dan doktor falsafah dengan dibenarkan membuat kajian di tempat bertugas.
5. Kebenaran penggunaan wang lebihan makanan asrama di sekolah Orang Asli tidak wajar dihadkan kerana banyak program yang hendak dilakukan di sekolah berkenaan.
6. Perlu dipastikan bahawa projek yang tersekat seperti *solar hybrid* dan bekalan air bersih diteruskan mengikut perancangan.
7. Pastikan tuntutan elaun perjalanan Guru Besar sekolah Orang Asli atas tugas rasmi dibayar mengikut pekeliling yang sedang berkuat kuasa.
8. Pihak berwajib perlu mengkaji semula pemberian Gred DGA 32 kepada Guru Besar sekolah Orang Asli kerana kurang relevan dengan cabaran dan tanggungjawab yang mereka hadapi dan laksanakan.
9. Institusi yang melatih guru seperti universiti dan IPGM hendaklah memastikan bakal guru diberi persediaan mental dan fizikal yang secukupnya sebelum mereka ditempatkan untuk berkhidmat di sekolah pedalaman.
10. Anak Orang Asli yang berbakat dalam bidang sukan wajar diberi peluang memajukan bakat masing-masing dengan menempatkan mereka ke sekolah-sekolah sukan.
11. Kelayakan bagi pengambilan calon-calon guru melibatkan calon Orang Asli dilonggarkan bagi menambahkan bilangan guru daripada kalangan mereka.

Melalui perkongsian ini diharapkan sebagai titik tolak kepada kecemerlangan kepada pengurus dan pemimpin sekolah terintang bagi menggalas dan menyahut cabaran dalam usaha meningkatkan prestasi murid dan sekolah.

12. Bilangan guru wanita perlu ditambah di sekolah Orang Asli bagi menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh murid-murid.
13. Perlu diperbanyakkan kajian tindakan di sekolah-sekolah Orang Asli.
14. Perlu dilunaskan segala pembayaran berkaitan elaun KEDAP.
15. Kemudahan infrastruktur di sekolah-sekolah terintang perlu ditingkatkan.
16. Semua guru yang bertugas di kawasan pedalaman perlu diberi insuran secara percuma.
17. Kurikulum persekolahan perlu mengikut lokasi bagi membina warisan dan budaya berdasarkan lokaliti.
18. Bagi jawatan Guru Penolong Kanan Hakiki yang belum diisi, hendaklah diisi segera bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan sekolah.
19. Wujudkan kelas-kelas prasekolah di kampung-kampung yang tiada institusi pendidikan.
20. Elaun Guru Besar sekolah pedalaman perlu dinaikkan selaras dengan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh mereka.
21. Perlu diwujudkan sekolah menengah khas berasrama khusus bagi masyarakat Orang Asli.

Penghargaan

Bagi pihak urus setia kolokium, ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YH Hormat Dato' Pengarah dan Timbalan Pengarah Institut Aminuddin Baki, Pengarah-pengarah Bahagian KPM, Pengarah IPG, Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri, Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah, Semua para pembentang, Pensyarah-pensyarah IPG, Pensyarah-pensyarah IAB, Guru-guru Besar, Staf sokongan IAB dan individu yang sama-sama menjayakan kolokium pada tahun ini.

Penutup

Secara umum kolokium ini telah berjaya mencapai objektifnya di mana para peserta dapat berkongsi, belajar dan menjadikan pengalaman ini sebagai pencetus idea dalam menerajui sekolah masing-masing. Melalui perkongsian ini diharapkan sebagai titik tolak kepada kecemerlangan kepada pengurus dan pemimpin sekolah terintang bagi menggalas dan menyahut cabaran dalam usaha meningkatkan prestasi murid dan sekolah untuk bersaing dengan sekolah harian biasa. Melalui usaha dan kerjasama semua pihak merupakan proses ke arah menjayakan hasrat KPM yang terkandung dalam PPPM 2013 – 2015.

*Kolokium Kajian
Tindakan:
Penyelidik
Berinovatif Nadi
Kecemerlangan
Pengurusan.*

5.4.3 KOLOKIU KAJIAN TINDAKAN KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN 2013

Pengenalan

Kolokium Kajian Tindakan adalah aktiviti dwitahunan Institut Aminuddin Baki (IAB) yang merupakan kesinambungan daripada kursus kajian tindakan anjuran Pusat Penyelidikan dan Penilaian ICT Kolokium yang bertemakan Penyelidik Berinovatif Nadi Kecemerlangan Pengurusan diadakan pada 17 – 19 September 2013. Seramai 157 orang pengetua dan guru besar, pegawai daripada KPM, JPN dan PPD telah menyertai kolokium itu.

Objektif

- i. Untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan baharu dalam pelaksanaan KajianTindakan;
- ii. Berkongsi idea, pengetahuan, pengalaman dan maklumat tentang pelbagai aspek dalam kajian tindakan; dan
- iii. Mengenalpasti isu-isu pelaksanaan kajian tindakan di sekolah.

Pengisian Kolokium

- i. Majlis perasamian kolokium disempurnakan oleh YBr. Timbalan Pengarah Khidmat Profesional, IAB.
- ii. Pembentangan dua kertas kerja utama disampaikan oleh:
 - a. Prof. Datuk Dr. T. Subahan Mohd. Meerah dari Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk “Pembudayaan Penyelidikan Tindakan”.
 - b. Prof. Dr. Mohd. Majid Konting dari Sektor Pengajian Tinggi, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi, bertajuk “Kajian Tindakan: Pembangunan Kepimpinan Pembelajaran dan Pengajaran Institusi Pengajian Tinggi Malaysia”.
- iii. Pembentangan tiga kertas kerja mengenai pelaksanaan Kajian Tindakan di sekolah sepertimana berikut:
 - a. En. Rahman bin Puteh, Guru Besar, SK Kepong, Kuala Terengganu bertajuk “Pemberian Markah Penilaian Prestasi Melalui Kaedah 2M-A1 Konsep dan Aplikasi”.
 - b. Tn. Hj. Samsuddin bin Said, Pengetua, SMK Sultan Abdul Samad, Banting bertajuk “Mengubah Lanskap Budaya Pengurusan Bilik Darjah Secara Holistik”.
 - c. Pn. Sapura dan En. Charles dari SMK Putrajaya Presint 9 mewakili Yang Hormat Datin Raja Norlia binti Raja Omar (Pengetua) bertajuk “Penyampaian Maklumat Guru Ganti Menggunakan Click n Go”.
- iv. Perbengkelan oleh peserta mengenai masalah pelaksanaan kajian tindakan, punca dan cara-cara penyelesaian. Peserta telah dibahagikan kepada lima kumpulan untuk berbincang dan membuat rumusan. Setiap kumpulan dibimbing oleh seorang fasilitator yang terdiri daripada pensyarah IAB. Sepanjang bengkel ini berlangsung, dua orang pemantau dilantik (pengamal kajian tindakan di sekolah) untuk mengenal pasti isu/ masalah yang dihadapi dan cara-cara sesuai untuk penyelesaian.
- v. Membentangkan refleksi hasil bengkel oleh dua orang pemantau yang dilantik;
- vi. Membentangkan satu inovasi yang dilaksanakan oleh IAB iaitu e-pembelajaran bertujuan untuk menggalakkan peserta kursus kajian tindakan yang dianjurkan oleh IAB menjalankan kajian tindakan di sekolah.

- vii. Membentangkan hasil soal selidik yang dijalankan ke atas peserta kursus untuk mengetahui keterlibatan mereka dalam melaksanakan kajian tindakan di sekolah sebagai satu langkah untuk menyelesaikan masalah/ isu yang perlu ditangani. Selain daripada itu, soal selidik ini juga bertujuan untuk mengenal pasti mengapa peserta (pemimpin sekolah) tidak melaksanakan kajian tindakan.

Penutup

Kolokium ini telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan dan dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang berusaha menjayakan kolokium pada kali ini.



Bengkel Kolokium Kajian Tindakan



Pembentangan Bengkel

5.4.4 KOLOKIUUM KEBANGSAAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE -9

Pengenalan

Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara telah mengendalikan Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Kali Ke-9 dengan jayanya pada 6 hingga 9 Mei 2013. Kolokium yang bertemakan “Kepimpinan Instruksional Pemacu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025” telah Berjaya menghimpunkan 160 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin pendidikan dari seluruh Malaysia. Kolokium ini dirasmikan oleh YH Dato’ Haji Khairil bin Haji Awang, Pengarah Institut Aminuddin Baki manakala majlis penutup dirasmikan oleh En Mohd Zanal bin Dirin, Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara.

Objektif:

- Mengenal pasti amalan-amalan terbaik serta inovasi-inovasi dalam kepimpinan instruksional di sekolah yang menjurus kepada peningkatan kecemerlangan akademik dan sahsiah murid.
- Menambah baik amalan dan instruksional di sekolah melalui perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman dalam kalangan pembentang dan peserta kolokium.
- Membuka ruang kerjasama dengan seluruh warga pendidik untuk mencapai kecemerlangan pendidikan.

Pengisian Kolokium

Sepanjang kolokium ini berlangsung, terdapat satu ucaptama, empat kertas dasar dan lapan perkongsian amalan terbaik yang menjurus kepada tema kolokium kali ini telah disampaikan oleh para pembentang yang terdiri daripada pensyarah universiti, pegawai pendidikan bahagian KPM, Pengetua, Guru Besar dan pensyarah IAB, seperti yang tertera pada jadual berikut:

Bil.	Ucaptama/ Kertas Dasar	Tajuk
1	Prof. Dr. Cameron Richards Perdana School of Science, Technology and Innovative Policy, (UTM Perdana School), Universiti Teknologi Malaysia	<i>Educational leadership for a new age: Every learner a future problem-solver; decision-maker and knowledge-builder?</i>
2	Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Din, AMP. Ketua Nazir, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kedah	Kualiti Kepimpinan Instruksional dan Perubahan di Sekolah
3	Puan Hajah Rosnarizah binti Abdul Halim KPP Sektor Bina Upaya Keguruan, BPG, KPM	Bina Upaya Guru
4	Dr. Ahmad Rafee bin Che Kasim Ketua Pusat Coaching dan Mentoring, IAB, KPM	Keupayaan Kepimpinan
5	Puan Asiah binti Hamzah KPP Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM	Sarana Ibu Bapa

Pembentang Perkongsian Amalan Terbaik

Bil	Pembentang	Tajuk
1	Tuan Haji Md Nayan bin Othman Pengetua SMK Air Hangat, Langkawi, Kedah	Kepimpinan Instruksional dan Prestasi Sekolah
2	Tuan Haji Salim bin Salleh Guru Besar SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah.	Perkongsian Amalan Terbaik SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah
3	Puan Noor Aini binti Zainal Abidin Pengetua Sekolah Raja Perempuan Taayah, Ipoh, Perak.	Bina Upaya Guru: Satu Perkongsian Pengalaman
4	Encik Kamarul Azizi bin Oree Guru Besar SK Pos Tenau, Ulu Slim, Perak.	“Menelusuri Sebuah Kejayaan” Perkongsian Kejayaan Kepimpinan Sekolah Dalam Membina Keupayaan Guru-Guru SK Pos Tenau
5	Dr. Abang Hut bin Abang Engkeh Pensyarah Kanan IAB Cawangan Sarawak	Melestarikan Kepimpinan Instruksional di sekolah
6	Encik Koh Kim Whatt Pengetua SMK. Kinabutan, Tawau, Sabah.	Program Instruksional: Amalan Model 7S++
7	Y.Bgh. Dato’ Seri Abd Rahman bin Haji Ali Yang Dipertua PIBG SMK. Seafeld, Subang Jaya, Selangor	Sarana Ibu Bapa: Membantu Anak Berjaya
8	Puan Aidah binti Mohd Salleh Guru Besar SK Zainab 2, Kota Bharu, Kelantan.	Perkongsian Pengalaman dan Pengamalan di SK Zainab (2)



Perasmian Kolokium pada 7 Mei 2013 oleh YH. Dato' Haji Khairil bin Haji Awang

Rumusan

Secara keseluruhan, kolokium kali ini telah menyediakan ruang kepada pemimpin sekolah yang hadir untuk menimba ilmu dalam bidang kepimpinan instruksional. Perkongsian pengalaman dari para pembentang memberi cadangan dan idea kepada pemimpin sekolah tentang bagaimana pengurusan kepimpinan instruksional sekolah masing-masing boleh dimantapkan lagi. Bekalan yang diperoleh dapat membantu pemimpin sekolah melonjakkan prestasi sekolah yang nescaya akan menjurus kepada pencapaian aspirasi pendidikan negara seperti yang digariskan dalam PPPM 2013-2015.

5.4.5 MAJLIS KOMENSMEN INSTITUT AMINUDDIN BAKI TAHUN 2013

Majlis Komesmen Institut Aminuddin Baki (IAB) 2013 merupakan majlis yang diadakan bagi merayakan para graduan yang telah menamatkan pengajian mereka dalam Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau *National professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL)* yang merupakan salah satu kursus institusi perdana IAB. Program ini bertunjangkan hasrat memperkasa pengurusan dan kepimpinan pendidikan dengan menyediakan latihan yang berstruktur dan komprehensif secara khusus kepada kumpulan pelapis pemimpin sekolah di negara ini.

Majlis Komensmen IAB 2013 telah diadakan pada 27 April 2013 bertempat di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands. Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Hormat Dato' Haji Khairil bin Haji Awang, Pengarah Institut Aminuddin Baki mewakili YBhg. Tan Sri Abd Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Para jemputan majlis terdiri daripada Pengarah dan Setiausaha Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia serta Pengarah-Pengarah Jabatan Pelajaran negeri seluruh Negara.

Majlis ini merayakan kejayaan para graduan NPQEL Ambilan 1 dan Ambilan 2 tahun 2012 sebagai pengiktirafan atas komitmen dan pengorbanan mereka dalam melengkapkan diri dengan kompetensi kepimpinan pendidikan yang diharapkan berupaya menyemarakkan transformasi pendidikan di peringkat sekolah. Selain daripada merayakan para graduan yang berjaya, penghargaan juga diberikan kepada seluruh warga IAB yang telah berjaya melahirkan para graduan NPQEL yang berkemampuan untuk memenuhi

keperluan dan wawasan pendidikan negara kita. Kejayaan graduan NPQEL merupakan kejayaan pihak IAB sebagai pelaksana latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikandimensi NPQEL Mod Baharu.

Seramai 244 orang graduan daripada sekolah rendah dan sekolah menengah telah menerima sijil dan diploma masing-masing. Senarai keseluruhan graduan NPQEL terdapat di dalam Lampiran1. Dalam majlis ini penerima Anugerah Graduan Cemerlang NPQEL bagi Ambilan 1 Tahun 2012 ialah Encik Azman bin Safii bagi kategori sekolah menengah dan Puan Cheng Siew Joo bagi kategori sekolah rendah. Manakala bagi Ambilan 2 Tahun 2012 ialah Encik Wan Mohammad Sabri bin Jaafar bari kategori sekolah menengah dan Puan Juhranar binti Yang bagi kategori sekolah rendah.

Dalam majlis ini juga telah disampaikan Anugerah Khas Tokoh Kepimpinan NPQEL Tahun 2013. Anugerah ini merupakan anugerah khas yang diberikan kepada pemimpin pendidikan lepasan NPQH/NPQEL yang telah berkhidmat dengan cemerlang. Anugerah ini bertujuan untuk mmeberikan pengiktirafan kepada individu yang telah banyak menyumbang khidmat bakti mereka dalam membangunkan kepemimpinan pendidikan di Malaysia. Dengan rasa hormat dan setinggi-tinggi penghargaan, anugerah ini telah diberikan kepada YBrS. Tuan Haji Azhari bin Tauhid, Pengetua JUSA C (KUP) dari Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai pengetua bermula dari tahun 2000 sehingga sekarang, beliau telah berjaya menerima pelbagai anugerah seperti Sekolah Harapan Negara di peringkat kebangsaan 2007, Sekolah Berprestasi Tinggi 2011, Sekolah Kluster Kecemerlangan 2012 dan Tawaran Baru Pengetua 2010 dan 2011. Beliau juga telah dianugerahkan Pingat Setia Mahkota Pahang (SMP) 2010 dan Pingat Perkhidmatan Setia 2009 serta Pengetua JUSA C 2010. Beliau juga seorang yang aktif dalam pelbagai pertubuhan dan persatuan serta menerima pelbagai anugerah di pelbagai peringkat. Setiap sekolah yang beliau pimpin pasti meninggalkan sentuhan yang membanggakan.

Sebagai kesimpulannya, Majlis Komesmen IAB Tahun 2013 kali ke-14 yang merupakan penerus tradisi yang dimulakan sejak tahun 1999 lagi telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. IAB menaruh harapan agar kesemua graduan ini akan menjadikan anugerah yang diterima di majlis ini sebagai titik permulaan ke arah memperkasa diri dan mampu mengangkat martabat pendidikan negara menjadi bertaraf dunia.



Sebahagian daripada graduan NPQEL yang menerima sijil dan diploma

IAB menaruh harapan agar kesemua graduan ini akan menjadikan anugerah yang diterima di majlis ini sebagai titik permulaan ke arah memperkasa diri dan mampu mengangkat martabat pendidikan negara menjadi bertaraf dunia.

*Malaysia merangka
dan merancang
strategi-strategi
yang dapat
membantu
meningkatkan
inovasi dalam
perkhidmatan
pendidikan
menggunakan
Pendekatan BOS.*

5.4.6 PERSIDANGAN PEMBANGUNAN ORGANISASI INSTITUSI PENDIDIKAN (POIP): STRATEGI LAUTAN BIRU (*BLUE OCEAN STRATEGY*) (BOS) DALAM KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN PENDIDIKAN KPM 2013

Pengenalan

Blue Ocean Strategy (BOS) merupakan satu pendekatan pengurusan perniagaan yang diguna pakai oleh syarikat-syarikat yang tidak mahu bersaing untuk merebut pasaran terhad (lautan merah) tetapi sebaliknya menjadikan persaingan tidak lagi relevan (lautan biru) dengan mencipta ruang pasaran baharu. Sektor pendidikan juga tidak terkecuali menggalakkan pihak Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan di Malaysia merangka dan merancang strategi-strategi yang dapat membantu meningkatkan inovasi dalam perkhidmatan pendidikan menggunakan Pendekatan BOS.

Bersesuaian dengan mandat yang diberikan oleh KPM, IAB telah memainkan peranannya dengan memberi latihan kepada warga KPM di samping menjadi konsultan kepada beberapa Bahagian dan sekolah dalam usaha untuk membangunkan inisiatif ini di organisasi masing-masing. Persidangan ini adalah kemuncak kepada segala usaha yang dilakukan oleh IAB untuk menjadikan pendekatan Strategi Lautan Biru ini sebagai salah satu elemen penting bagi pemimpin-pemimpin pendidikan memajukan organisasi masing-masing.

Sehubungan dengan itu, pada 15 hingga 17 Disember 2013, Institut Aminuddin Baki (IAB) telah menganjurkan Persidangan Pembangunan Organisasi Institusi Pendidikan (POIP): Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) (BOS) Dalam Kepimpinan Dan Pengurusan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2013 di Institut Aminuddin Baki Genting Highlands, Pahang.

Objektif

Objektif persidangan ini diadakan ialah untuk menguar-uarkan inisiatif BOS dalam kepimpinan dan pengurusan pendidikan kepada semua agensi di bawah KPM di samping berkongsi pengalaman amalan BOS di beberapa Bahagian KPM dan sekolah.

Sasaran

Persidangan ini telah dihadiri oleh kira-kira 380 orang pegawai dari Bahagian KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dari pemimpin-pemimpin sekolah seluruh negara serta pensyarah-pensyarah IAB Induk dan cawangan.

Pengisian

Sebagai pengisian program, beberapa aktiviti telah dijalankan iaitu ucap-tama, forum dan sesi pembentangan amalan BOS oleh Bahagian dan sekolah-sekolah tertentu yang melibatkan beberapa agensi kerajaan seperti Unit Strategi Nasional (NSU) Kementerian Kewangan Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Unit Pemodenan Tadbiran Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) serta Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) KPM, sebagaimana jadual di bawah.

BAB 5

PROGRAM KHAS

	SLOT	NAMA	TAJUK
1	Penyampai Ucaptama	DR. AMINUDDIN BIN HASSIM, Timbalan Pengarah Kanan Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan Malaysia.	NBOS (<i>National Blue Ocean Strategy Initiative</i>)
2	Ahli Panel Forum	MEJAR JENERAL DATUK MASRANI B. PAIMAN, Pengarah, MIDAS BOS Centre Angkatan Tentera Malaysia.	NBOS ATM
		TN. HJ. AHMAD TAJUDDIN B. JAB Pengarah BPTV.	Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional
		EN. KHAIRUL B. KASSIM, Ketua Penolong Pengarah, Unit Pemodenan Pentadbiran Kerajaan (MAMPU).	1MTC
		EN. CHEAH CHEE FONG, Ketua Penolong Setiausaha, BPSM.	Pembangunan Profesionalisme Guru
3	Pembentangan Bahagian KPM	UST. SHAMSUL ARIFFIN B. ARSHAD, Penolong Pengarah, Unit Pengurusan Sekolah, Bahagian Pendidikan Islam.	Pendaftaran SAR sebagai SABK
		UST. NOR AZAM B. ABDULLAH, Ketua Unit, Pembangunan Profesional, Bahagian Pendidikan Islam.	Pendaftaran SAR sebagai SABK
		EN. BONG MUK SHING, Pengarah, Bahagian Pendidikan Khas.	Sekolah Dalam Hospital (SDH)
		EN. ZULKERNAI B. FAUZI, Pengetua, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih .	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)
		DR. SULAIMAN B. HASHIM, Ketua Pusat, Pusat Pembangunan Teknologi Institut Aminuddin Baki.	Sistem atas talian: I-Adu
4	Pembentangan Sekolah	PN. HJH. SITI ROKIAH BT. SALLEH, Guru Besar, SK Convent Bukit Nanas 2, Kuala Lumpur.	<i>English Wave</i>
		EN. MOHD FADZIL B. SELAMAT, SK Taman Rinting 2, Masai, Johor.	<i>Bowling for All</i>
		EN. HAFRULIDZWAN B. ISA, SMK Tmn Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.	Amalan Terbaik Hak Asasi Manusia (ATHAM)
		TN. HJ. MAHAMAD SHUKRI B. SAID, Sekolah Menengah Sains Labuan.	Melindungi Masa Instruksional (MMI)
		ADNAN BIN A. AZIZ, Sekolah Menengah Sains Labuan.	Melindungi Masa Instruksional (MMI)

Perasmian

Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Misrah b. Hj. Ibrahim yang mewakili Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia manakala perasmian penutup pula oleh Yang Berusaha En. Mazlan bin Samsudin, Timbalan Pengarah Khidmat Latihan IAB. Dalam persidangan ini, YBhg. Dato' Misrah telah diberi penghormatan untuk melancarkan dua buku berkaitan BOS iaitu buku panduan dan buku amalan BOS.

Penutup

Pada penghujung sesi, setiap peserta telah diberikan satu set buku BOS untuk dijadikan rujukan dan panduan sebagai buah tangan untuk dibawa pulang ke tempat masing-masing. Persidangan kali ini juga telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.



*Peserta-peserta sedang sibuk
mendaftarkan diri*



*Sudut Pameran Insiatif BOS
Bahagian KPM dan Sekolah*

BAB 5

PROGRAM KHAS



*YH Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang menyampaikan
ucapan alu-aluan pada hari perasmian*



*Upacara Pelancaran Buku Panduan dan
Buku Amalan BOS KPM*



*Ahli Panel Forum BOS iaitu dari kiri; wakil
dari MAMPU, ATM, BPTV dan BPSM*



*Sebahagian daripada peserta yang
hadir*

5.4.7

KOLOKIUIM ICT DALAM PENGURUSAN DAN
KEPIMPINAN PENDIDIKAN 2013

Pengenalan.

*Kalau kamu
mendapat
kesusahan,ingatlah
untuk menyimpan
kesabaran
(Horatius).*

Pusat Penyelidikan, Penilaian dan ICT telah menganjurkan Kolokium ICT dalam Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan 2013 pada 17- 20 Jun 2013. Kolokium yang bertemakan Kepimpinan Pengurusan ICT Dalam Pendidikan Abad ke-21 disertai oleh 269 orang peserta terdiri daripada pegawai Bahagian KPM, JPN, pengetua, guru besar dan pensyarah IAB. Kolokium ini dirasmikan oleh Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan, Kementerian Pendidikan Malaysia.



*Perasmian oleh YBhg. Datuk Dr. Khair
bin Mohamad Yusof Timbalan Ketua
Pengarah Pelajaran Malaysia*



Tetamu Kehormat

Objektif.

- i. Berkongsi maklumat tentang pengurusan pelaksanaan inisiatif ICT di sekolah.
- ii. Berkongsi amalan kepimpinan pengintegrasian ICT dalam pembelajaran dan pengajaran serta pengurusan sekolah.
- iii. Mengenal pasti isu-isu kepimpinan dan pengurusan ICT serta cadangan penyelesaiannya.

Pengisian Kolokium

Sebanyak tiga ucapnama, enam kertas kerja dan lapan kajian kes dibentangkan yang menjurus kepada dua sub-tema iaitu pengurusan pelaksanaan inisiatif ICT dalam pendidikan dan kepimpinan pengintegrasian ICT dalam pendidikan. Para pembentang terdiri daripada pensyarah IPTA, pegawai tinggi kementerian, pemimpin pendidikan dan pegawai sektor swasta, iaitu:



Peserta Kolokium

Bil	Tajuk	Pembentang
1	Kepimpinan Teknologi Pendidikan dalam Kurun ke-21, Cabaran untuk Pemimpin dan Pentadbir Sekolah	Prof. Dr. Yusup b. Hashim, <i>Dean School of Education, Liberal & Foundation Studies City Uniciversity College of Science And Technology</i>
2	Penerapan Teknologi Dalam Pendidikan	Tn. Hj. Wan Mohd Rosdi b. Wan Dolah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
3	Kenali Sumber Masalah dan Kunci Kejayaan Pengurusan di Era Digital	Datin Dr. Norrizan bt. Razali, <i>Senior Manager Youth Community and Initiative Cluster Multimedia Development Corporation (MDeC)</i>

Pembentangan kertas kerja.

Bil	Tajuk Kertas Kerja	Pembentang
1	Penilaian-i Memartabatkan Kredibiliti Pensyarah	Dr. Fan Siong Peng IPG Kampus Sultan Mizan
2	Media Sosial dalam Talian Facebook; Media Pentadbir Mengurus Masalah dalam Pendidikan Masa Kini	Pn Nani Herlin bt Jamin Bahagian Buku Teks, KPM
3	Memimpin Integrasi ICT	Dr. Sathiamoorthy Kannan Universiti Malaya
4	Kepimpinan Kolaboratif ke Arah Pelestarian Pembudayaan ICT di SMK Bandaraya Kota	Dr. Shirley Tay Siew Hong SMK Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah Kinabalu
5	Kompetensi ICT Pemimpin Sekolah	Cik Lim Siew Ngen IAB Genting Highlands
6	Paradigma Baharu dalam Pendidikan Guru: Kolaborasi dalam Talian	En Zahri b Haji Ramlan Unit ICT dan Pengkomputeran JPN Selangor

Perkongsian amalan terbaik

Bil	Tajuk Kajian Kes	Pembentang
1	Pelaksanaan dan Penggunaan 'Open Source Software': Implementasi Penggunaan Sistem SMS dalam Pengurusan di Sekolah Rendah	En Lim Li Wen SJK(C) Chung Sin Tanjung Malim, Perak
2	Pelaksanaan 1 BestariNet VLE Frog di SK(1) Selayang Baru	En. Mohammad Azmi Muda SK (1) Selayang Baru
3	Pelaksanaan Pengurusan 1BestariNet di SK Taman Putra Perdana	En Sukimin b. Juki SK Taman Putra Perdana Puchong, Selangor
4	Pengurusan Pelaksanaan Inisiatif ICT dalam Pendidikan: Satu Pengalaman di SMK Laki-laki Methodist Kuala Lumpur	En Wong Chee Kheon SMK Laki-Laki Methodist Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur
5	Kajian Terhadap joota.com Dalam Aktiviti Pembelajaran Untuk Meningkatkan Tahap Pemikiran Kritis Dan Kreatif Murid	En Sajoli b. Masdor SMK Sungai Pusu Gombak, Selangor
6	Peranan Penubuhan Radio Internet Sekolah (Sintok FM) dalam Mengembangkan Potensi Pelajar	En. Mohamad b Hashim SK Bandar Baru Sintok Sintok, Kedah
7	ICT Tonggak Kecemerlangan Pendidikan	Pn Hj. Hasimah bt Abang Zen Kolej Tun Datu Tuanku Haji Bujang, Sarawak
8	Ke Arah Sekolah Digital 2.0 SJKC Choong Wen.	En Wong Shee Fatt SJK (C) Choong Wen Kuala Lumpur

BAB 5

PROGRAM KHAS

Kolokium ini telah mencapai objektif berkait dengan pengurusan pelaksanaan inisiatif ICT melalui perkongsian maklumat berkaitan pengurusan pengajaran pembelajaran.



Panel Forum

Selain itu, satu forum bertajuk Menangani isu dan cabaran pelaksanaan ICT dalam pendidikan diadakan yang disertai oleh wakil Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Selangor dan pengetua. Majlis forum diadakan sebagai medan perbincangan bagi menangani isu-isu kepimpinan dan pengurusan ICT. Serentak dengan itu, satu pameran mengenai inisiatif ICT KPM diadakan bagi memberi maklumat kepada semua peserta yang hadir sebagai pelengkap kepada kolokium ini. Pengisian pameran adalah seperti berikut:

- a. 1BestariNet /Frog VLE
- b. Learning Management System (LMS)
- c. EduWeb TV
- d. Sistem Pengurusan Sekolah (SPS)

Penutup

Kolokium ini telah mencapai objektif berkait dengan pengurusan pelaksanaan inisiatif ICT melalui perkongsian maklumat berkaitan pengurusan pengajaran pembelajaran (PdP), sokongan sektor awam dan swasta dalam memperkasakan Dasar ICT KPM. Peserta dapat berkongsi amalan kepimpinan pengintegrasian ICT dalam PdP dan pengurusan pentadbiran (PdT) sekolah. Selain itu, mengenalpasti isu-isu kepimpinan dan pengurusan ICT serta cadangan penyelesaiannya.

*...untuk
memantapkan dan
menyelaraskan
keperluan
pembangunan
latihan dalam
kalangan pemimpin
dan penggerak
sistem pendidikan
di Kementerian
Pendidikan
Malaysia.*

5.4.8 PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN TAHUN 2013

Pengenalan

Pada tahun ini sekali lagi IAB telah mengadakan Program Hari Bersama Pelanggan bagi tahun 2013. Program ini adalah merupakan satu platform yang holistik untuk mendapatkan penjelasan tentang perkhidmatan yang disediakan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra, telus dan cekap. Ia bertujuan untuk memantapkan dan menyelaraskan keperluan pembangunan latihan dalam kalangan pemimpin dan penggerak sistem pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program Hari Bersama Pelanggan ini telah diadakan Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands pada 18 Disember hingga 20 Disember 2013. Seramai 132 orang peserta telah hadir terdiri daripada wakil-wakil dari bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Institut Pendidikan Guru dan para pentadbir sekolah.

Objektif Program

Selain daripada bertujuan untuk mempromosikan program IAB kepada seluruh warga Kementerian Pendidikan Malaysia, Hari Bersama Pelanggan diadakan adalah untuk membentangkan:

- i) Anjakan 5 dan 6 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
- ii) Pencapaian Keseluruhan IAB
- iii) Laporan Status Pencapaian Latihan Bagi Tahun 2013
- iv) Perancangan Latihan Bagi Tahun 2014
- v) Isu-Isu Berkaitan Khidmat Sokongan
- vi) Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)
- vii) Taklimat e-Pembelajaran dan Insyst

Pengisian Program

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program ini yang dimulakan dengan Majlis Ramah Mesra yang diadakan secara santai di perkarangan Asrama Eksekutif bertujuan untuk menambah erat jalinan ukhwah dan kesepaduan antara pihak IAB dengan para pelanggan yang merupakan sebahagian daripada peneraju kejayaan program-program latihan IAB disepanjang tahun ini.

Perasmian Program Hari Bersama Pelanggan ini telah disempurnakan oleh Dato' Haji Khairil bin Haji Awang, Pengarah IAB mewakili Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dalam satu majlis makan malam yang diadakan di Dewan Besar IAB, Genting Highlands. Program seterusnya dimulakan dengan sesi Forum PPPM yang di pengurusan oleh Dr. Mohd Yusof bin Mohd Nor, Ketua Pusat Pembangunan Organisasi IAB bersama-sama dua orang panel iaitu Dr. Hj. Ahmad Rafee bin Che Kassim, Ketua Pusat Konsultasi & Mentoring IAB dan Dr. Hayati binti Ismail dari PADU turut mendapat perhatian dalam kalangan peserta. Forum yang membicarakan kandungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dengan penumpuan kepada Anjakan 5 dan 6 mampu mencerna minda serta memberi pencerahan kepada para peserta akan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui dasar baharu tersebut.

Seterusnya beberapa sesi pembentangan dan soal jawab telah diadakan antaranya ialah pembentangan bertajuk Pencapaian Keseluruhan

BAB 5

*Impak Program
Hari Bersama
Pelanggan ini
dapat dilihat
dengan jelas
daripada maklum
balas yang telah
diberikan oleh
peserta program
sepanjang program
ini berlangsung.*

IAB oleh Dr. Zainab binti Hussin, Timbalan Pengarah Khidmat Profesional, pembentangan Status Pencapaian Latihan Bagi Tahun 2013 dan Perancangan Latihan Bagi Tahun 2014 oleh Encik Abdul Muti bin Ahmad, Ketua Pusat Pembangunan Pengurusan Pendidikan mewakili En. Mazlan bin Samsuddin, Timbalan Pengarah Khidmat Latihan serta pembentangan Isu-Isu Latihan Khidmat Sokongan oleh Tuan Syed Muhammad Idros Al Muning, Pendaftar IAB.

Pada hari akhir program, para peserta telah didedahkan dengan maklumat tentang Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Sekolah atau lebih dikenali sebagai NPQEL khususnya bagi ambilan 1 tahun 2014 yang baru sahaja bermula. Pendedahan ini disampaikan oleh Dr. Marzita binti Abu Bakar, Ketua Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan. Seterusnya taklimat tentang e-Pembelajaran telah di sampaikan oleh Dr. Sham bin Ibrahim, Ketua Jabatan e-Pembelajaran dan diikuti oleh taklimat tentang Sistem Bersepadu IAB (INSYST) oleh pensyarah Pusat Pengurusan Teknologi IAB.

Impak Program

Impak Program Hari Bersama Pelanggan ini dapat dilihat dengan jelas daripada maklum balas yang telah diberikan oleh peserta program sepanjang program ini berlangsung. Maklum balas yang diberikan dapat digunakan dalam memastikan pelaksanaan perancangan latihan di IAB dapat memenuhi kehendak *stake holder* IAB. Ini seterusnya selaras dengan matlamat IAB untuk menerajui kecemerlangan dalam memberi latihan yang yang bercorak pengurusan dan kepimpinan yang berkesan.



Y.H Dato' Hj. Khairil bin Hj. Awang, Pengarah IAB menyampaikan ucapan perasmian Hari Bersama Pelanggan IAB 2013.

Menjadi wadah bagi badan-badan pensijilan dan institusi latihan sektor awam dan swasta berkongsi idea, pengetahuan dan pengalaman tentang pembangunan, pentaksiran dan pensijilan Master Trainer.

5.4.9 KOLOKIUUM MASTER TRAINER

Pengenalan



Program *Master Trainer* adalah inisiatif pentauliahan profesional kejurulatihan dalam bidang Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Oleh itu, IAB sebagai peneraju bidang ini telah mengorak langkah untuk menjadi badan pentauliahan dan pensijilan di samping melatih trainer dan coach yang berkualiti. IAB telah melaksanakan Kolokium Master Trainer kali pertama pada 24 Jun 2013 bertempat di Bilik Antarabangsa IAB dengan tema “Ke arah Pentauliahan *Master Trainer*”. Kolokium ini diadakan buat julung kalinya untuk berkongsi idea, pengetahuan, pengalaman dan maklumat berkaitan dengan Program Master Trainer IAB.

Objektif

Objektif utama kolokium adalah supaya peserta dapat ; memahami konsep, domain dan kriteria pentaksiran trainer, mewujudkan peluang untuk berkongsi amalan pentaksiran dan pentauliahan trainer dan mengenalpasti pelan pembangunan profesional trainer. Kolokium tersebut dirasmikan oleh Pengarah IAB, Dato’ Haji Khairil bin Haji Awang dan dihadiri oleh 56 Pensyarah Kanan IAB.

Impak



Pengisian utama Kolokium adalah sesi pembentangan bertajuk Program *Master Trainer* HRDF, Kementerian Sumber Manusia yang dikendalikan oleh Pengurus Unit Penyelidikan Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Encik Rony Ambrose Gobilee. Beliau yang mempunyai banyak pengalaman tentang bidang pembangunan sumber manusia berkongsi amalan industri program pembangunan *Master Trainer*. Selain itu, Ketua Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan, Ketua Pusat Pembangunan Organisasi, Ketua Jabatan *Master Trainer* dan Pensyarah Cemerlang DG54 berkongsi maklumat mengenai status terkini pembangunan Master Trainer IAB. Ini dapat memberi pendedahan berguna kepada pensyarah kanan IAB yang bakal ditauliahkan selepas memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Rumusan

Kolokium ini diharap menjadi wadah bagi badan-badan pensijilan dan institusi latihan sektor awam dan swasta berkongsi idea, pengetahuan dan pengalaman tentang pembangunan, pentaksiran dan pensijilan *Master Trainer*. Adalah diharapkan kolokium ini sebagai pencetus kepada wacana ilmu dalam bidang kejurulatihan khususnya untuk menginstitusikan program pembangunan dan pensijilan *Master Trainer* IAB. Seterusnya, menyokong usaha KPM untuk menghasilkan pemimpin berprestasi tinggi melalui sesi *training* dan *coaching* yang berkualiti oleh jurulatih pakar yang bertauliah.

5.4.10 KOLOKIU PrOD

Kolokium PrOD Zon Utara yang bertemakan “PrOD Penggerak Kecemerlangan Sekolah’ telah berlangsung pada 12 hingga 15 Ogos 2013 bertempat di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara. Seramai 140 orang peserta telah menghadiri kolokium ini yang terdiri daripada Pegawai JPN Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak; Pegawai PPD Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak; Pengetua / Guru Besar sekolah bimbingan PrOD dan Guru Penolong Kanan sekolah bimbingan PrOD. Kolokium ini memberi peluang kepada peserta khususnya pemimpin sekolah yang mengikuti program PrOD di zon utara untuk berkongsi cabaran serta amalan terbaik dalam membangunkan sekolah masing-masing.

Objektif

Antara objektif kolokium ini adalah:

- Menggalakkan pemimpin sekolah berkongsi amalan terbaik di sekolah.
- Membuat refleksi sendiri dan mengaktifkan pemikiran baharu.
- Menambahbaik proses kerja dan tindakan pengurusan dan kepimpinan di sekolah.

Pembentang Kertas Kerja

Terdapat 14 kertas kerja telah dibentangkan seperti jadual di bawah:

Bil.	Nama Pembentang	Jawatan	Tempat Bertugas
1	En. Abdul Razak b. Manaf	Ketua Pusat, Pusat Pentaksiran Kepimpinan Pendidikan	IAB Genting Highlands, Pahang
2	Tn. Hj. Zaber b. Abd. Hamid	Penolong Pengarah, Sektor Jaminan Kualiti	JPN Pahang
3	Tn. Hj. Misnan b. Mohd. Damin	Pegawai Pendidikan Daerah	PPD Lipis
4	Tn Hj. Mokhtar b. Ahmad	Ketua Penolong Pengarah, Sektor Jaminan Kualiti	JPN Kedah
5	En. Khalim b. Yob	Ketua Unit Kepimpinan, Sektor Jaminan Kualiti	JPN Perlis
6	Tn. Hj. Abd. Halim b. Mustafa	Penolong Pengarah, Sektor Jaminan Kualiti	JPN Perak
7	En. Subramaniam a/l Appannan	Penyelia, Sektor Jaminan Kualiti	JPN Pulau Pinang
8	Pn. Noraizan bt. Ibrahim	Pengetua	SMK Seri Kundang, Selangor
9	Tn. Hj. Sulaiman b. Samsudin	Pengetua	SM Sains Tapah, Perak
10	Pn. Devi bt. Masran	Guru Besar	SK Lubok Kulit, Pahang
11	Tn. Hj. Samsudin b. Salipon	Guru Besar	SK Kota Perdana, Pahang
12	Pn. Roshidah bt. Lazim	Guru Besar	SK Bukit Pinang, Kedah
13	Pn. Noraini bt. Hj. Jaafar	Guru Besar	SK Pauh Jaya, Pulau Pinang
14	Pn. Rokiah bt. Khalid	Guru Besar	SK Titi To' Bandar, Perlis

Impak

Hasil dari perbengkelan, beberapa isu telah dikemukakan iaitu:

- Takwim PrOD akan bermula September/Oktober bagi mengelakkan peperiksaan awam di sekolah.
- Memantapkan kandungan / penyampaian pensyarah.
- Pemilihan sekolah mengikut band yang betul.
- Mengekalkan pemimpin organisasi sekurang-kurangnya tiga tahun (kecuali dinaikkan pangkat) supaya mendapat impak maksima

Rumusan

Kolokium PrOD Zon Utara 2013 berjalan dengan baik dan lancar. Peserta memberi fokus kepada pembentangan-pembentangan yang dibuat. Semasa perbengkelan peserta memberi sumbang saran yang positif dan mengambil bahagian dengan aktif.



Kekuatan kerja sepasukan adalah penting untuk merangka program PrOD



Refleksi tentang pengisian kursus PrOD dibuat oleh setiap peserta



Sesi perkongsian amalan terbaik mempin dan mengurus sekolah



Ketelusan untuk berkongsi pengalaman diterapkan dalam kelas PrOD



Kumpulan peserta PrOD sekolah menengah dalam sesi perbengkelan



Peserta PrOD memberi fokus kepada perkongsian pensyarah

5.4.11 REGIONAL CONFERENCE ON LEADERSHIP AND MANAGEMENT (RCELAM) 2013

Latar Belakang

Kejayaan melaksanakan 1st RCELAM 2009 dan 2nd RCELAM 2011 dengan sambutan yang sangat menggalakkan daripada kalangan guru besar, pengetua, pegawai-pegawai KPM, pensyarah universiti dan peserta dari dalam dan luar negara, serta kehadiran Pengucap-Pengucap Utama tersohor telah mencetus kefahaman dan penguatkuasaan percambahan ilmu kepimpinan dan pengurusan pendidikan dalam kalangan warga kepimpinan pendidikan negara. Di samping itu penganjuran 1st RCELAM 2009 dan 2nd RCELAM 2011 dapat menghasilkan tiga perkara penting iaitu : jaringan profesional antara Institut Aminuddin Baki dengan Manipal *Institute of Management*, India khusus dalam bidang latihan, penyelidikan, penerbitan dan konsultasi; penyelidikan komparatif bersama tujuh negara iaitu Afrika Selatan, Iran, Maldives, India, Thailand, Jepun dan Kazakhstan; penerbitan buku Prosiding 1st RCELAM 2009 dan 2nd RCELAM 2011 yang menghimpunkan kertas-kertas kerja konferen yang terpilih.

3rd RCELAM 2013 ini merupakan satu persidangan peringkat serantau yang dapat memberi peluang kepada lebih ramai pegawai di KPM menyertai dan menimba ilmu pengetahuan tanpa perlu ke luar negara. Tokoh-tokoh pendidikan negara dan penyelidik-penyelidik tempatan juga berpeluang mengemukakan idea dan hasil kajian mereka di peringkat antarabangsa.

IAB menganjurkan 3rd RCELAM 2013 ini selaras dengan statusnya sebagai pusat kecemerlangan latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan serantau yang melatih dan membimbing barisan hadapan pemimpin pendidikan, khususnya pengetua dan guru besar.

Objektif Persidangan

- Menyediakan pentas wacana ilmiah berkaitan isu-isu dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pemimpin pendidikan dalam menyediakan generasi yang bercirikan global.
- Meneroka kemunculan teori-teori kepimpinan dan pengurusan terkini dalam era globalisasi.
- Menggalakkan perkongsian ilmu baru dalam kepimpinan dan pengurusan di kalangan pemimpin pendidikan, ahli akademik dan pengamal pendidikan.

Pengisian Persidangan

Ucaptive :

- "Exploring new possibilities in the era of sustainability"*
Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak
President
International Association of Universities, Paris
- "Education for Democracy: Exploring New Possibilities globally and locally. What the research suggests"*
Dr. David Zyngier
Monash University, Melbourne, Australia
- "School Leadership In The 21ST Century : Global Perspectives"*

merupakan satu persidangan peringkat serantau yang dapat memberi peluang kepada lebih ramai pegawai di KPM menyertai dan menimba ilmu pengetahuan tanpa perlu ke luar negara.

Persidangan ini telah berjaya meletakkan imej IAB di peringkat antarabangsa disamping dapat meningkatkan kefahaman para peserta dalam aspek kepimpinan dan pengurusan pendidikan.

*Prof. Tony Bush
The University of Nottingham, United Kingdom*

4. “Leading School and System Transformation”
Prof. Dr. Alma Harris,
Pengarah,
Institut Kepimpinan Pendidikan
Universiti Malaya

Perasmian Pembukaan dan Penutupan :

1. Y.Bhg. Dato’ Seri Idris Jusoh - Perasmian Pembukaan
Menteri Pendidikan II
2. Y.Bhg. Dato’ Dr. Khair Mohd Yusof – Perasmian Penutupan
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
(Mewakili Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia)

Sidang Pembentangan Selari :

47 kertas kerja dari luar negara
39 kertas kerja dari dalam negara

Rumusan

Persidangan ini telah berjaya dilaksanakan pada 18 – 21 November 2013 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands. Seramai 167 permohonan daripada 32 buah negara dan 185 permohonan dari dalam negara telah diterima untuk menyertai persidangan ini sama ada sebagai pembentang kertas kerja atau sebagai peserta sahaja. Namun begitu hanya 47 kertas kerja dari luar negara dan 39 kertas kerja dari dalam negara berjaya dibentangkan dalam konferens ini. Antara negara-negara yang menyertai konferens ini termasuklah Finland, Turki, Mesir, Arab Saudi, Australia, New Zealand, Jepun, Kazakhstan, Afrika Selatan, Indonesia dan lain-lain lagi. Persidangan ini telah berjaya meletakkan imej IAB di peringkat antarabangsa disamping dapat meningkatkan kefahaman para peserta dalam aspek kepimpinan dan pengurusan pendidikan hasil daripada pembentangan kertas-kertas kerja dan kertas utama.



Sebahagian daripada pembentang kertas kerja

5.4.12 BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN TRANSFORMASI PENDIDIKAN MELALUI PENGGUNAAN PERANTI PINTAR UNTUK KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI KPM

Bengkel pemantapan pengurusan transformasi pendidikan melalui penggunaan peranti pintar telah dijalankan sebanyak dua siri pada 7hb dan 14hb Jun 2013 bertempat di IAB Bandar Enstek, Nilai. Fokus utama bengkel adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang fungsi yang ada dalam peranti pintar yang membolehkan capaian maklumat secara serta merta dalam membantu meningkatkan keberkesanan organisasi.

Bengkel yang dihadiri oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian daripada KPM ini mendapat sambutan yang menggalakkan. Seramai 30 orang peserta telah melibatkan diri dalam bengkel ini dan diberi pendedahan tentang kepelbagaian peranti pintar dan sistem pengoperasiannya. Selain itu, peserta diberikan pendedahan aplikasi Pengurusan Pengetahuan dan pada akhirnya peserta dapat memanfaatkan *Personal Information Management* dalam amalan pengurusan.



Sesi latihan peranti pintar



Peserta peranti pintar dalam kalangan pengurusan tertinggi KPM

Berkongsi maklumat dan pengetahuan berkaitan isu-isu pengendalian program berkenaan bersama komuniti di sekolah bagi membantu mengatasi masalah pengurusan di sekolah.

5.4.13 SEMINAR PENGURUSAN KOMUNITI MEMBANTU PROGRAM LINUS

Seminar ini telah berjaya dilaksanakan buat pertama kalinya di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara pada 27 – 30 Mei 2013. Majlis perasmian disempurnakan oleh Y. Bhg Dato Hj Shufaat bin Tumin, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. Tema seminar pada kali ini adalah “Transformasi Pendidikan Bersama LINUS”. Seminar ini telah dihadiri oleh 120 peserta yang terdiri daripada Guru Besar, Guru Penolong Kanan, Pegawai FesiLINUS JPN dan PPD, Pensyarah IAB dan Pensyarah IPGM.

Objektif:

- Memahami konsep dan cara pengendalian Program LINUS dengan betul.
- Menambah ilmu pengetahuan serta meningkatkan kemahiran tentang pengurusan program berkenaan di sekolah dengan berkesan.
- Berkongsi maklumat dan pengetahuan berkaitan isu-isu pengendalian program berkenaan bersama komuniti di sekolah bagi membantu mengatasi masalah pengurusan di sekolah.
- Membina kerjasama dengan seluruh warga pendidikan dan komuniti setempat untuk mencapai kecemerlangan pendidikan khususnya dalam menjayakan setiap program anjuran KPM.

Pengisian Seminar

Sepanjang seminar ini berlangsung, terdapat satu ucaptama, tiga ceramah, tiga perkongsian pengalaman dan satu forum telah disampaikan oleh para pembentang dan ahli forum terdiri daripada pegawai pendidikan bahagian KPM, Guru Besar, Guru Penolong Kanan, Guru LINUS, Pegawai FesiLINUS JPN dan PPD, dan Pensyarah IAB. Keterangan pengisian adalah seperti yang terkandung dalam jadual berikut:

Ucaptama dan Ceramah

Bil	Nama Pembentang	Tajuk
1.	Ybhg. Dato’ Hj. Shufaat bin Tumin Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, KPM	Majlis Perasmian dan Ucaptama
2.	Pn. Ho Wooi Cheng Ketua Sektor, Sektor Bahasa dan Kemanusiaan, Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM	Latarbelakang dan Perkembangan Program LINUS
3.	YBhg Dato’ Ibrahim bin Mohamad Mantan Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM	Strategi Penglibatan ibubapa dan Komuniti dalam Program LINUS
4.	Tn. Hj Ahmad Rusli bin Din Ketua Nazir Negeri Kedah	Dapatan Pemeriksaan LINUS di sekolah

BAB 5

PROGRAM KHAS

Seminar ini telah menjadi medan pertukaran dan percambahan ilmu, maklumat, pengalaman dan amalan terbaik dalam kalangan warga pendidikan yang hadir.

Perkongsian Pengalaman LINUS

Bil	Pembentang	Tajuk
1	En. Nazri bin Abdul Hamid Guru Besar SK Bayan Lepas 2, Pulau Pinang.	Perlaksanaan Program LINUS di sekolah
2	Pn. Rasmin Arni binti Alias Guru LINUS, SK USJ12, Subang Jaya	Teknik Didik Hibur dalam Pengajaran LINUS
3	Pn. Rohayati binti Osman Pegawai LINUS, PPD Gua Musang, Kelantan Pn Salma binti Abdul Rahman Pegawai LINUS, PPD Kota Bharu, Kelantan	Gerak Kerja LINUS Peringkat Negeri Kelantan

Selain itu, satu forum bertajuk Isu dan Cabaran Pengurusan Program LINUS di sekolah dikendalikan oleh tiga orang ahli panel iaitu: 1) En. Shamsuri Sujak, Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, 2) En. Ahmad bin Yusof, Lembaga Peperiksaan Malaysia, KPM, dan 3) En. Ramlee bin Abu Bakar, Guru Besar SK Dato' Wan Kemara, Changlun, Kedah.

Rumusan

JULAI	603	564
OGOS	325	216
SEPTEMBER	302	248
OKTOBER	341	273
NOVEMBER	227	149
DISEMBER	413	154
JUMLAH	3572	3147



Jadual menunjukkan jumlah pengguna di Pusat Sumber IABI & IABU yang direkodkan sehingga Disember 2013. Jumlah pengguna paling aktif adalah pada bulan Julai yang menunjukkan jumlah pengguna seramai 603 di IABI dan 564 orang di IABU.

Jumlah pengguna bilik multimedia pusat sumber IABI dari bulan Januari hingga Disember 2013

BULAN	JANUARI - SEPTEMBER	
	IABI	IABU
Bilangan pengguna bagi perkhidmatan di bilik Multimedia / Internet	86	23


Jadual menunjukkan jumlah penggunaan perkhidmatan internet bagi bulan Januari hingga September tahun 2013. Jumlah keseluruhan pengguna di bilik multimedia bagi Pusat Sumber IABI dan IABU sehingga Disember 2013 ialah 86 dan 17 orang.

Pelaksanaan perkhidmatan MYLIB di Institut Aminuddin Baki

MYLIB adalah projek perintis kepada Sistem Perpustakaan Digital Nasional atau Sistem Perdana. Perkhidmatan ini adalah suatu usaha Perpustakaan Negara Malaysia untuk membawa maklumat kepada rakyat dan untuk membantu

mengusahakan 'Knowledge Society'. MYLIB adalah portal yang merupakan gerbang kepada sumber ilmu dan maklumat seperti pangkalan data komersil, tesis, katalog perpustakaan, abstrak dan indeks. Portal MYLIB mempunyai 2 jenis pangkalan data iaitu pangkalan data bukan komersial iaitu *public domain* dan pangkalan data komersial iaitu *private domain*. *Public Domain* boleh diakses oleh sesiapa sahaja dan dimana sahaja. Ianya merupakan *hyperlink* kepada maklumat am seperti surat khabar, majalah, peta, kertas persidangan, persidangan buku baru, ulasan buku, Laporan berkaitan Malaysia dan antarabangsa. *Private Domain* adalah berdasarkan langganan dan hanya boleh diakses oleh ahli konsortium Perpustakaan Negara Malaysia yang dianggotai oleh 72 institusi termasuk Institut Aminuddin Baki (IAB). Bermula pada tahun 2010, pengguna di IAB telah diberikan kata nama dan kata laluan yang telah diberikan khas oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk mengakses kepada pangkalan data Mylib. Antara pangkalan data yang disediakan adalah seperti berikut;

1. EBSCO
2. BLISS Bernama
3. HW Wilson ebook Library
4. Encyclopedia Britannica Online
5. Overdrive (ebook)
6. Credo Reference
7. Zinio (emajalah)
8. Library Pressdisplay



*Perkhidmatan
Pusat Sumber
memainkan
peranan yang
penting dalam
perkembangan
bidang pendidikan
dan pembangunan
intelektual
masyarakat.*

Repositori IAB

Repositori Institut Aminuddin Baki telah dibangunkan pada tahun 2012 berfungsi sebagai repositori institusi bagi menyimpan, mengumpul dan menyediakan hasil penerbitan karya ilmiah institusi. Bahan-bahan yang dimuatkan dalam aplikasi ini ialah hasil penerbitan Institut Aminuddin Baki berkaitan *Educational Leadership and Management* (ELM) serta bahan audio dan video. Penubuhan repositori ini merupakan pendekatan terkini dunia teknologi maklumat di mana semua hasil karya penulisan dan terbitan institusi berkenaan dikumpul, disusun, dipelihara dan disebar untuk tujuan perkongsian ilmu. Penubuhan repositori turut menekankan aspek kecenderungan akses terbuka bagi membolehkan komunikasi ilmiah dilakukan dengan lebih ekonomik.

Jumlah bahan ELM yang telah dimuatnaik dari Januari-Disember 2013	Jumlah pelawat sehingga Disember 2013
232	1791

Impak / pencapaian

Perkhidmatan Pusat Sumber memainkan peranan yang penting dalam perkembangan bidang pendidikan dan pembangunan intelektual masyarakat. Penyediaan koleksi sumber maklumat elektronik secara atas talian melalui perkhidmatan pangkalan data Mylib dan repositori institusi menjadikan maklumat amat penting untuk meningkatkan penyertaan institusi dalam arena pengembangan ilmu yang lebih besar dan mewujudkan komuniti berbudaya ilmu. Matlamat perkongsian maklumat secara global dan pengumpulan harta intelek institusi dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan berkesan seterusnya memangkin kepada penemuan serta penemuan ilmu baru yang lebih pantas dan ekonomik. Kemudahan teknologi yang kian pesat ini telah dapat meningkatkan kecekapan sistem pengurusan organisasi bahan perpustakaan dari segi perolehan bahan, pengkatalogan, sirkulasi dan perkhidmatan pengguna.



BAB 7



INSTITUT AMINUDDIN BAKI
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA



IAB Repository

[Home](#) | [About](#) | [Browse by Year](#) | [Browse by Subject](#) | [Browse by Division](#) | [Browse by Author](#)

[Login](#) | [Create Account](#)

LATIHAN BERORIENTASIKAN PERTUMBUHAN UNTUK PEMIMPIN PENDIDIKAN

Khair, Mohamad Yusof (2006) LATIHAN BERORIENTASIKAN PERTUMBUHAN UNTUK PEMIMPIN PENDIDIKAN. Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-13 2006. pp. 121-126. ISSN 983-9479-17-2



PDF - Published Version

[Download \(359Kb\)](#)

Abstract

Sistem pemilihan dan latihan untuk melahirkan barisan kepimpinan pendidikan perlu dimantapkan selaras dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan. Aspek ini perlu diberi keutamaan kerana pemimpin institusi pendidikan memainkan peranan penting dan utama dalam melaksanakan perubahan dan pembangunan pendidikan negara. Penguasaan ilmu dan kemahiran pengurusan di kalangan pemimpin pendidikan juga perlu dipertingkatkan menerusi program latihan yang komprehensif dan bersepadu. Kertas kerja ini membincangkan Model Latihan Berorientasikan Pertumbuhan Untuk Pemimpin Pendidikan (Growth-Oriented Training for Educational Leaders) yang dirancang untuk dilaksanakan bagi melahirkan barisan pemimpin institusi pendidikan pada masa depan. Pemimpin pendidikan dalam konteks kertas kerja ini merujuk kepada Pengetua, dan Guru Besar sekolah. Pemimpin Pendidikan juga meliputi pengurus dan pemimpin pendidikan di Jabatan/Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan.

Item Type: Article

Uncontrolled Keywords: latihan berorientasikan pertumbuhan, pemimpin pendidikan

Subjects: [L Education > LB Theory and practice of education > LB1600 Secondary Education. High schools](#)

Divisions: UNSPECIFIED

Depositing User: [Lib 1](#)

Paparan hadapan repositori IAB

Page: 1 of 6 Automatic Zoom



LATIHAN BERORIENTASIKAN PERTUMBUHAN UNTUK PEMIMPIN PENDIDIKAN

Dr. Khair bin Mohamad Yusof
Pengerah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pelajaran Malaysia

PENGENALAN

Sistem pemilihan dan latihan untuk melahirkan barisan kepimpinan pendidikan perlu dimantapkan selaras dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan. Aspek ini perlu diberi keutamaan kerana pemimpin institusi pendidikan memainkan peranan penting dan utama dalam melaksanakan perubahan dan pembangunan pendidikan negara. Penguasaan ilmu dan kemahiran pengurusan di kalangan pemimpin pendidikan juga perlu dipertingkatkan menerusi program latihan yang komprehensif dan bersepadu.

Kertas kerja ini membincangkan Model Latihan Berorientasikan Pertumbuhan Untuk Pemimpin Pendidikan (Growth-Oriented Training for Educational Leaders) yang dirancang untuk dilaksanakan bagi melahirkan barisan pemimpin institusi pendidikan pada masa depan.

Pemimpin pendidikan dalam konteks kertas kerja ini merujuk kepada Pengetua, dan Guru Besar sekolah. Pemimpin Pendidikan juga meliputi pengurus dan pemimpin pendidikan di Jabatan/Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan.

LATIHAN BERORIENTASIKAN PERTUMBUHAN

Dari segi konsep, latihan berorientasikan pertumbuhan bermaksud satu bentuk latihan yang mempunyai laluan kerjaya yang jelas dan diiktiraf oleh agensi pusat atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai sebahagian daripada kelayakan untuk laluan kerjaya yang lebih tinggi, mempunyai laluan yang lestari (sustainable) dan berteraskan talent management melalui proses pembinaan (grooming) yang berterusan. Kaedah latihan ini juga selari dengan konsep pendidikan sepanjang hayat.

Model Laluan Kerjaya Keguruan

Antara bahan yang terdapat dalam repositori

Pusat Sumber berfungsi sebagai sebuah pusat penyimpanan, pendokumentasian dan penyebaran ilmu pengetahuan yang berperanan sebagai pemelihara dan pemuliharaan khazanah intelek negara. Usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan serantau harus bermula dengan meningkatkan kualiti di bidang sokongan seperti perkhidmatan Pusat Sumber. Penekanan terhadap kualiti dalam perkhidmatan Pusat Sumber perlu diberi perhatian bagi melahirkan masyarakat yang berbudaya membaca serta cintakan ilmu dalam mencapai wawasan dan hasrat Malaysia untuk melahirkan komuniti yang berilmu dan bermaklumat.



Pelbagai kemudahan yang terdapat di Pusat Sumber IAB

Masa yang lepas itu sesungguhnya telah meninggalkan kamu, tetapi masa akan datang sentiasa melawat kamu apabila kamu hitungkan apa yang sudah berlalu, biarkanlah, maka wajib atas kamu menghitung pula masa yang di hadapan itu pelawat bagi kemajuan dan kebahagiaan (Pujangga).



Inovasi & Pengiktirafan

BAB 8

Kumpulan Inovasi & Kreatif (KIK)
Amalan 5S



8.1 LAPORAN KUMPULAN INOVASI KREATIF INSTITUT AMINUDDIN BAKI

*KMK yang
diamalkan di
Institut Aminuddin
Baki sejak lama
dahulu dan
membuktikan
kemampuannya
untuk menghasilkan
penyelesaian
masalah kerja
dan inovasi sistem
kerja.*



Pengenalan

Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) sebelumnya dikenali sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK). KMK telah diamalkan di Institut Aminuddin Baki sejak lama dahulu dan membuktikan kemampuannya untuk menghasilkan penyelesaian masalah kerja dan inovasi sistem kerja. KIK IAB yang diberi nama *Inno Vision* dari Jabatan Pengurusan Inovasi dan Standard Latihan (Pusat Pembangunan Organisasi) ditubuhkan pada awal kepada Januari 2012 bertujuan untuk mengenalpasti dan mencari jalan penyelesaian beberapa permasalahan pelaporan pengurusan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan IAB sebagai Premier Centre 2012 – 2016. Keahlian KIK *Inno-Vision* merentasi pelbagai jabatan dan mempunyai kemahiran bersilang tetapi saling melengkapi antara satu sama lain.

Selain dari Kumpulan *Inno-vision*, IAB juga telah menubuhkan satu lagi kumpulan KIK iaitu kumpulan I-PEAK bagi tahun 2013. Keahlian kumpulan ini juga merentasi pelbagai jabatan.

Objektif

Objektif aktiviti KIK di IAB adalah untuk:

- Meningkatkan kompetensi diri staf.
- Membudayakan pengurusan secara penyertaan (*participative management*).
- Melaksanakan penambahbaikan berterusan dan menambah nilai penyampaian perkhidmatan secara kreatif dan inovatif .
- Menjamin kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

KUMPULAN INOVASI KREATIF (KIK) *INNO-VISION*

Kumpulan Inno-Vision IAB telah menerima Anugerah Emas Peringkat Wilayah dan mewakili Kementerian Pendidikan Malaysia dalam konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan.

Tahun 2013, Jabatan Inovasi dan Standard Latihan (JPISL) dari Pusat Pengurusan Organisasi, Pusat Penyelidikan dan ICT bersama Pusat Kepimpinan Pendidikan telah diamanahkan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi IAB untuk mengambil bahagian dalam konvensyen KIK mewakili Kementerian Pendidikan Malaysia peringkat wilayah. Sebanyak 64 pasukan telah bertanding di Wilayah Timur pada 24 hingga 26 Jun 2013 yang lalu. Kumpulan *Inno-Vision* IAB telah berjaya dipilih untuk menerima Anugerah Emas Peringkat Wilayah dan seterusnya mewakili Kementerian Pendidikan Malaysia dalam konvensyen KIK Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 1 hingga 3 Oktober 2013 di Gambang Resort City, Kuantan, Pahang.



Bersama-sama sijil dan plak kemenangan



Ahli-ahli kumpulan Inno-Vision

Kebaikan dan Kelebihan

Pasukan *Inno-Vision* yang memperkenalkan *Link-Filing* iaitu satu sistem baharu dalam pengurusan penyimpanan dokumen dan rekod serta capaian semula dokumen dan rekod serta penyediaan laporan KPI melalui *online* meneruskan proses penyeragaman projek yang telah dimulakan pada tahun 2012 yang lalu.

*KIK I PEAK
dengan projek
Insyst mampu
memberi cabaran
dan saingan kepada
lain-lain pasukan
yang bakal terpilih
dalam konvensyen
berkenaan
di samping
menjulangkan
lagi nama Institut
Aminuddin Baki
setelah KIK Inno-
Vision menjuarai
Konvensyen KIK
Kementerian
Pelajaran
2012 Kategori
Pengurusan.*

KESAN PROJEK YANG DIMENANGI TERHADAP ORGANISASI

Projek ini memberi impak kepada kumpulan sasaran:

- 1) *Stake holder* dan pelanggan - Pelaporan prestasi organisasi dapat dicapai dengan cepat, tepat, berkesan dan mencapai kepuasan pelanggan.
- 2) Organisasi dapat menghasilkan produk (laporan) yang berkualiti dan mematuhi standard antarabangsa.
- 3) Peningkatan kualiti dalam proses kerja dimana kos, tenaga dan masa dapat diminimakan.
- 4) Peningkatan kemahiran dan kompetensi staf IAB dalam mengumpul, menganalisis, memantau, menyimpan dan mencapai data dengan efisien.



En. Wan Ghazali bin Wan Din dan En. Amalludin bin Sufian bergambar bersama-sama trofi yang dimenangi setelah dinobatkan berada dalam Kumpulan Emas Peringkat Wilayah Timur.

Kumpulan Inovatif Kreatif – I PEAK

Kumpulan *I-PEAK* ini ditubuhkan pada awal 2013 bagi meneruskan cabaran Institut Aminuddin Baki diperingkat Kementerian Pendidikan Malaysia. Seramai 11 orang ahli termasuk fasilitator terdiri dari Dr. Sulaiman bin Hashim, Syed Putra bin Syed Ali, Hj. Paridon bin Hj. Sahid, Pn. Siti Hadijah binti Alwi, En. Hazlan bin Ali, En. Ekhwan bin Besah @ Sitam, En. Mohd Nazrul bin Mustafa, Hj. Hamzah bin Mohd Taib, En. Mahathir Fansuri bin Azizan dan Aziah binti Samichan, dan Wan Mohd. Khairul bin Wan Isa bergabung tenaga kepakaran dan pengalaman bagi menyiapkan dokumentasi proses projek *Insyst* bagi menyelesaikan permasalahan pemilihan peserta kursus yang tidak sejajar dengan kompetensi kerjaya yang diperlukan (*i permohonan*).

Kaedah Konvensyen KIK pada tahun ini telah diubah formatnya pertandingannya kepada penilaian buku projek terlebih dahulu kemudian diikuti dengan pelaksanaan konvensyen untuk kumpulan yang layak sahaja bagi memastikan hanya projek dan proses yang bermutu sahaja membuat persembahan dalam Konvensyen KIK Kementerian Pendidikan Malaysia. Sinopsis projek dan buku projek perlu dihantar kepada urus setia konvensyen pada atau sebelum 2 Oktober 2013 untuk disemak oleh panel penilai. Kumpulan *I-PEAK* telah berjaya mematuhi arahan awal berkenaan.

Adalah diharapkan KIK *I PEAK* dengan projek *Insyst* mampu memberi cabaran dan saingan kepada lain-lain pasukan yang bakal terpilih dalam konvensyen berkenaan disamping menjulangkan lagi nama Institut Aminuddin Baki setelah KIK *Inno-Vision* menjuarai Konvensyen KIK Kementerian Pelajaran 2012 Kategori Pengurusan.

8.2 LAPORAN AMALAN 5S INSTITUT AMINUDDIN BAKI, GENTING HIGHLANDS

Pengenalan

Amalan 5S merupakan satu kaedah pengurusan yang dipelopori oleh pihak industri di Negara Jepun bertujuan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat.

Amalan 5S merupakan satu kaedah pengurusan yang dipelopori oleh pihak industri di Negara Jepun bertujuan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat. Institut Aminuddin Baki, (IAB) Genting Highlands telah melancarkan program Amalan 5S pada 14 Februari 2012. Serentak dengan itu, pelbagai program telah diatur bagi memantapkan pelaksanaannya seperti gotong-royong perdana, latihan dalaman kepada semua penyelarasan pusat dan jawatankuasa pelaksana, lawatan penandaarasan ke Kementerian Pengajian Tinggi di Putrajaya dan audit dalaman.

Pembahagian Zon 5S IAB dibuat berdasarkan sembilan pusat yang ada di IAB dan dinamakan mengikut tema ciri kepimpinan dan pengurusan seperti intelek, kaliber dan karisma bersesuaian dengan fungsi IAB sebagai Pusat Latihan Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan.

Pelaksanaan 5S di IAB juga berdasarkan budaya pengurusan persekitaran kerja yang mengutamakan kebersihan, kekemasan, keceriaan dan keselamatan dalam penyampaian perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan dengan slogan “IAB Kondusif, Warga Produktif”.



Logo Amalan 5S IAB

Objektif Amalan 5S IAB

- Mewujudkan suasana bersih, kemas, tersusun dan teratur serta selamat.
- Mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif dan mudah diselenggara.
- Meningkatkan motivasi dan disiplin dalam kalangan warga IAB.
- Memupuk semangat sepasukan.
- Memupuk nilai tanggungjawab terhadap kemudahan pejabat.
- Membina penambahbaikan berterusan dalam peningkatan kualiti organisasi.

Kejayaan Memperoleh Pensijilan Amalan 5S MAMPU

Selepas setahun pelancarannya, pengauditan oleh pihak MAMPU telah dilaksanakan pada 4 April 2013 bagi tujuan pensijilan dan IAB telah berjaya memperoleh Pensijilan Amalan 5S MAMPU pada 18 April 2013.



Sesi Pengauditan Dokumentasi oleh tiga orang juruaudit MAMPU di Bilik Mesyuarat Tingkat 7



Wajah kegembiraan warga IAB Selesai pengauditan Amalan 5S MAMPU



SIJIL AMALAN 5S

Adalah dengan ini disahkan bahawa:

**INSTITUT AMINUDDIN BAKI,
GENTING HIGHLAND**

telah memenuhi keperluan kriteria komponen
Sistem Pengurusan Persekitaran Kerja
melalui Amalan 5S berikut:

Komponen A : Perancangan dan Penubuhan Jawatankuasa

Komponen B : Ruang Tempat Kerja dan Peralatan

Komponen C : Persekitaran Tempat Kerja dan Kemudahan

Sijil Semasa : 18 April 2013

Sijil Tamat : 18 April 2015

DATO' DR. MAZLAN YUSOFF
Timbalan Ketua Pengarah (PT)



Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

Sijil Amalan 5S Institut Aminuddin Baki yang diterima daripada pihak MAMPU

Impak Pelaksanaan dan Pensijilan Amalan 5S di IAB

Impak daripada pensijilan ini juga, IAB telah disarankan oleh pihak MAMPU sebagai institusi latihan yang boleh dicontohi dalam pelaksanaan Amalan 5S di negara ini.

Pelaksanaan Amalan 5S di IAB dan Pensijilan Amalan 5S oleh pihak MAMPU telah berjaya mencapai objektif pelaksanaannya dan membawa impak positif sama ada dari aspek fizikal persekitaran tempat kerja mahupun budaya kecemerlangan dalam kalangan warganya. Melalui pensijilan Amalan 5S, IAB telah diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang mengamalkan Sistem Pengurusan Persekitaran Kerja Berkualiti melalui Amalan 5S. Pengiktirafan ini juga menjadi pelengkap kepada Pensijilan MS ISO 9001: 2008 daripada Moody International.

Impak daripada pensijilan ini juga, IAB telah disarankan oleh pihak MAMPU sebagai institusi latihan yang boleh dicontohi dalam pelaksanaan Amalan 5S di negara ini. Sejak memperoleh pensijilan pada 18 April 2013 sehingga September 2013, IAB telah ditanda aras oleh tiga agensi iaitu Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi, Institut Kemahiran Belia Negara Peretak, Kuala Kubu Bharu dan Jabatan Kerja Raya Daerah Bentong, Pahang.

Delegasi daripada Institut Kemahiran Belia Negara, Peretak, Kuala Kubu Bharu, Selangor yang terdiri daripada 25 orang pegawai dan diketuai oleh Timbalan Pengarah Kemahiran IKBN iaitu Puan Siti Muhariah binti Untong telah datang berkunjung ke IAB pada 8 Julai 2013. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman IAB dalam melaksanakan Amalan 5S.



Delegasi IKBN bersama-sama Ahli Jawatankuasa Sambutan Amalan 5S IAB

IAB Mara ke Hadapan

BAB 9

Program Kedoktoran untuk Pensyarah
SJQ

Program Khas Pensiswazahan Guru Besar



9.1 LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM PENSARJANAAN PhD PENSYARAH INSTITUT AMINUDDIN BAKI

Pengenalan

Institut Aminuddin Baki menuju ke arah Premier Centre menjelang tahun 2016 dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan di Malaysia. Setiap pensyarah di IAB perlu memperolehi Master Trainer dalam kategori *trainer, master trainer, coach dan master coach*. Pelaksanaan program pensarjanaan peringkat kedoktoran ini bertujuan untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan seseorang pensyarah IAB .

Berdasarkan analisis keperluan, IAB menghadapi kekurangan pensyarah yang memiliki ijazah lanjutan di peringkat doktor falsafah. Sehingga Disember 2012, IAB hanya mempunyai 38 (10.3%) orang pensyarah yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah berbanding dengan jumlah bilangan pensyarah seramai 372 orang. Seramai 297 orang pensyarah IAB yang mempunyai ijazah sarjana tidak berpeluang mendapat tajaan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa untuk melanjutkan pengajian di peringkat ijazah lanjutan kerana melebihi umur 42 tahun.

Jadual 1 : Bilangan pensyarah mempunyai PhD dan Sarjana Disember 2012

Umur	PhD	Sarjana
Kurang 40 tahun	1	39
41-46 tahun	6	92
47-50 tahun	16	122
51-58 tahun	15	83
Jumlah	38	336

Sehubungan itu, satu perancangan pensarjanaan pensyarah IAB perlu dirangka dan dilaksanakan bagi mencapai sasaran 40.1% pensyarah IAB memiliki Ijazah Doktor Falsafah menjelang 2021.

Sasaran

Pensyarah-pensyarah Institut Aminuddin Baki

Objektif

1. Melahirkan para pensyarah yang berperanan sebagai pakar pembangunan organisasi.
2. Memerlukan lebih ramai pensyarah sebagai para penyumbang pemikiran dan pemikir (think-tank) dalam banyak program berkaitan pengurusan dan kepimpinan pendidikan pada peringkat KPM.
3. Melahirkan lebih ramai pensyarah yang memegang ijazah kedoktoran untuk membolehkan mereka memberikan sumbangan yang lebih mantap dan berkesan.

Cadangan Pelaksanaan Pensarjanaan Pensyarah IAB

Bagi memenuhi sasaran 40.1% pensyarah IAB memiliki Ijazah Doktor Falsafah menjelang 2021 perkara berikut dirancang :

1. Melaksanakan Program Khas Pensarjanaan Pensyarah IAB-KPM
2. Menggalakkan dan mendorong pensyarah IAB mengikuti pengajian peringkat ijazah kedoktoran di IPTA dengan pembiayaan sendiri.
3. Mengambil calon pensyarah baharu yang memiliki ijazah kedoktoran.
4. Menyediakan laluan kerjaya pensyarah bagi mengekalkan pensyarah berkualiti dan menarik minat pensyarah-pensyarah institusi luar untuk berkhidmat di IAB.
5. Meningkatkan peratus kelulusan pensyarah yang sedang belajar.

Program melaksanakan Program Khas Pensarjanaan Pensyarah IAB ialah melalui Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB).

Jadual 2 : Pemegang Ph.D. Dalam Kalangan Pensyarah Sehingga 31 September 2013

BIL	TAHUN	BILANGAN PENSYARAH (PhD)	BILANGAN PENINGKATAN
1	2010	25 ORANG	-
2	2011	31 ORANG	6 ORANG
3	2012	38 ORANG	7 ORANG
4	2013	42 ORANG	4 ORANG

Jadual 3 : Status Pengajian Peringkat Ph.D. Dalam Kalangan Pensyarah IAB Sehingga September 2013

BIL	STATUS PENSYARAH	JUMLAH
1	Memiliki ijazah Ph.D.	42 orang
2	Sedang mengikuti	35 orang
3	Akan mengikuti	20 orang
JUMLAH KESELURUHAN		97 orang

Jadual 4 : Pelan Perlaksanaan Program Khas Pensarjanaan Kedoktoran Pensyarah IAB 2013 - 2016

BIL	NAMA PROGRAM	MOD	PERINGKAT	UNJURAN PENGAMBILAN					
				2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
1	Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)	Sepenuh masa	Ph.D.	3	3	3	3	3	15
2	Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB)	Sepenuh masa	Ph.D.	8	8	8	8	8	40
3	Tanggungjawab Sendiri	Sambilan	Ph.D.	5	7	9	11	13	45
JUMLAH				16	18	20	22	24	100

Rumusan

Pelaksanaan program pensarjanaan ijazah kedoktoran bagi pensyarah Institut Aminuddin Baki merangkumi beberapa bidang pengkhususan yang menekankan kepada Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan, *Leadership Coaching dan Mentoring, Talent Management dan School Improvement Program*. Sehubungan itu, satu perancangan pensarjanaan pensyarah IAB perlu dirangka dan dilaksanakan bagi mencapai sasaran 40.1% pensyarah IAB memiliki Ijazah Doktor Falsafah menjelang 2021.

9.2 KONSEP PENGURUSAN BERSEPADU SEKTOR JAMINAN QUALITI (SJQ) DENGAN IAB

Fungsi dan peranan IAB

*SJQ sentiasa
mendapat arahan,
bimbingan
dan nasihat
daripada
berbagai-bagai
bahagian
KPM.*

IAB telah melaksanakan berbagai tugas dan tanggungjawab dalam membimbing dan memantapkan pengurusan pendidikan semenjak ditubuhkan, terutamanya semenjak tahun 1984. IAB mempunyai tanggungjawab besar memantapkan sistem pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang cemerlang di negara ini melalui latihan kepimpinan yang diberikan dari masa ke semasa dalam melahirkan pemimpin-pemimpin sekolah yang dapat melonjakkan tahap pendidikan selari dengan arus pembangunan negara. Dalam perkembangan dunia pendidikan yang semakin dinamik dan kompleks IAB telah diberi kepercayaan melaksanakan 17 inisiatif berkaitan dengan Anjakan Kelima dan Keenam PPPM 2013-2025 yang tercatat *NKRA* dan tranformasi pendidikan pendidikan negara. Ini selari dengan konsep *Premier Centre*, IAB 2012-2016. Sehubungan dengan ini IAB sebagai pusat latihan kepimpinan dan pengurusan terulung di negara ini memastikan program-program yang ditawarkan dapat membangunkan organisasi pendidikan di seluruh negara sehaluan dengan aspirasi kerajaan. *Core-business* IAB adalah memertabatkan sistem pendidikan negara. Dalam konteks meningkatkan keberkesanan SJQ. IAB juga telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan berbagai perkara dalam meningkatkan kecekapan pemimpin-pemimpin pendidikan di berbagai peringkat melalui bimbingan, pemantauan, kawalan dan penambakan berterusan melalui berbagai kursus, program, aktiviti, seminar dan sebagainya.

Fungsi dan peranan SJQ

SJQ sentiasa mendapat arahan, bimbingan dan nasihat daripada berbagai-bagai bahagian KPM dan jabatan semenjak ditubuhkan pada 1 Jun 2007 dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang dimandatkan kepadanya. IAB, JNJK, BPSM, BPSH dan JPN sentiasa bekerjasama dalam menjayakan mandat asal diberikan kepadanya seperti yang disenaraikan di bawah iaitu;

- Pentaksiran dan penilaian.
- Penyeliaan Mental Pendidikan/pembimbing hala tuju pendidikan.
- Mengekal jaminan kualiti.
- Mengamalkan penyelidikan.
- Pegurusan sumber.

Fungsi-fungsi di atas dilaksanakan melalui pendekatan berhemah melalui *coaching* dan *mentoring*. Pengetua-pengetua dibimbing dalam aspek-aspek di atas untuk meningkatkan kecemerlangan organisasi sekolah. Semakin hari tugas sektor ini menjadi semakin kompleks berdasarkan punca kuasa surat BPSM KPM bertarikh 9 Oktober 2008. Walaupun terdapat pekeling-pekeling tambahan selepas pembentukan rasmi SJQ pada 1 Jun 2007 tetapi fungsi utamanya masih dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Jaminan kualiti dan Unit Kepiawaian dan dokumentasi (kepimpinan dan inovasi). Di samping *core business* utama dibahagikan kepada dua fungsi di atas, SJQ juga melaksanakan berbagai-bagai tugas tambahan seperti sekretariat dokumentasi utama JPN, mengurus amalan 5S, pengurusan dokumentasi dan sistem fail, bahagian aduan korporat, pemilihan tokoh guru negeri dan sekolah berprestasi tinggi. Bagaimana tugas-tugas yang semakin kompleks ditangani dengan bilangan pegawai yang terhad dan bilangan sekolah yang semakin meningkat.

*Melalui konsep
pengurusan
bersepadu IAB
dan SJQ, isu
pengurusan
sekolah
berprestasi
rendah dapat
ditingkatkan
keberkesannya.*

Fungsi dan Peranan bersepadu dan peranan IAB/SJQ

Apa dia konsep fungsi bersepadu? Konsep ini mampu menyelesaikan beberapa isu berkaitan. Isu berkaitan pertindihan arahan/tanggungjawab diterima dari berbagai-bagai bahagian/jabatan dan skop kerja yang semakin luas dan kompleks. IAB telah melaksanakan berbagai-bagai fungsi utama dalam memantapkan kepimpinan dan pengurusan pendidikan di Malaysia. IAB mempunyai banyak kelebihan dan kepakaran dalam membentuk pemimpin-pemimpin sekolah dari berbagai-bagai sudut. Di samping itu IAB menjadi rujukan terhadap penyelidikan berkaitan perkembangan-perkembangan terbaru dalam arus perkembangan pendidikan kebangsaan. Memandangkan IAB memainkan peranan penting dalam membentuk pemimpin-pemimpin pendidikan di berbagai-bagai peringkat dengan menganjurkan berbagai-bagai kursus kepimpinan dan pengurusan.

Oleh itu, sesuaiilah SJQ dikawal selia oleh IAB yang banyak mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara secara berterusan. Terdapat banyak tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh SJQ dan banyak tanggungjawab ini dimurnikan dengan kerjasama dengan IAB melalui program-program seperti:

- Sipartner +
- ProD
- Memperkasa dan memperkaya sekolah
- Coaching & Mentoring
- *Blue Oceaon*
- *Benchmarking*
- Kajian keberkesanan

Program-program ini amat penting dalam meningkatkan prestasi sekolah. Program-program ini merupakan pertindihan tugas yang jelas di antara IAB dan SJQ JPN. Dalam laporan kajian fungsi dan hala tuju SJQ JPN yang diadakan oleh IAB, yang terdiri daripada 16 responden iaitu pegawai-pegawai SJQ JPN. Hasil kajian ini menunjukkan 60 peratus daripada fungsi SJQ telah dibantu oleh IAB. Oleh itu, kita dapat melihat kesepaduan tugas dan tanggungjawab diantara IAB dan SJQ dalam memertabatkannya seperti yang digambarkan dalam Gambarajah 1 di sebelah. Terdapat beberapa isu yang timbul dalam memertabatkan SJQ iaitu;

1. Bagaimana menangani pengurusan sekolah-sekolah yang mempunyai pencapaian prestasi yang rendah.
2. Mendapat arahan dari berbagai-bagai pihak dan menimbulkan kekeliruan dan pertindihan amanah dan tanggungjawab. Terdapat banyak pandangan tentang kekurangan dalam pelaksanaan SJQ di JPN pada masa sekarang. Kekurangan ini disebabkan oleh beberapa pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal selia SJQ tidak mempunyai kata sepakat.
3. Tugas dan tanggungjawab SJQ semakin hari semakin bertambah dan kompleks serta lari dari fungsi asalnya.

Bagaimana isu-isu boleh ditangani melalui konsep bersepadu;

1. Melalui konsep pengurusan bersepadu IAB dan SJQ, isu pengurusan sekolah berprestasi rendah dapat ditingkatkan keberkesannya melalui pemantapan program-program berkaitan SJQ yang dilaksanakan oleh IAB sekarang.
2. IAB dan SJQ perlu berganding bahu dan mewujudkan kerjasama yang lebih erat dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan pengurusan kualiti pendidikan yang mana kekurangan yang dialami sekarang boleh diatasi dengan meletakkan SJQ di bawah bimbingan dan kawalan IAB. Oleh itu, pertindihan arahan dan gangguan dalam pelaksanaan mandat asal SJQ dapat dielakkan.

BAB 9

3. Melalui konsep bersepadu dapat memudahkan tumpuan pada perjalanan SJQ yang mana sumber manusia dan kompetensi bertambah lebih mantap.

Mengikut mandat asal penubuhannya terdapat dua fungsi utama yang perlu dilaksanakan iaitu kepimpinan dan inovasi (Unit Jaminan Kualiti dan Unit Kepiawaian dan Dokumentasi). Di samping itu, SJQ sentiasa menangani isu dan cabaran sekolah untuk meningkatkan prestasi dan pencapaian sekolah-sekolah ke tahap terbaik serta dijadikan kayu ukur oleh sekolah-sekolah yang mempunyai pencapaian yang kurang memuaskan. SJQ sentiasa berusaha bagi meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran secara berterusan dalam melonjakkan sistem pendidikan negara. Fungsi utama SJQ ialah meningkatkan kualiti pengurusan dan pentadbiran sekolah termasuk program-program penambahbaikan mengikut arus perdana perkembangan pendidikan negara. Melalui konsep bersepadu, dapat memantau kemajuan dan menggerakkan pemimpin-pemimpin sekolah ke arah kecemerlangan dengan memangkinkan pemikiran serta tindakan-tindakan seiring dengan dasar KPM dan kerajaan.



Rajah 1 : Peranan IAB dalam SJQ

Cadangan Halatuju, Visi dan Misi SJQ

IAB berpendapat halatuju, misi dan visi SJQ hendaklah disemak semula selaras dengan tuntutan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Hala tuju

- Melahirkan pemimpin pendidikan yang berkaliber bagi merealisasikan hasrat dasar pendidikan negara.
- Melatih pemimpin sekolah berfikir dalam merancang dan mengimplikasikan rancangannya yang dapat memberikan impak yang tinggi
- Anjakan pemikiran sesuai dengan halatuju pendidikan negara

Visi

Kepimpinan sekolah berkualiti memartabatkan sistem pendidikan negara.

Misi

Membangun kepimpinan dan pengurusan pendidikan untuk mewujudkan organisasi pendidikan terbilang dengan perkhidmatan pendidikan berkualiti.

*Bagi memenuhi
keperluan
organisasi,
dasar
pendidikan,
dasar kerajaan
dan wawasan
2020,
keperluan
kompetensi
pelaksana
perlu
ditingkatkan
bagi menjamin
semua dasar
dan wawasan
negara
tercapai.*

Pembangunan kompetensi

Bagi memenuhi keperluan organisasi, dasar pendidikan, dasar kerajaan dan wawasan 2020, keperluan kompetensi pelaksana perlu ditingkatkan bagi menjamin semua dasar dan wawasan negara tercapai. Potensi pemimpin sekolah boleh ditingkatkan melalui pelbagai pendekatan berdasarkan keperluan. Kekurangan kompetensi pemimpin sekolah boleh disemak melalui analisis keperluan, pentaksiran, penilaian dan *quality check point* serta mengesan kekuatan dan kelemahan pengurusan pemimpin sekolah secara holistik. Melalui *gap-analysis* kita boleh mengukur tahap kompeten pemimpin sekolah. Dengan mengenal pasti kelemahan pemimpin sekolah kita boleh merancang, menyusun, membentuk dan melaksanakan berbagai-bagai program memperkasakan kepimpinan sekolah melalui daya pemikiran proaktif, dinamik, kreatif dan inovatif. Program-program yang dilaksanakan mestilah mempunyai *benchmarking* yang tertentu untuk mengekal jaminan kualiti (*Quality Assurance*). Penyelidikan dalam pasaran juga perlu dijalankan berkaitan dengan sifat-sifat kepimpinan semasa yang selari dengan arus pembangunan kepimpinan globalisasi dan dikaitkan dengan pencapaian organisasi. Amalan kepimpinan terbaik dalam pasaran perlu ditinjau samada sektor kerajaan, swasta, perbadanan dan pertubuhan-pertubuhan NGO yang melonjakkan kecemerlangan organisasi. Seterusnya dibuat penyelidikan dan *benchmarking*. Hasil dapatan ini dapat digunakan dalam merangka konsep kesepaduan SJQ yang hendak dibangunkan oleh IAB. Dengan kepakaran yang ada pada IAB, usaha memantapkan SJQ dengan memberikan bimbingan berterusan untuk mengekalkan sistem kualiti pengurusan sekolah secara professional, meningkatkan kualiti kepimpinan instruksional, membudayakan perkongsian pengalaman dan kejayaan Pengetua/Guru Besar secara berterusan dapat dilaksanakan. Budaya penyelidikan melalui kajian tindakan dalam melaksanakan dasar dan keputusan.

Pelaksanaan

Pelan Tindakan: Konsep Pengurusan Bersepadu SJQ Dengan IAB

Bil	Perkara / Aktiviti	Tarikh
1.	Kajian/ Laporan awal tentang kedudukan SJQ dan pertindihan arahan	April 2013
2.	Soal-selidik dan <i>feedback</i> dari 16 pegawai SJQ JPN	Mei 2013
3.	Pembentangan hasil laporan, soal-selidik dan <i>feedback</i> dalam mesyuarat pengurusan IAB	Mei 2013
4.	Pembentangan dalam mesyuarat pengarah KPM	Mei 2013
5.	Penyediaan kertas kerja Pengurusan Bersepadu SJQ Dengan IAB	Jun - Ogos 2013
6.	Pembangunan TNA	September - Oktober 2013
7.	Training Design	November - Disember 2013
8.	Perlaksanaan latihan	Januari - November 2014
9.	Pemantauan	2014
10.	Laporan dan penambahbaikan	2014

Pemantauan

Pemantauan adalah untuk memastikan setiap aktiviti dilaksanakan mengikut perancangan. Pemantauan peringkat SJQ dibuat dua peringkat manakala sekolah empat kali setahun. Pemantauan dapat menyedarkan pihak yang berkenaan terhadap sebarang masalah dan keperluan program semasa seterusnya mengambil tindakan segera dan serta merta terhadap sebarang program yang sedang berjalan secara sistematik bagi memperbaiki sebarang kekurangan yang telah dikenal pasti. Pemantauan dilaksanakan melalui dua peringkat, dan sebanyak empat kali dalam setahun.

Pemantauan di peringkat pelaksanaan dijalankan oleh SJQ. Pemantauan keseluruhan dilaksanakan oleh IAB bagi meningkatkan penambahbaikan sistem berterusan. Sektor Jaminan Kualiti boleh dijalankan sepanjang tahun. Dalam SJQ, pemantauan terbahagi kepada dua. Pertama, pemantauan kompetensi pegawai SJQ yang bertugas di setiap negeri. Seterusnya yang kedua pemantauan matriks kompetensi pemimpin sekolah. IAB akan menjalankan pemantauan terhadap SJQ di semua negeri untuk melihat kompetensi sedia ada. Manakala, pegawai-pegawai SJQ akan membuat pemantauan dan pelaporan kompetensi pemimpin sekolah.


Kejayaan P&P guru perlu dibantu oleh banyak faktor lain yang menyumbang kepada pencapaian akademik yang baik.

Penambahbaikan Berterusan

Dalam meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan sekolah serta pencapaian akademik murid, ianya tidak terletak kepada pengajaran guru dan pembelajaran murid semata-mata. Kejayaan P&P guru perlu dibantu oleh banyak faktor lain yang menyumbang kepada pencapaian akademik yang baik. Oleh itu, pemantauan dan penyeliaan kurikulum yang berkesan oleh kepimpinan instruksional di sekolah perlu menjurus kepada aspek-aspek pengurusan kurikulum, prasarana, peralatan pengajaran dan pembelajaran serta iklim sekolah yang boleh membantu ke arah keberkesanan pelaksanaan P&P tersebut. Dalam hal ini sembilan aspek pengurusan kepengetuaan seperti yang dikeluarkan oleh pihak IAB dan dimurnikan oleh Majlis Pengetua Kanan Malaysia akan digunapakai. Selain itu, Paduan Penilaian Sekolah Berprestasi Tinggi yang memerlukan senarai dokumen yang perlu ada di sekolah dan penarafan sendiri SKPM dan GPS sebagai penentu Baiah Baru (*New Deal*) akan menjadi keutamaan pemeriksaan dokumen dan taklimat yang akan dijalankan. Instrumen Penarafan Kualiti berasaskan Audit Dokumen yang telah disemak semula akan digunakan dalam program ini bersama-sama Skor Komposit NKRA yang telah diisi oleh pihak sekolah sebelum ini.

Bagi tujuan penambahbaikan berterusan dan selaras dengan situasi di sekolah pada masa ini maka lawatan berfokus yang dicadangkan adalah lebih kepada pelaporan pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2011 dengan tumpuan diberikan kepada aspek perancangan strategik dan rancangan penambahbaikan sekolah seperti yang telah didedahkan dalam Kursus Kepimpinan Transformasi dan Rujukan SKPM 3 : Pelan Penambahbaikan Sekolah.

CARTA ORGANISASI SJQ IAB



SJQ amat penting dalam meningkatkan kompetensi pemimpin sekolah selari dengan keperluan Standard Kompetensi Kepengetuaan Malaysia.

Rumusan

SJQ amat penting dalam meningkatkan kompetensi pemimpin sekolah selari dengan keperluan Standard Kompetensi Kepengetuaan Malaysia (SPKM) selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Matlamat akhir SPKM adalah memantapkan pengajaran pembelajaran di institusi-institusi pendidikan di Malaysia selaras dengan taraf pendidikan global. Pendidikan negara dapat bersaing dan duduk sama tinggi dengan dengan arus perkembangan pendidikan global.

9.3 PROGRAM KHAS PENSISWAZAHAN GURU BESAR (PKPGB)

Pengenalan

Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (PKPGB) merupakan agenda dalam Pembangunan Pendidikan 2001-2010 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mensasarkan sekurang-kurangnya 50% guru sekolah rendah mempunyai ijazah menjelang tahun 2010. Program ini dijalankan bersama dengan 10 buah IPTA yang telah mendapat kelulusan pihak JPA iaitu:

- Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Institut Teknologi MARA Shah Alam (UiTM Shah Alam)
- Universiti Institut Teknologi MARA Sarawak (UiTM Sarawak)
- Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Universiti Malaya (UM)

Pencapaian & Impak Fasa 1 (2005-2010)

Menerusi program ini yang telah dilaksanakan bermula 2005-2010 seramai 1,438 Guru Besar dan para pegawai KPM pada Gred DG 32 – 34 telah dan sedang melanjutkan pengajian mereka di peringkat ijazah pertama di IPTA terpilih. Bilangan di atas adalah termasuk pengambilan terakhir program ini seramai 108 orang untuk tahun 2010 ini yang dijangka berakhir pengajiannya pada tahun 2013. Jumlah 1,438 peserta untuk tempoh 5 tahun adalah bersamaan dengan 51.35 peratus daripada unjuran 2,800 orang peserta.

Jadual 1: Bilangan peserta PKPGB di IPTA bagi fasa 1 (2005-2010)

Bil	Universiti	Ambilan							JUMLAH
		2005	2006	2007 (1)	2007 (2)	2008	2009	2010	
1.	UUM	36	50	35	0	0	29	24	174
2.	UPSI	38	83	25	0	0	0	0	146
3.	UIA	38	41	0	0	0	0	0	79
4.	UKM	39	34	26	0	0	26	0	125
5.	UiTM Shah Alam	28	36	0	0	0	0	0	64
6.	UiTM Sarawak	25	69	50	0	73	32	22	271
7.	UTHM	41	38	38	0	0	0	28	145
8.	UTM	0	56	29	0	0	0	0	85
9.	UMS	44	57	55	43	19	23	34	275
10.	UM	0	0	30	0	44	0	0	74
		289	464	288	43	136	110	108	1438

Kenaikan Had Umur Dari 48 Tahun Ke 50 Tahun

Keputusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM bil.11/2011 pada 17 Ogos 2011 tentang cadangan had umur dinaikkan daripada 48 tahun kepada 50 tahun secara dasarnya telah dipersetujui sebulat suara oleh ahli mesyuarat sejajar dengan kenaikan syarat had umur persaraan kepada 58 tahun (pada masa tersebut). Sehubungan dengan itu, IAB telah memohon untuk menaikkan had umur peserta dari 48 tahun ke 50 tahun dan kelulusan telah diberikan oleh pihak JPA melalui surat JPA(L)S.175/4/1-1 Klt.15(6) bertarikh 10 Julai 2012. Adalah diharapkan kenaikan had umur ini akan dapat memastikan unjuran pengambilan untuk fasa kedua (2012-2017) akan mencapai sasaran.

Data pada 31 Januari 2012 menunjukkan bilangan Guru Besar belum bersiswazah dan yang layak menyertai program PKPGB seramai 1369 orang iaitu yang berumur 50 tahun ke bawah.

Jadual 2: Bilangan GB belum bersiswazah mengikut umur

UMUR	JUMLAH
SEHINGGA 50 TAHUN	1369 orang
LEBIH 50 TAHUN	1095 orang

Jadual 3: Unjuran Pengambilan dan Bilangan GB Yang Dijangka Bergraduasi Untuk Tempoh 2012 - 2017

Tahun	Unjuran Pengambilan	Dijangka Bergraduasi
2012	400	400
2013	400	800
2014	400	1,200
2015	400	1,600
2016	400	2,000
JUMLAH	2,000	2,000

Perkembangan Fasa Kedua (2012-2017) - Ambilan 2012

Pengambilan peserta PKPGB diteruskan iaitu fasa untuk tahun 2012 hingga 2017, ia merupakan perluasan program PKPGB yang telah dilaksanakan antara tahun 2005-2010. Untukambilan tahun 2012 seramai 159 orang Guru Besar dan Pegawai KPM DG32-34 telah ditawarkan tempat di 7 buah IPTA seperti berikut:

Jadual 4: Bilangan Peserta PKPGB Ambilan 2012

IPTA	Bilangan Peserta
UUM	23
UTM	21
UMS	34
UITM SARAWAK	18
UMS	21
UPSI	21
UIA	21
TOTAL	159

Jumlah calon bagi Ambilan 2012 tidak mencapai sasaran adalah kerana bilangan guru besar yang telah dikenal pasti belum siswazah tidak menerima tawaran PKPGB kerana sama ada mereka sedang belajar sendiri, sedang mengikuti PJJ, tidak berminat serta masalah kesihatan. Keadaan ini juga adalah disebabkan iklan serta tawaran mengikuti program ini hanya dibuat dalam tempoh 3 minggu sahaja kerana kenaikan had umur ke 50 tahun baru mendapat kelulusan dari pihak JPA .

Jadual 5 : Analisis Keseluruhan kehadiran Calon Temuduga PKPGB Ambilan 2012

Zon Temuduga	Jumlah Dipanggil	Jumlah Hadir	Jumlah Tak Hadir	Sokong	Tak Sokong
Induk : Selangor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, WPKL, WPPutrajaya	84	58	26	53	5
Timur: Kelantan, Terengganu	19	14	5	14	0
Utara: Perlis, Perak, Pulau Pinang, Kedah	28	23	5	23	0
Selatan: Johor	21	16	5	16	0
Sabah	45	34	11	32	2
Sarawak	38	24	14	21	3
JUMLAH	235	169	66	159	10

Tindakan Semasa

IAB sedang mendapatkan data terkini daripada pihak JPN setiap negeri tentang senarai Guru Besar Belum Siswazah, Guru Besar Bersiswazah serta Guru Besar yang Sedang Belajar. Data ini akan digunakan untuk modus operandi bagi PKPGB Ambilan 2013 di mana guru besar yang telah dikenal pasti belum siswazah dan layak mengikuti program PKPGB akan ditawarkan program PKPGB setelah melalui proses taksiran khas. Iklan serta pemberitahuan kepada semua warga pendidik juga akan dibuat dalam tempoh yang lama iaitu selama 2 bulan yang akan bermula pada Mac 2013.

Penutup

Diharapkan dengan kenaikan had umur 50 tahun program ini akan dapat meningkatkan lagi mutu dan profesionalisme keguruan di negara kita. Kenaikan had umur 50 tahun PKPGB merupakan satu usaha untuk membantu mempercepatkan hasrat kerajaan mensiswahkan semua guru besar. Program ini memberi peluang kepada pentadbir sekolah khususnya GB agar dapat menimba ilmu pengurusan pendidikan dan meningkatkan tahap profesionalisme, dan kemudian dipraktikkan di sekolah. Penguasaan ilmu yang meluas bakal melonjakkan kegemilangan pendidikan. Had umur dari 48 tahun juga dinaikkan kepada 50 tahun sejajar dengan umur bersara yang telah dinaikkan kepada 58 tahun. Ini memberi ruang kepada GB melanjutkan pelajaran dan memberi sumbangan sepenuhnya kepada pendidikan di Malaysia sebelum bersara.

BAB 9

Wahai saudagar! Ambillah yang benar,
nescaya kamu selamat. Janganlah kamu
menolak keuntungan yang sedikit kerana kamu
tidak memperolehi keuntungan yang banyak.
(Saidina Ali)



C a b a r a n P P P M

BAB 10

*Executive Enhancement Course (EEC)
State Educational Leadership Training
Programme (SELTRiP)*

Fellow Kanan

Program Residency And Immersion (PRIme)

Kepimpinan Berprestasi Rendah

Kepimpinan Berkeperluan Khusus

Kepimpinan Berprestasi Tinggi

Kepimpinan *Difficult People*



10.1 EXECUTIVE ENHANCEMENT COURSE (EEC)

Pengenalan

Pada masa kini kerajaan amat menekankan akauntibiliti kewangan dan pengurusan supaya segala pengurusan sesuatu program itu dilaksanakan secara berkesan. Untuk itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 14 Tahun 1994, dikeluarkan dan menetapkan penilaian program wajib dijalankan di bawah Sistem Belanjawan Diubahsuai (Perbendaharaan Malaysia, 2002) dan diletakkan sebagai satu landasan bagi semua tindakan pembetulan dan pengubahsuaian terhadap program yang dijalankan di peringkat organisasi.

Hasil penilaian program dapat memberi maklumat penting dan bukti kukuh mengenai beberapa aspek kritikal sesuatu program. Ia berfungsi sebagai satu alat pengurusan yang membantu proses membuat keputusan berkaitan perancangan dan pelaksanaan aktiviti. Penemuan-penemuan dari penilaian program akan memberi maklumat penting dan bukti mengenai aspek-aspek kritikal sesuatu program.

Tujuan utama penilaian pelaksanaan *Executive Enhancement Course (EEC)* ini adalah untuk mengkaji isu-isu pelaksanaan program tersebut agar pihak IAB dapat mengenalpasti aspek-aspek kekuatan yang boleh dipelajari dan dapat dimanfaatkan kepada program-program *Succession Plan* di IAB yang setara dengan program EEC. Ia juga penting untuk memastikan program EEC ini mampu mencapai matlamatnya iaitu meningkatkan kecekapan dan kemahiran peserta (yang merupakan pegawai KPM DG 52 dan DG 54) dalam memimpin dan mengurus fungsi organisasi dalam KPM.

Latar Belakang EEC

Selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadi sebuah organisasi pendidikan yang berkualiti, maka pemimpin dan pengurus di semua peringkat organisasi perlu dibangunkan. Pemimpin KPM mestilah berkemahiran, mempunyai atribut yang sesuai dan dapat bertindak sebagai pemimpin yang mangkin perubahan. Selaras dengan penubuhan Institut Aminuddin Baki (IAB) yang membangunkan profesionalisme dalam sistem pendidikan negara, IAB mengambil inisiatif untuk membantu KPM dalam memantapkan kompetensi individu untuk meningkatkan prestasi kerja melalui perubahan dan menerapkan sikap positif. IAB juga akan memberi tumpuan kepada peningkatan prestasi individu yang akan membawa perubahan positif kepada organisasi.

Peserta

Peserta adalah terdiri dari pegawai KPM, pegawai JPN dan Pengetua Cemerlang DG 52 dan DG 54.

Tempoh Masa, Tarikh Dan Tempat

- 4.1 Tempoh masa
Executive Enhancement Course ini adalah selama 6 hari 5 malam.
- 4.2 Tarikh dan tempat
 - 4.2.1 *Executive Enhancement Course (EEC)* Kohort 1
Tarikh: 23 Jun hingga 28 Jun 2013
Tempat: Hotel Permai, Kuala Terengganu
 - 4.2.2 *Executive Enhancement Course (EEC)* Kohort 2
Tarikh: 29 September hingga 3 Oktober 2013

...penilaian pelaksanaan *Executive Enhancement Course (EEC)*, adalah untuk mengkaji isu-isu pelaksanaan program tersebut agar IAB dapat mengenalpasti aspek kekuatan yang boleh dipelajari dan dimanfaatkan kepada program-program *Succession Plan* di IAB yang setara dengan program EEC.

*Selagi kita
bernyawa,kita
mestilah bekerja
menabur bakti
untuk bangsa dan
negara.Itulah
hiasan yang
sebenar
(Ibu zain).*

Tempat: Hotel Impiana, Cherating, Kuantan,
Pahang.
(*dipendekkan 1 hari disebabkan kelulusan pakej
bersyarat)

Tujuan

Executive Enhancement Course yang dijalankan selama 5 hari ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran peserta dalam memimpin dan mengurus fungsi organisasi dalam KPM.

Objektif Kursus

Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat:

- 1 membawa perubahan yang perlu dalam cara pemikiran mereka bersesuaian dengan jawatan yang dipegang.
- 2 meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka berkaitan kaedah penyelidikan untuk diaplikasi dalam tugas-tugas harian.
- 3 mengaplikasi kepentingan ulasan buku (*book review*) dalam tugas harian.
- 4 mengaplikasi kemahiran membuat keputusan dan model-model penyelesaian masalah melalui kajian kes dalam tugas harian.
- 5 menggunakan ciri-ciri komunikasi berkesan untuk menjayakan peranan dalam kepimpinan.
- 6 menguasai kemahiran pengucapan awam yang baik dan berkesan.
- 7 menggunakan kemahiran menulis laporan yang baik dan kritikal.
- 8 mengaplikasi kemahiran mencipta slaid persembahan yang baik dan berkesan.

7.0 Kandungan Modul

- 1 *Building Mindsets*
- 2 *Problem Solving and Decision Making*
- 3 *Research Methodology*
- 4 *Reporting*
- 5 *Book Review*
- 6 *Communication and Public Speaking*
- 7 *Benchmarking*
- 8 *Powerful Presentation Using ICT*

Kaedah Penyampaian Kursus

Kaedah penyampai bagi kursus EEC adalah menggunakan kaedah sesi kuliah, perbengkelan, sesi *hands-on* dan lawatan penandaarasan.

Penilaian Umum Kursus

Penilaian umum kursus ini adalah terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A yang menilai Maklum Balas Khidmat Sokongan dan Bahagian B Maklum Balas Sesi Latihan.

BAB 10

CABARAN PPM

10.2 STATE EDUCATIONAL LEADERSHIP TRAINING PROGRAM (SELTRiP)

Mewujudkan hubungan tiga dimensi yang lebih berkesan pada setiap peringkat sistem pendidikan iaitu KPM-JPN-PPD-Sekolah.

Anjakan ke enam dalam anjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) ialah memperkukuhkan semua institusi JPN dan PPD di seluruh negara. Dijangkakan, fungsi dan peranan JPN adalah lebih terarah kepada institusi yang membuat koordinasi dari segi polisi dan seumpamanya antara KPM dan sekolah. Manakala, bagi PPD pula ia akan terfokus kepada menjadi institusi pendidikan yang bersifat penyeliaan dan pemantauan terhadap setiap dasar atau program yang disarankan untuk dilaksanakan sekolah.

Selari dengan perkembangan itu, IAB telah diberikan tanggungjawab untuk menyediakan latihan kepada pegawai kanan di JPN dan PPD di seluruh negara agar mereka mampu menyesuaikan diri dengan perubahan terkini yang mereka hadapi. Program latihan ini adalah tertakluk dalam inisiatif kepimpinan PPPM.

Matlamat & Fokus

- Memimpin perubahan selari dengan kehendak utama dalam PPPM.
- Peningkatan kemahiran profesional pegawai kanan JPN dan PPD

Objektif


- Memahami dan bersedia untuk menghadapi perubahan dalam sistem pendidikan melalui perubahan amalan, nilai, dan pemikiran.
- Mengasimilasikan tiga elemen utama dalam diri setiap pegawai JPN/PPD untuk membolehkan mereka menerajui perubahan dalam era PPPM iaitu nilai, ilmu dan kemahiran.
- Membincangkan kemahiran-kemahiran yang perlu diterapkan kepada pegawai JPN/PPD supaya mereka mampu menerajui organisasi dengan berkesan.
- Secara spesifiknya, memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk menerajui JPN/PPD pada masa akan datang dengan lebih berkesan. Antara kemahiran yang dimaksudkan ialah *strategic management, coaching & mentoring, Effective Supervision / Supervisory Management, Effective Communication & Decision Making* dan *project management*.
- Mewujudkan hubungan tiga dimensi yang lebih berkesan pada setiap peringkat sistem pendidikan iaitu KPM-JPN-PPD-Sekolah.

Kerangka Latihan & Modul SELTRiP

SELTRiP akan dijalankan dalam 3 fasa yang berbeza iaitu :



Orang yang tidak bekerja untuk dirinya sendiri atau untuk orang lain, tidak mendapat rahmat daripada Allah. (Pujangga)



Perkembangan Semasa SELTRiP Sehingga September 2013

Konsep latihan ini telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Y.Bhg. Tan Sri Abd. Ghafar Mahmud, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia pada 30 Mei 2013 dalam satu sesi pembentangan khas.

Memandangkan program ini memerlukan penglibatan yang menyeluruh, maka pihak IAB telah membuat pembahagian pelaksanaan SELTRiP kepada dua bahagian iaitu pelaksanaan SELTRiP bagi JPN yang akan diuruskan melalui IAB Induk dan SELTRiP bagi PPD yang akan diuruskan oleh IAB Cawangan Utara. Ini adalah bagi memastikan pelaksanaan program ini dapat dilakukan dengan lebih sistematik.

Pada tahun 2013, IAB telah melaksanakan enam siri kursus Jadi, bermula bulan Ogos sehingga Disember, khas untuk kepada pegawai kanan JPN dan lapan siri kursus khas kepada pegawai kanan PPD. Sasaran pegawai JPN/PPD yang akan dilatih sehingga akhir tahun 2013 ialah seramai 480 orang.

BAB 10

Program Residency and Immersion (PRIme) bertujuan memberi bimbingan kepada Pengetua/Guru Besar (PGB) Lantikan Baharu dalam proses mereka menjawat jawatan sebagai pemimpin sekolah buat kali pertama.

10.3 PROGRAM *RESIDENCY AND IMMERSION* (PRIme)

1.0 Pengenalan

Program *Residency and Immersion (PRIme)* bertujuan memberi bimbingan kepada Pengetua/Guru Besar (PGB) Lantikan Baharu dalam proses mereka menjawat jawatan sebagai pemimpin sekolah buat kali pertama. PGB yang bakal dilantik memerlukan bimbingan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan di sekolah secara 'hands-on' dan perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan hal-ehwal dalaman sekolah seperti iklim dan budaya sebelum menjalankan tugas-tugas mereka.

Sehubungan itu, PGB yang bakal dilantik dapat menimba pengalaman daripada PGB yang akan bersara dan dapat memahami dan membiasakan diri dengan persekitaran dan iklim sekolah melalui program *Residency*. Selepas mengambil alih tugas sebagai pemimpin sekolah, PGB tersebut akan mendapat bimbingan professional dalam program *Immersion* daripada *Principal Coach* (PC) yang merupakan PGB yang berpengalaman. PC dapat membantu PGB Lantikan Baharu dengan berkongsi idea, pengalaman, dan kepakaran dalam pengurusan sekolah, di samping menjadi sumber penandaarasan.

2.0 Objektif


- 2.1 Membantu PGB Lantikan Baharu mengenal pasti bidang-bidang pengurusan dan kepimpinan di sekolah yang bakal ditadbir.
- 2.2 Membantu PGB Lantikan Baharu mengenal pasti iklim dan budaya di sekolah yang bakal ditadbir.
- 2.3 Membantu PGB Lantikan Baharu mengenal pasti bidang-bidang pengurusan yang kritikal yang boleh ditambah baik.
- 2.4 Memberikan peluang kepada PGB Lantikan Baharu memerhati dan mengalami sendiri suasana pengurusan dan kepimpinan di sekolah yang bakal ditadbir.
- 2.5 Menyediakan ruang dan peluang kepada PGB Lantikan Baharu berbincang dengan PC dan Pensyarah IAB dalam perkara berkaitan pengurusan dan kepimpinan sekolah.

3.0 Jangka Masa Program

- 3.1 *Residency* – 1 bulan sebelum bakal PGB Lantikan Baharu ditempatkan di sekolah pertama.
- 3.2 *Immersion* – 6 bulan pertama PGB Lantikan Baharu menjawat jawatan.
- 3.3 Tindak Susul – 6 bulan selepas program *immersion*.

4.0 Kerangka Pelaksanaan

Suatu pendirian yang salah, tidak akan dapat dipertahankan apabila berhadapan dengan pendirian yang benar (Pujangga).



5.0 Pelaksanaan Rintis Bagi Tahun 2013

Bagi tahun 2013 ini, PRIme akan dilaksanakan secara rintis bagi 100 sekolah di mana PGB akan bersara. Pemilihan 100 sekolah tersebut adalah melalui data PGB yang akan bersara pada bulan Oktober dan November 2013.

Jadual 1 – Data Pengetua/Guru Besar yang akan Bersara pada Oktober dan November 2013

Negeri	GB	P	Jumlah
JOHOR	8	4	12
KEDAH	9	3	12
KELANTAN	8	2	10
MELAKA	5		5
NEGERI SEMBILAN	1	1	2
PAHANG	9	3	12
PERAK	5	5	10
PULAU PINANG	4	1	5
SABAH	6	1	7
SARAWAK	11	2	13
SELANGOR	11	5	16
TERENGGANU	4	1	5
WP KUALA LUMPUR	2	3	5
WP LABUAN	1		1
Jumlah Besar	86	32	118

(Sumber Data: EMIS - Retiring Principal Profile, 7/5/2012)

6.0 Penutup

Program *Residency and Immersion* dijangka dapat membantu meningkatkan kualiti dan kompetensi kepimpinan pengetua baharu yang bakal dilantik.

10.4 PROGRAM PENGGUNAAN KEPAKARAN FELLOW KANAN DALAM PROGRAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Latar Belakang dan Punca Kuasa

Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Mesyuarat Profesional KPM Bil. 08/2013 bertarikh 21 Mac 2013 telah meluluskan pelaksanaan Program Fellow Kanan di bawah pengelolaan Institut Aminuddin Baki (IAB) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sekolah Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBBPSK) dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH). Program ini telah dilaksanakan mulai bulan April 2013 dan akan berakhir pada Disember 2015 iaitu gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Fellow Kanan adalah terdiri daripada mantan pegawai pakar Kementerian Pelajaran Malaysia. Pengalaman yang luas dan kepakaran mereka dalam bidang pengurusan dan kepimpinan seharusnya dimanfaatkan oleh KPM walaupun mereka telah bersara daripada perkhidmatan awam. Fellow Kanan yang dilantik merupakan mantan pengetua yang cemerlang di SBP/sekolah atau Pegawai di Bahagian KPM yang mempunyai kepakaran dalam aspek kepimpinan dan pengurusan pendidikan.


- Setiap Fellow Kanan yang telah dikenal pasti, mempunyai kemahiran dan rekod yang jelas cemerlang dan unggul.
- Kemahiran Fellow kanan perlu dimanfaatkan oleh mentee mereka khususnya dalam memacu sekolah ke peringkat sekolah berprestasi tinggi dan unggul.
- Kehadiran mereka lebih kepada untuk melihat situasi sedia ada dan sama-sama berdiskusi dengan pemimpin sekolah bagi mencapai kaedah penyelesaian yang sesuai dan tepat bagi menangani permasalahan yang di hadapi di sekolah-sekolah terlibat.

Status Pelaksanaan sehingga Oktober 2013

Untuk permulaan, pada tahun 2013- 2015, program ini terbahagi kepada dua (2) fasa iaitu fasa pertama melibatkan 7 orang Fellow Kanan dan 20 buah Sekolah Berasrama Penuh serta fasa kedua yang melibatkan 5 orang Fellow Kanan kepada 26 SIPartner+ di 5 buah Pejabat Pelajaran Daerah di Kedah; dan 12 orang Fellow Kanan untuk 44 orang SIPartner + di 24 buah Pejabat Pelajaran Daerah di negeri Sabah.



1. Modus Operandi Fasa 1 : Fellow Kanan untuk SBP



Jadual 1: Senarai 7 Fellow Kanan dengan 20 Pengetua SBP (mentee)

Bil	Fellow Kanan: Mentor	Sekolah (Mentee: Pengetua Sekolah)
1	Hjh Junaiddi binti Santano	1. SMS Sultan Iskandar Shah,Johor 2. SBPI Selandar, Melaka 3. SMA Persekutuan Kajang, Selangor
2	Hj Wan Hamzah bin Wan Daud	1. SMS Pasir Puteh, Kelantan 2. SMS Dungun, Terengganu 3. Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan 4. SBPI Tun Abdul Razak,Pekan
3	Dato' Mohd Rauhi bin Mohd Isa	1. SMS Pokok Sena, Kedah 2. SBPI Gopeng, Perak 3. SMS Kubang Pasu, Kedah
4	Haji Md Yusoff bin Othman	1. SMS Sultan Haji Ahmad Shah,Kuantan 2. SBPI Kuantan 3. SBPI Kubang Pasu, 4. Kedah SMS Teluk Intan, Perak
5	Haji Ariffin bin Abd Rahman	1. SMS Sultan Mohamad Jiwa, Sg. Petani, Kedah 2. SMS Tun Syed Sheikh Shahabudin,Pulau Pinang 3. SMS Kepala Batas, Pulau Pinang
6	Dr. Loji Roji bin Hj Saibi	1. SMS Sabah 2. SMS Labuan
7	Hj. Mortadza bin Alop	1. SMS Lahad Datu

2. Cadangan Modus Operandi bagi Fellow Kanan untuk SIPartner di negeri Kedah dan SIPartner negeri Sabah adalah seperti berikut:

Modus Operandi di **Kedah**

Persediaan & Lantikan Fellow Kanan	Fasa 2: Peningkatan Prestasi /Diskusi Intelek/Refleksi di PPD/Sekolah	Follow Up & Follow Through
<i>April 2013</i>	<i>Awal Sept 2013</i>	<i>Okt - Nov 2013</i>
Bengkel Persediaan & Lantikan 8 Fellow Kanan di IABU Perjumpaan 8 Fellow Kanan bersama 26 Klien untuk menetapkan TOR	Perjumpaan 8 Fellow Kanan bersama 26 klien (1 hari) di 8PPD 6 x konsultasi/ setahun (2 bulan sekali) 2 jam konsultasi	Pemantauan oleh Pensyarah IAB + BPSH (10 orang) 10 Pemantau : 26 sekolah 1 sekolah: 3 hari
Tanggungjawab IAB yang libat FK	Tanggungjawab BPSH	Tanggungjawab BPSH/IAB

3. Cadangan Modus Operandi bagi Fellow Kanan untuk SIPartner di negeri Sabah adalah seperti berikut:

Modus Operandi di **Sabah**

Persediaan & Lantikan Fellow Kanan	Peningkatan Prestasi /Diskusi Intelek/Refleksi di PPD/Sekolah	Follow Up & Follow Through
<i>April 2013</i>	<i>May - Disember 2013</i>	<i>Okt - Nov 2013</i>
Bengkel Persediaan & Lantikan 12 Fellow Kanan. Perjumpaan 12 Fellow Kanan bersama 44 Klien untuk 24 PPD untuk menetapkan TOR	Perjumpaan 12 Fellow Kanan bersama 44 klien (1 hari) di 24 PPD 6 kali setahun 2 jam konsultasi	Pemantauan oleh Pensyarah IAB + BPSH (10 orang) Lawatan 1 kali /tahun 10 Pemantau : 44 sekolah 1 sekolah: 3 hari
Tanggungjawab IAB yang libat FK	Tanggungjawab BPSH	Tanggungjawab BPSH/IAB
Tanggungjawab IAB yang libat FK	Tanggungjawab BPSH	Tanggungjawab BPSH/IAB

*Kementerian
akan terus
memastikan murid
berkeperluan
khusus, mempunyai
peluang yang sama
untuk mendapatkan
pendidikan yang
relevan dengan
keperluan mereka.*

10.5 PROGRAM LATIHAN KHAS PEMIMPIN SEKOLAH MURID BERKEPERLUAN KHUSUS

Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 berhasrat untuk mencapai lima keberhasilan teras pendidikan bagi menentukan kejayaan sistem pendidikan Malaysia secara keseluruhan. Salah satu keberhasilan teras pendidikan tersebut dilihat dari segi ekuiti, iaitu merapatkan lagi jurang pencapaian antara murid bandar dan luar bandar, tahap sosioekonomi dan pencapaian antara jantina sehingga 50% menjelang tahun 2020.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah menggariskan sebelas anjakan yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dalam Kementerian Pendidikan Malaysia di antara tahun 2013-2025. Salah satu daripada anjakan tersebut ialah menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.

Kementerian akan terus memastikan murid berkeperluan khusus seperti murid pendidikan khas, murid pribumi, dan kumpulan minoriti yang lain seperti Orang Asli dan Penan, murid Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan murid di Sekolah Kurang Murid (SKM), mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan pendidikan yang relevan dengan keperluan mereka.

Terdapat beberapa kumpulan murid yang keadaan dan keperluan mereka berbeza dengan murid arus perdana. Sekiranya tidak diuruskan dengan betul dan keperluan mereka tidak dipenuhi secara spesifik, kemungkinan murid ini tercicir daripada sistem pendidikan negara adalah tinggi dan mereka juga tidak dapat mengembangkan potensi diri sepenuhnya.

Menurut statistik yang diberikan oleh BPSH (Mac, 2013) terdapat sebanyak 1,979 buah Sekolah Integrasi Pendidikan Khas, 198 buah sekolah SABK, 872 buah sekolah Pedalaman, 94 buah sekolah Asli dan Penan dan 2,071 buah sekolah Sekolah Kurang Murid. Ia meliputi 5,214 buah sekolah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Sekolah Terlibat

Program ini merupakan latihan yang dirancang khusus bagi memberi tumpuan kepada lima kumpulan yang dikatakan sebagai berkeperluan khusus iaitu:

- i. Sekolah Pendidikan Khas Integrasi
- ii. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
- iii. Sekolah Pedalaman
- iv. Sekolah Kurang Murid
- v. Sekolah Murid Orang Asli

Objektif

1. Memberi pendedahan dan maklumat dalam bentuk Latihan Khas berkaitan pengurusan dan kepimpinan supaya mereka benar-benar kompeten dalam menghadapi isu dan cabaran yang berbeza berbanding sekolah biasa.
2. Memastikan murid berkeperluan khusus mendapat hak dan peluang yang sama dalam menerima pendidikan yang relevan dengan keperluan mereka sama seperti murid-murid lain di sekolah-sekolah biasa.
3. Merupakan proses pengukuhan ke atas pengurusan dan kepimpinan guru besar/pengetua perlu diberikan perhatian yang serius oleh KPM.

Pelaksanaan latihan untuk pemimpin sekolah murid berkeperluan khusus merupakan langkah yang penting dalam usaha merealisasikan hasrat untuk mengupayakan sekolah-sekolah murid berkeperluan khusus.

Pelaksanaan

Rangka perlaksanaan kursus untuk pemimpin sekolah berkeperluan khusus di bina berdasarkan kepada dapatan kajian keperluan kursus (TNA) yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa Pelaksana Program Latihan Khas Pemimpin Sekolah Murid Berkeperluan Khusus.

Latihan yang diberi kepada pemimpin sekolah murid berkeperluan khusus adalah berdasarkan kepada inisiatif kepimpinan PPM dengan memfokuskan kepada empat kuadron iaitu Pengurusan dan Kepimpinan, Pembelajaran Murid, Pengurusan Hal Ehwal Murid dan Komuniti.

Bagi memenuhi saranan YAB Perdana Menteri dan hasrat YBhg KPPM untuk memastikan Sekolah Murid Berkeperluan Khusus diuruskan dengan jaya pada gelombang pertama ini, maka Jawatankuasa Pelaksana Program Latihan Khas Pemimpin Sekolah Murid Berkeperluan Khusus telah merancang beberapa aktiviti dan program bagi memastikan matlamat dapat dicapai.

Kesimpulan

Pelaksanaan latihan untuk pemimpin Sekolah Murid Berkeperluan Khusus adalah merupakan langkah yang penting dalam usaha untuk merealisasikan hasrat untuk mengupayakan sekolah-sekolah murid berkeperluan khusus.

Dalam hal ini, IAB perlu memainkan peranan yang utama dan aktif untuk memastikan setiap pemimpin sekolah murid berkeperluan khusus diberikan ilmu dan kemahiran yang secukupnya bagi membolehkan mereka menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna dan berkesan.

10.5.1 Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Pemimpin Sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Pengenalan

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dilaksanakan di sekolah-sekolah yang mempunyai kelas untuk murid khas yang ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Pelajaran Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program ini terdiri daripada murid-murid yang bermasalah penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran yang mempunyai keperluan yang berbeza dengan murid-murid dalam arus perdana. Sekiranya tidak diuruskan dengan berkesan, keperluan mereka tidak dapat dipenuhi secara spesifik dan kemungkinan murid-murid ini akan tercicir dan potensi diri mereka tidak dapat dikembangkan sepenuhnya.

Menurut statistik yang diberikan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (Mac, 2013) terdapat sebanyak 1,979 buah Sekolah Integrasi Pendidikan Khas. Justeru, pemimpin sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang khusus untuk melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan.

Kumpulan Sasaran

Guru besar sekolah program pendidikan khas integrasi.

...kursus ini merupakan usaha untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, kualiti pengajaran dan pembelajaran, kualiti pengurusan sumber manusia dan kualiti prasarana dan kemudahan.

Objektif

1. Mengenal pasti elemen-elemen kritikal kepimpinan instruksional dalam usaha meningkatkan prestasi murid berkeperluan khusus.
2. Mengenal pasti isu-isu dalam pengurusan Sekolah PPKI.
3. Mengenal pasti keperluan khusus Sekolah PPKI.
4. Merancang strategi dalam meningkatkan prestasi sekolah.

10.5.2 Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Pemimpin Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Pengenalan

Program Latihan Khas Pemimpin Sekolah Murid Berkeperluan Khusus merupakan salah satu daripada inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Antara pemimpin sekolah yang diberi perhatian dalam program latihan khas ini ialah pemimpin Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Latihan atau kursus ini merupakan usaha untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan pentadbiran, kualiti pengajaran dan pembelajaran, kualiti pengurusan sumber manusia dan kualiti prasarana dan kemudahan. Pada akhirnya, kursus ini diharapkan dapat membantu dan memperkasakan sekolah-sekolah agama tersebut dalam mendepani cabaran-cabaran semasa.

Kumpulan Sasaran

Guru besar sekolah agama bantuan kerajaan.

Objektif

1. Mengetahui elemen-elemen kritikal dalam kerangka kepimpinan instruksional.
2. Memahami pentingnya kesedaran dan kebertanggungjawaban sebagai pemimpin sekolah.
3. Menjelaskan dasar-dasar pengurusan kewangan dan aset berdasarkan peraturan dan arahan-arahan yang berkuatkuasa.
4. Mengenalpasti isu-isu dalam pengurusan dan kepimpinan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
5. Merancang strategi dan pelaksanaan pelan tindakan untuk peningkatan prestasi sekolah.

10.5.3 Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Pemimpin Sekolah Pedalaman

Pengenalan

Kursus ini menyediakan peserta dengan peluang untuk mengkaji situasi perubahan diri sebagai pemimpin sekolah serta mengaplikasikan alat dan teknik yang praktikal dalam menyelesaikan masalah untuk menangani perubahan.

Ini juga merangkumi pembentukan budaya sekolah pedalaman dan implikasinya terhadap perubahan yang ingin dilaksanakan. Selain itu, pemantauan pelaksanaan perkembangan bagi sesuatu perubahan perlu dilakukan untuk mengekalkan momentum pengurusan perubahan itu sendiri. Di samping itu, pengukuran dan penilaian yang sesuai juga perlu dilaksanakan untuk melestarikan pengurusan perubahan. Sehubungan itu, pemimpin sekolah perlu mengurus perubahan yang efektif bagi membuat penambahbaikan sekolah yang berterusan.

Sistem pendidikan Malaysia berhasrat merapatkan 50% jurang sosioekonomi, antara bandar dengan luar bandar, dan gender dalam pencapaian murid menjelang 2020.

Kumpulan Sasaran

Guru Besar sekolah pedalaman.

Objektif

1. Mengenalpasti elemen-elemen kritikal kepimpinan instruksional dalam usaha meningkatkan prestasi murid berkeperluan khusus.
2. Mengenalpasti isu-isu yang kritikal untuk membuat penambahbaikan sekolah dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah.
3. Menganalisis untuk mencari peluang daripada kekuatan dan kelemahan yang ada di sekolah.
4. Merancang strategi dan alternatif untuk menangani perubahan di sekolah.

10.5.4 Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Pemimpin Sekolah Kurang Murid

Pengenalan

Sistem pendidikan Malaysia berhasrat merapatkan 50% jurang sosioekonomi, antara bandar dengan luar bandar, dan gender dalam pencapaian murid menjelang 2020. Pengurangan jurang sosioekonomi dan antara bandar dengan luar bandar dijangkakan memberi impak terhadap jurang pencapaian antara negeri dan jenis sekolah.

Kejayaan merapatkan jurang ini akan menjadikan Malaysia antara negara yang mempunyai sistem pendidikan yang lebih saksama di dunia. Pada masa ini, 34% sekolah rendah di Malaysia mempunyai kurang daripada 150 murid dan secara rasminya telah diklasifikasikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM). Mereka menyumbang 7% daripada enrolmen sekolah rendah. Secara purata, SKM menghasilkan pencapaian akademik yang agak lemah berbanding sekolah kebangsaan yang lain. Skor purata komposit bagi sekolah ini ialah 68%, 4% mata di belakang sekolah kebangsaan lain. Kelemahan dalam prestasi ini boleh dikaitkan dengan tiga cabaran struktur. Pertama, 73% sekolah kurang murid berada di kawasan agak jauh di luar bandar. Faktor ini menyebabkan murid terpaksa melalui perjalanan yang jauh untuk hadir ke sekolah, dan mengurangkan kemungkinan untuk menempatkan guru dan guru besar berprestasi tinggi berkhidmat di sekolah berkenaan. Kedua, sekolah ini kurang mendapat manfaat dari segi kokurikulum, kemudahan yang lebih baik, dan interaksi dengan rakan sebaya daripada pelbagai latar belakang. Ketiga, kebanyakan sekolah ini berada dalam kawasan status sosioekonomi rendah dan menghadapi masalah yang berkaitan dengan status sosioekonomi itu.

Keluarga berpendapatan rendah biasanya akan berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan anak mereka di sekolah kerana terpaksa menanggung kos berkaitan bekalan, pakaian seragam, dan pengangkutan, yang membawa kepada pertambahan kadar tidak hadir ke sekolah. Pemimpin SKM memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang khusus untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.

Kumpulan Sasaran

Guru Besar sekolah kurang murid.

*..pemimpin-
pemimpin sekolah
ini perlukan lebih
perhatian dan
sokongan pelbagai
pihak dalam usaha
membangun dan
meningkatkan
pencapaian murid
setanding dengan
sekolah-sekolah
dalam arus
perdana*

Objektif

1. Mengenal pasti elemen-elemen kritikal dalam kerangka kepimpinan instruksional dalam usaha meningkatkan prestasi murid berkeperluan khusus.
2. Menjelaskan amalan terbaik sarana ibu bapa dan sekolah.
3. Mengenal pasti isu-isu dalam pengurusan Sekolah Kurang Murid.
4. Mengenal pasti aspek-aspek dalam kemahiran pengajaran pelbagai aras (*multigrade learning*).
5. Menjelaskan aspek-aspek dalam kemahiran *Instructional Coaching*.
6. Membina pelan tindakan untuk meningkatkan prestasi Sekolah Kurang Murid.

10.5.5 Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Pemimpin Sekolah Murid Orang Asli

Pengenalan

Sekolah murid Orang Asli merupakan salah satu sekolah berkeperluan khusus dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025. Sekolah-sekolah ini berjumlah 94 buah, yang terdapat di tujuh negeri di Semenanjung Malaysia iaitu di Pahang, Perak, Selangor, Johor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Terengganu. Kebanyakan sekolah ini terpisah dari arus pembangunan oleh sempadan geografi dan terletak jauh di pedalaman dan sukar dihubungi. Untuk itu, pemimpin-pemimpin sekolah ini perlukan lebih perhatian dan sokongan pelbagai pihak dalam usaha membangun dan meningkatkan pencapaian murid setanding dengan sekolah-sekolah dalam arus perdana

Kumpulan Sasaran

Guru Besar sekolah murid orang asli.

Objektif

1. Mengenal pasti ciri-ciri penting dalam kerangka kepimpinan instruksional.
2. Mengenal pasti sumber yang dapat membantu dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah.
3. Mengurus kewangan dan aset sekolah dengan berkesan.
4. Merancang strategi dan melaksanakan pelan tindakan untuk meningkatkan prestasi sekolah.

BAB 10

CABARAN PPM

10.6 KURSUS PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN PEMIMPIN BERPRESTASI TINGGI (CPDHPL)

Pengenalan

Dalam Anjakan 5 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan berusaha menempatkan pemimpin berprestasi tinggi di setiap sekolah. Pemimpin Sekolah Berprestasi Tinggi perlu mengekalkan dan meningkatkan kelestarian, kecemerlangan individu dan prestasi sekolah. Kursus ini dibangunkan khusus untuk mengembangkan lagi potensi pemimpin berprestasi tinggi ini bagi merealisasikan matlamat tersebut. Kandungan Kursus Pembangunan Profesionalisme Berterusan Pemimpin Prestasi Tinggi (CPDHPL) ini membantu pemimpin sekolah mengenal pasti dan meneroka potensi diri dan menterjemahkan kecemerlangan tersebut dalam menerajui dan memacu ke arah sekolah yang unggul bukan untuk kepentingan diri sendiri sahaja malah untuk kepentingan daerahnya sekali.

Rasional

Kursus Pembangunan Profesionalisme Berterusan Pemimpin Prestasi Tinggi (CPDHPL) merupakan satu kursus aras tinggi yang menggunakan satu pendekatan luar biasa kerana peserta diberi pendedahan kepada kaedah pengurusan dan kepimpinan di luar konteks pendidikan dengan mengadaptasikan amalan-amalan terbaik syarikat dan organisasi luar yang telah terbukti tersohor di persada dunia. Dengan menggunakan potensi diri mengatasi limitasi sempadan kemampuan diri, peserta dapat mengaplikasi dan mengadaptasi pengetahuan dan kemahiran baru di luar kotak minda dalam membuat inovasi ke arah membina sekolah yang unggul. Kejayaan dan amalan terbaik yang berjaya dibuktikan semasa membuat pengurusan projek akan dikongsi bersama warga pemimpin pendidikan di daerah masing-masing.

Sungguhpun tempoh masa yang perlu bagi melengkapkan kursus ini mengambil masa enam bulan, tetapi secara tepatnya setiap pemimpin sekolah yang mengikuti kursus ini dengan lengkap hanya perlu meninggalkan sekolah selama 15 hari sahaja iaitu lima hari untuk Modul Teras, lima hari untuk Program Sandaran, satu hari untuk Taklimat Pengurusan Projek dan empat hari untuk Kolokium. Secara logiknya dengan menghadiri kursus ini sahaja sudah cukup untuk memberi mata kredit yang penuh kepada setiap pemimpin sekolah.

Objektif

1. Mengembangkan potensi individu dengan mencabar kemampuan diri dalam aspek pengetahuan, kemahiran, sikap, minda, emosi, kecergasan, kecerdasan dan *spiritual*.
2. Memantap dan menambahbaik kualiti kepimpinan dan pengurusan secara kreatif dan inovatif untuk melonjak kecemerlangan individu dan prestasi organisasi.
3. Menghayati Model Bisnes dalam industri yang lain dan merangka serta mengaplikasikan model ini mengikut konteks organisasi masing-masing.
4. Mengenalpasti, mempelajari, mengubahsuai dan melaksanakan amalan-amalan terbaik daripada organisasi lain untuk mencapai prestasi sekolah yang unggul.
5. Berkongsi amalan terbaik pemimpin cemerlang dengan mengadaptasikan amalan-amalan tersebut dalam pengurusan dan kepimpinan sekolah.
6. Memimpin Pengetua dan Guru Besar yang lain dalam membudayakan Professional Learning Community (PLC) di daerah masing-masing.

Kumpulan Sasaran

Pengetua dan guru besar berprestasi tinggi.

*Kursus
Pembangunan
Profesionalisme
Berterusan
Pemimpin Prestasi
Tinggi (CPDHPL)
merupakan satu
kursus aras tinggi
yang menggunakan
satu pendekatan
luar biasa.*

10.7 KURSUS PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN “*DIFFICULT PEOPLE*”

Pengenalan

Kursus ini menyampaikan pengetahuan dan kemahiran mengurus dan memimpin “*difficult people*” di sekolah. “*Difficult people*” boleh terdiri daripada guru, staf sokongan, rakan sekerja, ibu bapa, ahli komuniti atau orang berkepentingan. Mereka adalah orang yang dianggap menyakitkan hati sehingga kita “tidak tahan” dengan mereka (Brinkman & Kirschner, 2003) dan mereka mungkin menunjukkan tingkah laku yang agresif, enggan mendengar penjelasan, tidak sabar atau cenderung untuk mengertak (Lilley, 2002). Konfrontasi dengan “*difficult people*” boleh mengakibatkan stres dan gangguan dari segi emosi kepada orang-orang di sekitarnya. “*Difficult people*” juga boleh menjejaskan suasana kerja (Whitaker, 2003). Tingkah laku mereka menyebabkan orang lain bersikap defensif, takut, keliru dan marah. Dalam keadaan seperti itu, pencapaian matlamat kerja organisasi akan terjejas.

Sasaran

Guru besar dan pengetua.

Objektif Kursus

1. Memahami ciri-ciri kepimpinan pendidikan yang unggul untuk mengoptimumkan pencapaian organisasi.
2. Mengenal pasti tingkah laku “*difficult*” dan kesannya terhadap orang lain.
3. Menggunakan pelbagai strategi untuk mengurus “*difficult people*” bagi mencapai suasana kerja yang harmoni.
4. Mewujudkan semangat kerja berpasukan yang mantap dan berkesan.
5. Mengaplikasikan kemahiran kemanusiaan, kepimpinan dan komunikasi yang berkesan dalam pengurusan harian.

10.8 KURSUS KEPIMPINAN BERPRESTASI RENDAH

Pengenalan

Jabatan Pengurusan HEM dan Kaunseling (JPHEMK) telah diamanahkan membina modul khusus bagi pemimpin berprestasi rendah. Mesyuarat pembangunan modul telah dilaksanakan di Kuantan bersama dengan pembinaan modul untuk kursus pengurusan dan kepimpinan “*difficult people*” pada 2 – 6 September dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal pada 9 September 2013. Kursus rintis dijadualkan pada 11– 15 November 2013.

Pengisian modul kursus ini berfokus kepada persediaan dalam proses merealisasikan amalan profesionalisme di dalam organisasi yang menekankan kepada pembinaan *Total Training Concept (ASK)*. Bagi merealisasikan hasrat ini *mindset* peserta perlu dikenal pasti awal sebelum perubahan *attitude* hendak dilaksanakan. Potensi diri individu hanya boleh dikenal secara saintifik melalui ujian-ujian psikologi yang akan dikendalikan. Mengenali potensi diri pula hendaklah selari dengan dasar dan hala tuju pengurusan. Aspek perundangan dan tindakan tatatertib perlu dikuasai dengan jelas dalam melaksanakan tindakan sebagai pemimpin di sekolah.

Sasaran

Guru besar dan pengetua.

Objektif Kursus

Pada akhir kursus, peserta dapat:

1. Mengetahui peranan dan status sebagai kumpulan pemimpin sekolah.
2. Mengenali potensi diri secara saintifik melalui ujian psikologi.
3. Mengetahui dasar dan hala tuju sebagai pemimpin di sekolah.
4. Mengetahui dan mampu bertindak berdasarkan perundangan dan tindakan tatatertib.
5. Mengenali potensi kekuatan dan kelemahan amalan kepimpinan dan pengurusan sekolah yang dilawati.

“Pemimpin datang dan pergi”



Majlis persaraan Tan Sri Abdul Ghafar bin Mahmud

“Saya percaya...esok sudah tidak boleh mengubah apa yang berlaku hari ini, tetapi hari ini masih boleh mengubah apa yang akan terjadi pada hari esok...”
(Kata-kata Pujangga)

Lampiran

Lampiran 1

Senarai Graduan NPQEL 2012



SENARAI NAMA GRADUAN
PROGRAM KELAYAKAN PROFESIONAL PEMIMPIN PENDIDIKAN KEBANGSAAN (NPQEL)
AMBILAN 1 DAN AMBILAN 2 TAHUN 2012

BIL.	NAMA	TEMPAT BERTUGAS
1	ABD MAJID BIN TAIB	SK JERLUN
2	AINI SALINA BINTI ABDUL RAHIM	SK PEREMBA
3	AINUN JARIAH BINTI MOHD NOOR	SK BATU 10 LEKIR
4	ALI OTHMAN BIN DAYON	SK CLIFFORD
5	ASMALIZAN BIN MUDA @ JUSOH	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEMPORNA
6	AZIZUL BINTI SALLEH	SK KEM LAPANGAN TERBANG
7	AZIZ BIN GHAZALI	SK TAMBAK JAWA
8	AZLAN BIN SAAD	SK KAMPUNG PAYA
9	AZLINDA SHAM BINTI ABDULLAH SANI	SK INTAN BAIDURI
10	CHE NASIRAH BT BIDIN	SK LABU BESAR KULIM,KEDAH
11	CHEAH GAIK IMM	SJK (C) CHUNG HWA, LANGKAWI.
12	CHENG SIEW JOO	SJK(C) WOON HWA
13	CHIN AH SAI	SK TABUT
14	CHIN KON THAI	SJK(C)KAMPUNG BARU SEMENYIH
15	CHONG LEE LEE	SJK (C) KULAI (2)
16	CHUAH GEK KIM	SJK (C) PERKAMPUNGAN BERAPIT
17	DENNIS JUGAH ANAK JALAK	SK ABOK
18	FAUZIAH BINTI OTHMAN	SK CONVENT FATHER BARRE
19	GOKILAMBAL A/P M.MANICKAM	SJK (TAMIL) JALAN SIALANG
20	HASSAN BIN AHMAD	SK(FELDA)CHINI 3&5
21	HASSAN BIN ISMAIL	SK BANDAR PUTRA
22	HUSSIN BIN YAAKUB	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KUALA KRAI
23	ISKANDAR BIN SIJI	SK KAMPONG KEDA
24	JALILAH BINTI AKOB	SK JAYA GADING
25	JULIA BINTI ABU BAKAR	SK SERI IMAN,
26	JURA BINTI HAJI HAMID	SK SUNGAI SETAR,
27	KHOLIB BIN ABD HAMID	SK PENGHULU HAJI DARUS WANG TEPUS
28	KHOR SIEW HWA	SJK(C)KUO KUANG 2
29	KOK POH ING	SJK (C) PEI HWA
30	KUIK KIM HAI	SK BANGGOL
31	LAM SOH SAN	SJK (C) BATU
32	LAU SEE TIN	SJK (C) SENGKANG
33	LEE SIEW LING	SJK (C) KULAI BESAR TAMAN SAGA
34	LIM CHIEW YANG	SK TAMAN TUANKU JAAFAR 2
35	LIM MING LEE	SJK (C) TONGKANG PECAH
36	MAHADEVAN A/L KANDAN	SJK (T) PERAK SANGEETHA
37	MAIDAN DALI @ SUMARDI BIN YUSOFF	SK MEMBEDAI
38	MD DIN BIN MUHAMMAD ARIFIN	SK CHEROK PALOH
39	MOHAMAD ILHAM BIN HANIFAH	SJK (C) DESA JAYA KEPONG
40	MOHAMMAD RADZI BIN AWANG	SK KAMPUNG NASIB
41	MOHD NAZRI BIN RUWIYAH	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
42	MOHD NIZAM BIN ABU BAKAR	SK SINGKIR
43	MOHD RAHMAN BIN RABINGAN	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PETALING PERDANA
44	MUNIANDY A/L KOLAKAN	SJK (T) LADANG AIR HITAM
45	MUTHULETCHUMY A/P RAJAGOPAL	SJK (T) MAHAJOTHI
46	NAGARAJA A/L PALANIAPPAN	SJK (T) SELAMA

47	NOOR AIDA BINTI NGAT DENIN	SK TUN DOKTOR ISMAIL
48	NORASHIKIN BINTI SAAD	SK PADANG KOTA
49	NORAZILA BT SAAD	SK RINGLET
50	NORHISHAM BIN ARIFFIN	SK. DESA JAYA
51	NORIAH BINTI CHE SOH	SK BELUKAR
52	NORTIJAH BINTI IBRAHIM	SK TUNJUK LAUT
53	PARIDEH BT MAT JALI	SK PASIR GAJAH
54	RAJASWARI A/P PERUMAL	SJK(T) KANGKAR PULAI
55	ROSNANI BINTI IBRAHIM	SEK. KEB. BATU UNJUR
56	ROZITA BINTI ABD MAJID	SK BANDAR PUTRA
57	SAIDI BIN SAARI	SK SUNGAI PUSU
58	SALFALAILI BINTI MAT SAAD	SKBANDAR BARU BERIS JAYA
59	SHAMSUL ARIFFIN BIN MOHD DIAH	SK KAYANG
60	SHUHAILI BIN SALLEH	SK PROTON CITY
61	SYED FAZLI BIN SYED ZAINOL ABIDIN	SK SANGLANG
62	TAN CHOY YING	SJK(C) SIN MIN
63	TAN SAW BEE	SJK (C) MOH GHEE PUSAT
64	TAN SIEW TING	SJK (C) SUNGAI WAY
65	TAUFET ROSDI BIN MUHAMAD YAAKOP	SK TELOK JAMAT
66	TAY SIOK HONG	SJKC PEI HWA
67	TEH GUAT WAH	SJK (C) SAN MIN
68	WAN ZAINAH BINTI WAN NAWAWI	SK TAMAN AMAN
69	ZAHARUDDIN BIN ABDULLAH	SK KERAMBIT
70	ZARINAH BINTI YAHYA	SK PALONG 3 (FELDA)
71	ZULKIFLI BIN JUSOF	SK BELADAU KOLAM
72	AB.HARITH BIN AB.HAMID	SMK SULTAN IBRAHIM 1
73	ABDULLAH MUNSI BIN ABDUL RAHIM	SMK DATO SHAMSUDIN NAIN
74	ADNAN BIN A. AZIZ	SM SAINS LABUAN
75	AHMAD MASRI BIN ABDUL RASID	SMK AIR KUNING
76	AMRAN BIN ABAS	SMK DATO BANTARA DALAM
77	AZHAR BIN AHMAD	SMK CHANGKAT LADA
78	AZIZAH BINTI HASHIM	SMK SRI RAHMAT
79	AZLIZA BINTI MAT LAZIM	SMK DAMANSARA DAMAI 1
80	AZMAN BIN ABDULLAH	SMK KAMPUNG NYIUR
81	AZMAN BIN SAFII	SMK KULAI BESAR
82	BUSANG ANAK BEDINDANG	SMK LUAR BANDAR
83	GAN SWEE CHONG	SMK KAMARUL ARIFFIN
84	HANIFAH BIN VEERANKUTTY	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BENTONG
85	HASHIM BIN SARYANI @ MD NOH	SMK SUNGAI KERTAS
86	HISAMUDDIN BIN KAMIS	SM SAINS TUANKU SYED PUTRA
87	ISHAK BIN ZULKIFLI	SMA DARUSSAADAH (SABK)
88	ISKANDAR KHOR BIN ABDULLAH	SMK YONG PENG
89	ISMAIL BIN AHMAD	SM AGAMA DARUSSAADAH (SABK)
90	LILY BU BTE ABDULLAH	SMK SULTAN IBRAHIM
91	MAD JAIS BIN AMBAI	SMK TITINGAN
92	MANOKARAN A/L PONNIAH	SMK TENGKU IDRIS SHAH
93	MARINI BINTI HUSSAIN	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
94	MARIYANI BT. MALEK	SMK. TUN SYED SHEH BARAKBAH
95	MD HASRAM BIN OMAR	SMK BANDAR PUTRA
96	MD.ZIN BIN JAAFAR	BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECERMERLANGAN, KPM
97	MOHAMAD NOOR BIN MAN	JABATAN PENDIDIKAN PERLIS
98	MOHAMAD SAIDI BIN ALI	SMK KAMIL

99	MOHD AZMI BIN HARUN	SMK AGAMA WATANIAH
100	MOHD ZARRAWI RAVI BIN ABDULLAH	BAHAGIAN SUKAN, KPM
101	MUKHARITA BIN SHAHAROM	SM SAINS KUALA SELANGOR
102	MUSTAFA KAMAL BIN JAMALUDDIN	KOLEJ ISLAM SULTAN ALAM SHAH
103	NAJDAH BT ISMAIL	SM VOKASIONAL SULTAN HJ.AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH
104	NOR AISAH BINTI RAMLAN	SMK SULTAN ISMAIL
105	NOR AZIZAH BINTI ABDUL HADI	SMK PANDAN
106	NORIZAH BINTI ABDUL HAMID	SMK PUNCAK ALAM
107	RAMLAH BT. ABDUL GHANI	SMK CONVENT MUAR
108	RIDZUAN BIN BADRI	SMK BANDAR PUTRA
109	ROSE AZA BIN CHE ARIFIN	SMK TENGKU SULEIMAN
110	ROSMAN BIN BACHOK	SMK TAN SRI OSMAN MOHD SAAT
111	SAZALI BIN AHMAD	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEGAMAT
112	SHAMSUDIN BIN HUSSIEEN	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN
113	SITI HAJAR BTE MAHPOL	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
114	SITI JUBAIDAH@MARIAM BINTI KARIA	SMK GADONG
115	SUHAIMI SUN BIN ABDULLAH	SEKOLAH SUKAN BUKIT JALIL
116	SUHAINI BIN SHAARI	SMK SERI NILAM
117	TAI CHEN KIUN	SMK SEG HWA
118	TENG SAW SEE	SMK AVE MARIA CONVENT
119	WAN MOHD SALLEH BIN WAN ISMAIL	SMK GELIGA
120	YONG LEE CHENG	MAKTAB SULTAN ABU BAKAR
121	ZAKARIA BIN ABDULLAH	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH CAMERON HIGHLANDS
122	ZAN NAIN BIN SENIN	SMK TENGKU IBRAHIM
123	ZUL BIN SENIN	SMK TUNKU SYED IDRUS
124	AAMANU BIN IBRAHIM	JEMAAH NAZIR DAN JAMINAN KUALITI, KPM
125	AB.AZIZ BIN AHMAD	SMKA KUALA LUMPUR
126	ABDUL RAHMAN BIN SAFAR	SMK TUNKU BESAR TAMPIN
127	ABU HASSAN BIN DOLLAH	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM
128	AG.ROZLAN BIN MANAN	SMK LABUAN
129	ASHARI BIN NGAH	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MARANG
130	AZIZI BIN MATROF	SM RAJA ABDULLAH
131	AZMI BIN HARUN	SMKA SLIM RIVER
132	AZMI BIN SUKIMAN	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SEGAMAT
133	CHIN CHOY LAN	SMJK CHUNG HWA
134	CHIN SIK SEAN	SMK SULTAN BADLISHAH
135	ELMY AZIZAN BIN ABDUL AZIZ	SMK SERTING HILIR KOMPLEKS
136	FAZAL IZWAN BIN MOHAMED TAJUDIN	SMJK POI LAM
137	HADY BIN ALI	BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN, KPM
138	HUSZAIDI BIN HUSSIN	SEKOLAH SUKAN BUKIT JALIL
139	ISHAK BIN ABDULLAH	SMK CHERAS PERDANA
140	JACKSON BIN SIGO @ SIGA	BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN NEGERI SABAH
141	JIJAH BINTI MOHAMAD SUHAI	SMK PANTAI
142	KAMAR BIN MOHAMAD DAN	SMK MUNSHI IBRAHIM
143	KAMARUDIN BIN MD NOOR	SMK BUKIT INDAH
144	KAMARULARIPIN BIN JAFFAR	SM SAINS KUALA SELANGOR
145	KAMEL BIN ACHONG	INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS JAYA
146	KASMAN BIN EMBONG	SMK MATANG
147	KHAIRUDDIN BIN SAISI	SEKOLAH SUKAN TUNKU MAHKOTA ISMAIL
148	KHALIL SAFRI BIN ADAM	SMK ALOR AKAR
149	KHO SAY WEI	SMK BUKIT LIMA

150	LEE KHUNG KION	SMK DESHON
151	LEE POH ENG	SMK CONVENT KLANG
152	LEOH BIN APIN	SMK LOHAN
153	LIM PECK POH	SMJK CHUNG HWA 1
154	LUA BEE YUEH	SMK SHAN TAO (CF)
155	MAHIR BIN MOHAMAD	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
156	MASSITA BINTI MOHAMED SIN	SMK PERIMBUN
157	MAZLAN BIN PALID	SMK AIR KUNING MAMBANG DI AWAN
158	MAZNAH BINTI AHMAD	SAMT SULTAN HISAMUDDIN
159	MD JAIS BIN MD SAID	SMK JENGKA 21
160	MOHD JAMATIN BIN ABD LATIP	SMK TAMAN PERUMAHAN BEDAUN
161	MOHD NOOR BIN MAZUKI	SMA DATO HAJI TAN AHMAD
162	MOHD RASIMI BIN ISMAIL	SMK PADANG GARUDA
163	MOHD SHAHIR BIN SENI	SMK INDERA SHAHBANDAR
164	MUSTAPHA BIN NABARI	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MERADONG
165	NARDIN BIN BAKAR	JABATAN PENDIDIKAN PERLIS
166	NAZAMUD-DIN BIN ALIAS	INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS BATU LINTANG
167	NOORSHAFILA BINTI LAH	JABATAN PENDIDIKAN PERLIS
168	NORAIZAH BINTI MOHD NOOR	SMK (P) RAJA ZARINA
169	PANCRATIUS BIN PRIMUS	SM SAINT MARTIN
170	RAJA MANSOR BIN RAJA DAUD	SMK DATO PANGLIMA PERANG KIRI
171	RAVADHI A/P PERIASAMY	SMJK POI LAM
172	RAVINDRAN A/L APPLASAMY	SMK KAMPUNG RAJA
173	ROHAIYU BINTI SANUSI	SMK PUTRAJAYA PRESINT 11(2)
174	ROOSMAWATY BINTI IBRAHIM	SMK SUNGAI KAPAR INDAH
175	ROSIKIN BIN SAIDUN	BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU,KPM
176	ROZALI BIN AWANG	SMK KUBANG KERIAN 1
177	RUSNI BINTI AHMAD	SMK MUTIARA
178	SALMAH BINTI JOPRI	BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS KPM
179	SAMSUDDIN BIN JIMAN	SMK YAM TUAN RADIN
180	SARINAH BTE HASHIM	SMK KOMPLEKS KLIA
181	SEMANTO BIN AHI	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MERADONG
182	SHRIFAH ZAHRAH @ FAIZAH BINTI SYED'ABU BAKAR	SMK BANDAR BARU AMPANG
183	SITI AIDA BINTI JONED	SMK GOMBAK SETIA
184	TAN KOK AUN	SMK TIONG HIN SUNGAI MERAH
185	WAN MASWATI BINTI WAN HUSSIN	BAHAGIAN MATRIKULASI, KPM
186	WAN MUHAMMAD SAIDI BIN JAAFAR	SM SAINS TENGGU MUHAMMAD FARIS PETRA
187	ZAHARAH BINTI HASHIM	SMK TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA JOHOR
188	ZAMILAH BINTI EKHWAN	SMK CONVENT
189	ZULKEFLI BIN SULONG	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KULAI
190	AHMAD JAFRI BIN DOLAH	SK ABU BAKAR
191	ARBA,A BIN HAMID	SK PADANG SEBANG
192	BALANGKIT@THADDEUS GANSING	SRK ST DAVID TOBOH
193	CHE ZAHARI BIN CHE ALI	SK PENGKALAN CHENGAL
194	CHIN SWEE YIN	SJKC SUNGAI CHUA
195	ERNIE MASLIZA BINTI ZOLKEPLY	SK HAJI HUSSAIN
196	HAMIZA BT HASHIM	SK BUKIT SELAMBAU
197	HAN SU LING	SJK(C) CHUNG HUAH
198	HASNAH BT ABDUL HALIM	SK KUALA MUDA
199	HISHAM BIN ISMAIL	SK SUNGAI KOROK
200	HISHAMUDDIN BIN MUDA	SK ST. PAUL
201	ISKANDAR ABDULLAH @ PHILLIP ANAK LAWAN	SK LANAI

202	JUHRANAR BINTI YANG	SK. TAMING JAYA
203	KUMUTHA A/P KANCHYMALAY	SJK (T) TAPAH
204	LAM CHEW MUN	SJK(C)CHUEN MIN
205	LATIFAH BINTI MOHD AMIN	SK TAMAN BUKIT SUBANG
206	LEE SUET MEI	SJK (C) SAM TET
207	LEONG MEE LING	SJKC KWONG HON
208	LIM CHAW HUA	SJK (C) MIN TE
209	LIM HONG LEE	SJK (C) CHIO CHIAO
210	MAT NORDIN BIN MUSTAFA	SK PULAU BESAR
211	MATHI ALAGAN A/L SAKARABANI	SJK TAMIL RAWANG
212	MATHNA BINTI SAEDIN	SK LAHAR KEPAR
213	MD DAUD BIN AWANG	SK GUAL TO'DEH
214	MEGAT NOR SHAHFIEE BIN MEGAT HUSSIN	SK LEKIR
215	MOHD ASLIN BIN HASSAN	SK BAKONG
216	MOHD ZAWAVI BIN BIDIN	SK KAMPUNG SHAFIE
217	MOHD ZULKIFLI BIN MAT SALLEH	SK TANAH MERAH
218	NIRMALA A/P NILAWANI	SJK(T) LADANG ULU TIRAM
219	NOR HASHIMAH BINTI OTHMAN	SK TEMERLOH JAYA
220	NOR HAYATI BT YUSOF	SK LIMAU KASTURI (1)
221	NOR SAMSIAH BINTI OMAR	SK TANJONG BAYAN
222	NORFAIZAH BINTI ABDULLAH	JABATAN PELAJARAN NEGERI PULAU PINANG
223	NORMALA BINTI SULAIMAN	SK BUKIT SETONGKOL
224	NORSIAH BT KHALIL	SK SUNGAI TERAP
225	NUR AZIEYAN ABDULLAH @ KUEH YAN YAN	INSTITUT PENDIDIKAN GURU, KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM
226	ONG THIAN BOON	SJK (C) YU HUA
227	PALANIAPPAN A/L MUTHUSAMY	SJK(T) LADANG BUKIT SELARONG
228	RAMLAN BIN SAMION@SAMIHON	SK SUKAU KINABATANGAN
229	ROSLEE BIN ISMAIL	SK SUNGAI SOI
230	ROSMILA BINTI CHE ROSE	SK PERMATANG PAUH
231	SALASIYAH BINTI PATONI	SK PUNCAK ALAM (2)
232	SITI HAIDA BINTI MANSOR	BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN, KPM
233	SO CHAN LENG	SMK KEMAYAN
234	SUWARNI BINTI JUMAIN	SK PUNCAK ALAM (2)
235	TAN SOW YONG	SJKC TSUN JIN
236	TENGKU NORMA BINTI TENGKU MANSOR	SK BELADAU KOLAM
237	TGK AZIS BIN TENGKU MAMAT	SK BUKIT JAWA 2
238	TI SWEE KIAN	SJK (C) KERDAU
239	VURISIAH DADONG	SK. SUNSURON
240	WAN AZHAR BIN WAN NAWI	SK SERI MAKMUR
241	WAN FAKRI BIN WAN YUSOF	SK KUBANG KUAU
242	ZAINURIN BIN ZAHARIN	SK LKTP CHINI TIMUR SATU
243	ZAMRI BIN GHAZALI	SK (LKTP) JENGKA 23
244	ZUBIDAH BINTI ANUAR	SK BANDAR SERI PUTRA